

"SUMBANGAN Jepun yang berterusan di rantau Asia Tenggara telah menyumbang ke arah kemajuan ekonomi ASEAN. Hubungan ekonomi ASEAN - Jepun adalah sangat perlu dan penting." - Titah di Sidang Kemuncak ASEAN yang diadakan di Phnom Penh, Kemboja pada 5 November 2002.



"DARI Jabir Radial-lehuanhu daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam, Baginda bersabda : Bagi setiap penyakit itu ada ubatnya, maka apabila ubat serasi dengan penyakit, ia akan sembuh dengan izin Allah Azzawajalla." - Maksud hadis Rasulullah riwayat Al-Imam Muslim.

Perdagangan, pelaburan paling penting K'SAMA ASEAN, JEPUN MAJU

Laporan Sahari Akim
dari Tokyo

Mengukuhkan k'sama sosial, kebudayaan

TOKYO, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, selain kerjasama ekonomi dan keselamatan politik yang telah membantu rantau ini untuk kekal bertahan dan berdaya saing, usaha mengukuhkan kerjasama sosial dan kebudayaan akan membawa dimensi kemanusiaan dalam hubungan ASEAN - Jepun.

Baginda menambah, masa depan kerjasama ASEAN - Jepun hendaklah melibatkan penyertaan rakyat biasa agar mereka mengetahui apa yang berlaku dan dapat merasakan sebahagian daripada kerjasama tersebut dalam kehidupan seharian mereka.

"Hubungan ini hendaklah menerusi perhubungan rakyat dengan rakyat dan memahami antara satu sama lain melalui pelancongan, pertukaran kebu-

dayaan dan lawatan-lawatan sambil belajar," titah baginda pada Sesi Kedua Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun yang berlangsung di Hagoromo-no-Ma, Geihinkan di sini.

Kebangkitan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Chihiro Tsukada, Pengarah Geihinkan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Baginda menambah, cara tersebut akan membantu mengeratkan hubungan antara rakyat ASEAN dan Jepun meningkatkan lagi persefahaman dan saling menghargai antara satu sama lain.

Lihat muka 11

TOKYO, 11 Disember. - Jepun merupakan salah sebuah rakan kongsi ekonomi utama kepada ASEAN di mana perdagangan dan pelaburan akan terus kekal menjadi bidang kerjasama yang paling penting antara kedua-dua belah pihak.

Hubungan ASEAN - Jepun telah berkembang sejak lebih dari 30 tahun lalu meliputi kerjasama perdagangan, pelaburan dan teknologi serta pembangunan sosial dan kebudayaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Sesi Pembukaan Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN-Jepun berlangsung di Geihinkan (Istana Tetamu Negara) di sini.

Baginda seterusnya bertitah bahawa ASEAN juga mendapat faedah daripada keadaan yang aman dan selamat di rantau Asia Timur, hasil komitmen dan kesediaan Jepun untuk mencapai keamanan menerusi proses dialog dan perundingan.

Pada sesi itu, baginda juga merakamkan penghargaan kepada Jepun di atas sumbangannya kepada pembangunan, keamanan dan kesejahteraan ekonomi jangka panjang di rantau Asia Tenggara.

Jepun, titah baginda lagi, juga telah membantu membangun ASEAN dan menjadikannya sebagai sebuah pertubuhan yang berdaya maju, bukan sahaja di rantau ini malah di Asia Pasifik dan di arena antarabangsa.

Lihat muka 11



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi, Perdana Menteri Jepun sebelum kedua-dua pemimpin mengadakan perjumpaan.

Kebawah DYMM, PM Malaysia adakan rundingan empat mata

Oleh Haji Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan rundingan empat mata bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Perdana Menteri Malaysia dan rombongan berada di negara ini bagi lawatan sehari.

Lihat muka 16



MENJALIN KERJASAMA ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mengadakan perjumpaan empat mata bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi di Istana Nurul Iman.



HARI KEBANGSAAN
68 HARI LAGI

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :
Belia perlu bersikap berdikari, proaktif

- Muka 2

Berita dan gambar-gambar keberangkatan Kebawah DYMM dan Raja Isteri ke Sarawak

- Muka 4, 5 & 6

Fokus : Yang Tersurat dan Tersirat

- Muka 7

Laporan Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun

- Muka 8, 9, 10 & 11

Laporan Khas Sukan SEA Ke-22 Viet Nam

- Muka 14 & 15
1, 8, 9, 16 ANEKA

Dadah kuman penyakit sosial, masyarakat

- Muka 3 ANEKA

Persediaan dan persiapan bagi menunaikan ibadat haji

- Muka 4 ANEKA

TAHUKAH AWDA

KEANGGOTAAN Brunei Darussalam dalam ASEAN sebagai ahli keenam berlangsung dalam satu upacara gilang-gemilang di Jakarta pada 7 Januari 1984. ASEAN ditubuhkan berikutan rundingan Adam Malik, Menteri Luar Indonesia dan Narciso Ramos, Menteri Luar Filipina di Manila pada 29 April 1966 disusuli dengan perjumpaan Adam Malik dan Tun Abd. Razak pada 28 Mei 1966 menyentuh isu kepentingan serantau. ASEAN kemudiannya ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 dan kini dianggotai oleh 10 negara. - Sumber: Buku Perspektif Hubungan Luar Negeri oleh Haji Mohd. Salleh Abd. Latif.



17 DISEMBER 2003 BERSAMAAN 1424 شوال 22

DIMENSI HUBUNGAN ASEAN - JEPUN DIPERKUKUH

KESEDIAAN Jepun menghulurkan bantuan US\$3 bilion kepada Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) bagi merangsang hubungan dalam bidang ekonomi dan bidang-bidang lain di rantau ini memberikan gambaran jelas mengenai komitmen negara matahari terbit itu. Persetujuan itu dicapai antara ASEAN-Jepun di Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN-Jepun yang diadakan di Tokyo baru-baru ini. Komitmen Jepun dilihat sebagai 'signal' yang amat wajar sesuai dengan idea baru bagi perkongsian terbuka di mana kedua-dua rantau ASEAN-Jepun boleh 'Bergerak Bersama dan Membangun Bersama'.

Sejak terjalinnya hubungan 30 tahun lalu, ASEAN telah dapat menikmati faedah yang berpanjangan yang meliputi kerjasama perdagangan, pelaburan dan teknologi serta pembangunan sosial dan kebudayaan. Malah Jepun merupakan 'model' terbaik bagi ASEAN dalam menggiatkan dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi rantau ini yang sering dilanda beberapa insiden dan ketidakpastian. Jepun juga berjanji memperkukuh keazamannya untuk berusaha ke arah menjamin kesejahteraan ASEAN serta mencergaskan semula hubungan yang sedia ada ke tahap yang lebih tinggi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di sidang kemuncak itu mengakui bahawa Jepun adalah salah sebuah rakan kongsi ekonomi utama kepada ASEAN di mana perdagangan dan pelaburan akan terus kekal menjadi bidang kerjasama yang penting antara kedua belah pihak. Dari komitmen dan kesediaan Jepun itu, tegas baginda, ASEAN mendapat faedah daripada keadaan yang aman dan selamat di rantau Asia Timur menerusi proses dialog dan perundingan.

Justeru itu, pemimpin kita merakamkan penghargaan kepada Jepun di atas sumbangannya kepada pembangunan, keamanan dan kesejahteraan ekonomi jangka panjang di rantau ini. Baginda juga merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri Jepun, TYT Junichiro Koizumi dan Kerajaan Jepun di atas rekod kerjasama yang sangat baik dan komitmen yang padu sejak tiga dekad yang lalu. Ternyata Jepun telah membantu membangunkan ASEAN dan menjadikannya sebagai pertubuhan yang berdaya maju bukan sahaja di rantau ini malah di Asia Pasifik dan di arena antarabangsa. Negara itu juga penting bagi ASEAN ke arah membanteras keganasan, senjata-senjata pemusnah dan ancaman senjata nuklear.

Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah kerabat ASEAN mencadangkan satu program berbentuk 'flagship' dalam bidang-bidang tertentu untuk dilaksanakan oleh kesemua negara anggota ASEAN seperti ekopelancongan yang boleh mendatangkan manfaat kepada lebih 600 juta penduduk di Jepun dan ASEAN. Melalui mekanisme ASEAN + 3, Brunei Darussalam percaya akan dapat menangani apa jua cabaran mendatang di samping sebagai jambatan bagi memperluas kerjasama ekonomi, keselamatan politik dan kerjasama sosial dan kebudayaan.

Pemimpin ASEAN dan Jepun juga berjanji akan melakukan rundingan berhubung perjanjian rakan ekonomi menyeluruh antara kedua rantau itu pada tahun 2005 dan berhasrat mencapai satu pakatan termasuk elemen kawasan perdagangan bebas pada 2010. Melalui Deklarasi Tokyo Bagi Perkongsian ASEAN-Jepun Yang Dinamik Dan Berkekalan di Mile-nium Baru, Jepun dijangka akan memperuntukkan sekurang-kurangnya US\$1.5 bilion kepada ASEAN dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi mempromosi program pembangunan sumber manusia yang melibatkan kira-kira 40 ribu orang.

Jepun sememangnya menaruh harapan yang tinggi dalam mengukuhkan dimensi hubungan baru dengan ASEAN setelah negara matahari terbit itu dilanda masalah ekonomi. Bagi ASEAN pula memang telah bersedia menjalin hubungan aktif dengan Jepun. Yang jelas Perdana Menteri Junichiro Koizumi berjanji memperbaharui komitmen Tokyo ke arah mempereratkan hubungan dengan ASEAN agar kedua-dua pihak boleh bertindak secara beriringan dan terus mara sebagai rakan yang dinamik dan berpanjangan abad ke-21. Sidang kemuncak di Tokyo itu telah dapat merintis jalan ke arah penumpuan pelbagai idea termasuk penubuhan komuniti ekonomi Asia Timur dan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Timur.

HALUAN...

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

SEGALA puji bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya juga kita dapat berkumpul bagi Majlis Penyampaian Sijil Kali Ke-3 bagi lepasan peserta-peserta Pusat Pembangunan Belia (PPB) Sesi 2001 - 2002.

Saya difahamkan seramai 91 orang lepasan peserta PPB akan menerima sijil dan tiga orang daripadanya akan menerima anugerah peserta cemerlang keseluruhannya dalam Program Pembangunan Belia peserta terbaik di dalam kategori Program Latihan Kemahiran dan peserta terbaik di dalam Program Pembangunan Diri. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada awang-awang dan dayang-dayang yang telah berjaya menjalani kursus selama sembilan bulan dan seterusnya mengikuti penempatan kerja selama sembilan bulan di jabatan-jabatan kerajaan dan di syarikat-syarikat swasta. Kejayaan awang-awang dan dayang-dayang adalah hasil usaha yang gigih dan lebih-lebih lagi mendapat dorongan dan doa restu daripada ibu bapa, penjaga dan juga pengajar-pengajar awang-awang dan dayang-dayang.

Tujuan Pusat Pembangunan Belia ditubuhkan adalah khusus untuk pembinaan diri belia. Adalah disedari pada mula-mula PPB ditubuhkan bahawa masalah 'pengangguran' yang wujud pada waktu itu bukanlah masalah kekurangan peluang pekerjaan tetapi disebabkan alasan-alasan lain; termasuklah kurang kemahiran di kalangan belia yang menganggur dan yang lebih penting kurang motivasi dan kurang kepercayaan diri di kalangan belia-belia itu. Dengan menyedari hakikat ini, PPB telah memberi keutamaan kepada Program Pembangunan Diri supaya para belia akan dapat menjadi warganegara yang dapat memberi sumbangan yang positif kepada negara. Dengan adanya penekanan ini, matlamat dan objektif PPB tidaklah bertindih dengan objektif sekolah-sekolah vokasional yang sedia ada yang memberi penekanan kepada program kemahiran.

Keperluan negara terhadap tenaga golongan



UCAPAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohd. Yusof di Majlis Penyampaian Sijil kepada penuntut-penuntut lepasan Pusat Pembangunan Belia di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada hari Khamis, 23 Oktober 2003.

dan latihan, khasnya pada menghadapi setiap cabaran yang bakal mendatang iaitu dengan membekalkan penyaluran ilmu penge-

menghasilkan ilmu pengetahuan itu tidaklah semudah seperti kita ramalkan atau jangkakan.

Belia yang berilmu

BELIA merupakan generasi harapan serta perlu memandang ke hadapan dengan mempunyai wawasan yang cemerlang, keperibadian mulia serta menyiapkan diri dengan nilai kepimpinan yang bakal menjadi contoh dan ikutan bagi generasi di masa hadapan. Untuk menghasilkan ilmu pengetahuan itu tidaklah semudah seperti kita ramalkan atau jangkakan.

belia ini tergantung kepada ilmu dan latihan sempurna yang dimilikinya. Keperibadian yang tinggi serta pengetahuan amat penting dalam menerajui kehidupan yang semakin hari kian mencabar. Kita sudah tentunya menghendaki kehadiran para belia yang cemerlang dari segi ilmu

Belia merupakan generasi harapan serta perlu memandang ke hadapan dengan mempunyai wawasan yang cemerlang, keperibadian mulia serta menyiapkan diri dengan nilai kepimpinan yang bakal menjadi contoh dan ikutan bagi generasi di masa hadapan. Untuk

pengetahuan akan sempurna dan cerah masa hadapannya seperti belia yang berwawasan, beragama adalah mereka yang bakal membangun bangsa dan pemaju negara yang dapat mendisiplinkan diri serta dapat membentuk organisasi ke arah kepimpinan, berilmu sebagai

Belia perlu bersikap berdikari, proaktif

NEGARA perlukan belia sebagai pemimpin industri dan perniagaan dan sebagai kumpulan yang progresif, dinamik dan bergiat aktif dalam kegiatan ekonomi. Perubahan minda yang positif perlu diambil dan mentaliti untuk membangun negara bersama kerajaan perlu dihayati dan diperkukuhkan.

pelapis di masa hadapan. Para belia perlu berfikir dengan lebih positif bagi memantapkan pemikiran mereka supaya tidak hanya tertumpu kepada satu harapan atau hasrat. Kaedah ini amatlah penting dan berguna untuk masa hadapan para belia yang bakal tunggak kepada negara.

Di dalam era globalisasi ini, beberapa buah negara telah mengambil langkah bagi mengurangkan pengangguran di kalangan belia-belia, ini tidak terkecuali di Negara Brunei Darussalam, di mana salah satu daripadanya adalah meneliti kursus latihan kemahiran yang dijalankan hendaklah mengikut pasaran semasa dan seterusnya menjurus kepada perkembangan bidang keusahawanan di kalangan para belia.

Beberapa buah agensi kerajaan dan swasta telah mengambil langkah dengan mengadakan beberapa kursus keusahawanan bagi para belia. Perkara ini hendaklah disambut baik oleh para belia. Para belia bukan hanya bergantung kepada bekerja dengan pihak kerajaan atau sektor swasta, akan tetapi bekerja sendiri atau menjadi usahawan juga mempunyai harapan yang cerah dalam pembangunan negara.

Negara perlukan belia sebagai pemimpin industri dan perniagaan dan sebagai kumpulan yang progresif, dinamik dan bergiat aktif dalam kegiatan ekonomi. Perubahan minda yang positif perlu diambil dan mentaliti untuk membangun negara bersama kerajaan perlu dihayati dan diperkukuhkan. Ini bermakna para belia perlu bersikap berdikari, proaktif dan bersedia menangani cabaran dan tekanan perusahaannya, termasuk kesan globalisasi keusahawanan yang ada, ianya perlu dibina agar para belia di negara ini berkembang sebagai kumpulan yang mantap dan dapat bersaing dengan usahawan-usahawan daripada luar.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada lepasan peserta yang akan menerima sijil pada hari ini. Semoga apa yang dipelajari di pusat ini akan dapat diteruskan, malah diperkembangkan lagi pada masa hadapan. Kepada tiga orang peserta yang telah berjaya menerima anugerah pada petang ini saya menyampaikan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan itu.

Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kerjasama Brunei - Bahrain sentiasa terjalin

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Sheikh Hamad bin Essa Al Khalifa, Raja Bahrain dan Duli Yang Maha Mulia Sheikh Khalifa bin Salman Al Khalifa, Perdana Menteri Bahrain bersempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Bahrain.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hu-

bugan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Bahrain.

Baginda berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan

kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda juga mendoakan ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa sihat sejahtera dan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa dalam perlindungan Allah, sihat

sejahtera dan semoga rakyat berkenaan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu, di dalam perutusan kepada Perdana Menteri Bahrain, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia dan kerajaan serta rakyat

Bahrain sempena Hari Kebangsaan negara itu.

Untuk itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara kedua-dua buah negara.

Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan

sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda mendoakan semoga Duli Yang Maha Mulia akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

Menangani bencana alam semula jadi

MESYUARAT Ke-12 Kumpulan Pakar Dalam Pengurusan Bencana ASEAN (AEGDM) yang berlangsung pada 16 - 18 September 2002 di Viet Nam bersetuju untuk menstruktur ke dalam jawatankuasa ACDM bagi mempertingkatkan kerjasama dalam pengurusan bencana dan jawatankuasa juga bersetuju untuk bermesyuarat setiap tahun dan bukannya setiap dua tahun.

Program Serantau ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana (ARPD) telah diambil dan dirumuskan dengan bantuan Pusat Keadayaan Bencana Asia (ADPC), manakala di bawah ARPD, kerjasama di kalangan negara ahli akan merangkumi pembinaan kapasiti, perkongsian maklumat dan sumber, perantaraan persekutuan luar dan pendidikan masyarakat umum, kesedaran dan sokongan pengurusan bencana.

Sementara itu, visi ACDM adalah untuk ketahanan pengurusan bencana serantau, saling membantu dan pelengkap kepada satu sama lain, berkongsi penggunaan awam dalam mengurangkan bencana bagi keselamatan masyarakat dan kestabilan pembangunan.

Manakala misi ACDM adalah untuk menambahkan kerjasama dalam semua aspek pencegahan pengurusan bencana, pelonggaran, reaksi dan penyembuhan melalui aktiviti-aktiviti kerjasama yang dijalankan.

Fokus yang dituju oleh ACDM adalah bagi menangani bencana alam semula jadi seperti gempa bumi, gegaran, banjir kilat, tambak runtuh, bahang panas, taufan, angin ribut, hujan batu, ribut petir, angin ribut tropika, jangkitan binatang, tanah runtuh dan lain-lain lagi.

Bagi bencana yang dibuat oleh manusia juga diberi perhatian bagi menanganinya seperti bangunan runtuh, lombong runtuh, bencana udara, bencana tanah, bencana laut, kemalangan akibat industri teknologi, ledakan kimikal, ledakan senjata nuklear, pencemaran, hujan asid dan selainnya.

Sehubungan itu, untuk matlamat ACDM ialah dengan mengurangkan kemalangan yang terjadi dari bencana alam semula jadi dan perkara-perkara yang disebabkan oleh faktor cuaca yang bersandarkan kepada pembangunan ekonomi dan sosial dalam ahli negara ASEAN dan berob-

jektifkan pengurusan semula jadi yang berkesan melalui usaha kerjasama serantau dan aktiviti bantuan usaha sama, selain mewujudkan keberkesanan penyelidikan dan perkongsian maklumat dengan negara-negara ahli termasuk ahli badan ASEAN, NGO, serantau dan organisasi antarabangsa.

Bagi fungsi utama, ACDM ialah mempromosikan pengurusan bencana dengan berkesan bagi perkara yang kritikal bagi menyelamatkan kehidupan dan pembangunan ahli-ahli negara ASEAN, selain mengukuhkan koordinasi di kalangan ahli negara dengan ahli badan ASEAN bersama organisasi lainnya dan membuat beberapa inisiatif dengan ahli masyarakat dalam melengkapkan implementasi mengenai aktiviti pengurusan bencana.

ACDM disertai oleh kesemua ahli negara ASEAN iaitu Kemboja, Malaysia, Republik Indonesia, Laos, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Viet Nam dan Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah bagi Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Mengenai Pengurusan Bencana 2003 pada tahun ini.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman saksikan pameran sejour selepas merasmikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Mengenai Pengurusan Bencana. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Pengurusan bencana perlu k'sama serantau

BERAKAS, 9 Disember. - Pengalaman telah mengajar manusia mengenai pengurusan bencana secara moden yang bukan sahaja keperluan bagi sesebuah negara, tetapi juga kerjasama serantau, kerana pengurusan bencana adalah penting kepada manusia, kerajaan, individu dan juga serantau.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin di

Oleh
Siti Aishah HS

Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Mengenai Pengurusan Bencana yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Dato Paduka menambah, adalah perlu pengurusan bencana dibincangkan memandangkan bencana alam yang semakin meningkat disebabkan oleh perkembangan ekonomi, pembangunan dan kemajuan teknologi.

Beliau juga menggesa negara-negara ASEAN supaya meneroka kemungkinan penubuhan kerjasama ASEAN dalam operasi menyelamat besar-besaran yang memerlukan bantuan kecemasan dan mencadangkan agar latihan simulasi pelbagai senario bencana alam diberikan supaya negara-negara ASEAN sentiasa dalam keadaan siap sedia jika berlaku sebarang bencana.

Dato Paduka juga menyatakan kesedihan atas sikap manusia yang menjadi penyebab risiko bencana terjadi, manakala pertambahan penduduk telah menyebabkan manusia hidup dalam kecenderungan terjadinya bencana dan keadaan banjir juga adalah salah satu daripadanya disebabkan oleh fenomena yang amat membimbangkan manusia.

Dato Paduka Haji Abdul Rahman juga difahamkan penubuhan Jawatankuasa ACDM mempunyai tiga peralihan iaitu salah satunya ialah menempatkan ACDM dalam Program Serantau ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana, memperjelaskan mengenai kewujudan dengan mencadangkan operasi projek dan merumuskan strategi baru serantau serta keutamaan aktiviti-aktiviti mengenai pengurusan bencana.

Bagi peralihan kedua ialah mengadakan beberapa mesyuarat sekurang-kurangnya setahun sekali dan menjadikan tanggung-

jawab ACDM kepada taraf Jawatankuasa ASEAN.

Dato Paduka juga menggesa untuk menambah sistem pengurusan bencana ASEAN, mesyuarat berkenaan perlu menerokai kerjasama teknikal dan menolong membiayai organisasi antarabangsa sebagai Rakan Dialog ASEAN.

Sementara penubuhan institusi rangka kerja bagi kerjasama pengurusan bencana serantau dan mengawal pelbagai bencana adalah perlu dan ia menjadikan konsep dan cabaran baru bagi ACDM, bahkan semua itu memerlukan gerak kerja yang berterusan, pembelajaran, penyelidikan mahupun pengalaman yang akan menambahkan lagi pengetahuan dalam bidang tersebut.

Mesyuarat dua hari itu membincangkan mengenai pengurusan bencana yang berkesan di kalangan anggota negara ASEAN, selain menumpukan hal-hal penting bagi penyelesaian ahli jawatankuasa bersama ACDM.

Jambatan ditutup sementara

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Disember. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara meminta kerjasama orang ramai khususnya penduduk-penduduk kampung yang menggunakan Jambatan Tinggi Kampong Pengiran Bendahara Lama bahawa jambatan tersebut akan ditutup sementara selama empat bulan bagi kerja-kerja

pembaikan bermula 4 Disember 2003.

Sehubungan itu, diminta kerjasama penduduk-penduduk kampung supaya akan dapat menggunakan jambatan yang berdekatan di samping memberikan kerjasama kepada pemborong berkenaan bagi melicinkan lagi kerja-kerja pembinaan jambatan tersebut.

Senyum Budiman





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia memotong pulut kuning di Majlis Rumah Terbuka Malaysia sambil diperhatikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Di-Pertua Negeri Sarawak dan Ketua Menteri Sarawak (kanan).

BAGINDA berbual mesra bersama Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi (kiri).



Kebawah DYMM, Raja Isteri hadiri Majlis Rumah Terbuka Malaysia

Gambar-gambar oleh Halim HS dan Ramli Tengah



BAGINDA, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama-sama Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Malaysia ketika berada di pentas diraja bagi menyaksikan persembahan di Majlis Rumah Terbuka Malaysia Hari Raya Aidilfitri (kiri).

BAGINDA berdua menyertai tetamu-tetamu diraja dan orang-orang kenamaan dalam majlis bersalaman dengan rakyat jelata (bawah kiri).

BAGINDA berdua bersama-sama Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Malaysia ketika menyaksikan persembahan kebudayaan di Rumah Melayu Sarawak. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lola Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz (bawah).

BAGINDA berbual mesra bersama Yang Di-Pertuan Agong Malaysia di Majlis Rumah Terbuka Malaysia (bawah sekali).



BAGINDA Raja Isteri bersama-sama Raja Permaisuri Agong ketika berangkat menyaksikan pembuatan kuih-muih tradisi Negeri Sarawak (kiri).

BAGINDA Raja Isteri ketika berkenan menerima cenderhati yang berupa selendang (kiri sekali).

Lawatan Kebawah DYMM, Raja Isteri ke Sarawak



SAMBUTAN MERIAH ... Keberangkatan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ke Kuching, Sarawak disambut dengan penuh tradisi kebudayaan Sarawak (kanan).

DIALU-ALUKAN ... Baginda bersalaman bersama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin sejeurus baginda dan rombongan diraja berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (kiri).

BERSALAMAN ... Baginda bersalaman bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sejeurus sebelum berangkat balik pada 14 Disember (bawah kiri).

Gambar-gambar
oleh Halim HS dan
Ramli Tengah



MENGAMINKAN DOA ... Baginda berdua menadah tangan mengaminkan doa sebelum rombongan berangkat meninggalkan Kuching selepas mengadakan lawatan dua hari ke Sarawak. Juga kelihatan dalam gambar YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (atas).

JUNJUNG ZIARAH ... Baginda ketika berkenan menerima junjung ziarah daripada rakyat dan penduduk Sarawak yang mengalu-alukan keberangkatan baginda dan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah bersalaman bersama orang-orang kenamaan Sarawak (bawah kiri).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar berbual mesra bersama Perdana Menteri Malaysia sejeurus sebelum berangkat pulang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri menerima jambangan bunga sejeurus berangkat di tempat persemayaman sepanjang berada di Kuching, Sarawak.

Lawatan ke Sarawak disambut meriah

KUCHING SARAWAK, 13 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat tiba di sini bagi lawatan selama dua hari.

Lawatan baginda berdua adalah bersempena Majlis Rumah Terbuka Malaysia Hari Raya Aidilfitri yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia. Tahun ini Kuching, Sarawak menjadi tuan rumah majlis tersebut. Tahun lalu, majlis yang sama diadakan di Kedah dan dihadiri oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Thaksin Shinawatra.

Keberangkatan baginda berdua di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching tepat jam 12.05 tengah hari dengan pesawat

khas telah disambut dengan hamparan permaidani merah dan penuh meriah secara tradisi Sarawak.

Sejurus selepas pesawat baginda mendarat, Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud dan Yang Amat Berbahagia Datuk Amar Puan Sri Dr. Hajah Laila Taib berserta Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar dan isteri, Datin Hajah Naimah binti Haji Razali mengadap dan menjunjung baginda berdua untuk berangkat turun dari pesawat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri disembahkan oleh Ketua Menteri Sarawak kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin, Yang Di-Pertua Negeri Sarawak dan Yang Berbahagia Da-

**Liputan oleh
Haji Jaafar HI dan
Siti Muslihat HS
dari Kuching**

tuk Patinggi Hajah Norkiah dan Yang Berhormat Dato Seri Haji Adenan, Menteri Pertanian dan Industri Makanan selaku Menteri Pengiring dan isteri, Yang Berbahagia Datin Sri Jamilah.

Turut mengalu-alukan keberangkatan baginda berdua dan rombongan diraja ialah Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Haji Musa Haji Aman dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Paduka Abdul Kadir dan Yang Berbahagia Datin Paduka Suraya dan orang-orang kenamaan Negeri Sarawak.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri juga disembahkan jambangan bunga oleh seorang

kanak-kanak perempuan berumur 12 tahun.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Keberangkatan tiba baginda berdua juga diserikan dengan persembahan kebudayaan yang dipersembahkan oleh Kum-pulan Kebudayaan Tradisional Sarawak yang berbilang kaum.

Sejurus sebelum berangkat menuju ke tempat persemayaman baginda berdua sepanjang berada di sini, doa selamat dibacakan oleh Imam Besar Negeri Sarawak.

Keberangkatan baginda berdua di tempat persemayaman dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Sri Abang Haji Abdul Rahman Johari, Menteri Pelancongan Sarawak dan Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Juma'ani.

Keberangkatan baginda ke sini merupakan keberangkatan kali kedua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berangkat mengadakan lawatan rasmi ke Sarawak pada 9 hingga 12 Mac 1989.

Hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak semenangnya erat dan rapat serta muhibah di kalangan rakyat dan penduduknya yang berlandaskan kepada hubungan persaudaraan yang mana rakyat kedua-dua buah negeri asalnya dari rumpun yang sama, selain daripada mempunyai pertalian sejarah yang tidak dapat dilupakan oleh penduduk kedua-dua buah negara.

Melalui hubungan sejarah dan kekeluargaan itu, kedua-dua buah negara berjiran sehingga kini terus dapat meningkatkan kerjasama di pelbagai bidang.

Turut serta dalam rombongan baginda berdua ialah beberapa orang menteri kabinet yang terdiri dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah DYMM di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Menteri Pendidikan; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar, Menteri Kesihatan.

Juga mengalu-alukan keberangkatan baginda berdua dan rombongan diraja di lapangan terbang ialah Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair, Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab dan Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Yang Dimulikan Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Mohammad Yasmin; Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman dan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah berserta isteri masing-masing; Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Kuching, Awang Haji Salleh bin Nayan dan isteri, Dayang Hajah Kamsiah binti Mohd. Ali dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur.

Kebawah DYMM, Raja Isteri hadir Majlis Rumah Terbuka Malaysia

KUCHING, SARAWAK, 13 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah berkenan berangkat ke Majlis Rumah Terbuka Malaysia Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Padang Merdeka Kuching di sini.

Keberangkatan tiba baginda berdua dengan diiringi oleh Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, TYT Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin dan Yang Amat Berbahagia Datuk Patinggi Hajah Norkiah di padang tersebut dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Raja Permaisuri Agong.

Rombongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong kemudiannya dijunjung oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat

Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi; Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Abdul Taib Mahmud dan Yang Amat Berbahagia Datuk Amar Puan Sri Dr. Hajah Laila Taib; Yang Berhormat Dato' Paduka Abdul Kadir, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dan Yang Berbahagia Datin Paduka Suraya.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah adinda-adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah serta Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Sejurus berangkat tiba, baginda berdua bersamasama dengan Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berserta tetamu-tetamu diraja berangkat ke Rumah Melayu dan disambut penuh tradisi.

Selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Di-Pertuan Agong



ROMBONGAN Negara Brunei Darussalam yang terdiri dari menteri-menteri kabinet juga menghadiri Majlis Rumah Terbuka Malaysia Hari Raya Aidilfitri.

Malaysia disemahkan Tepak Sirih.

Tepak Sirih, pada zaman dahulu mempunyai signifikan dalam perundingan dan juga majlis-majlis penting di mahkamah diraja dan perkumpulan di kampung-kampung. Masa kini Tepak Sirih berfungsi semasa majlis-majlis tradisional dan ianya menjadi simbol diplomasi, dialog, persahabatan dan kerjasama.

Kemudian selepas itu, baginda berdua dan tetamu-tetamu diraja Negara Brunei Darussalam dan Malaysia dipersembahkan tarian kebudayaan oleh

beberapa puak di Sarawak.

Sebelum berangkat melawat ke Rumah Anjung Melayu Sarawak yang diberi nama 'teko' dan dibina khas sempena Majlis Rumah Terbuka ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri disemahkan cenderahati yang berbentuk selendang oleh Menteri Muda Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita Sarawak, Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Sharifah Mordiah. Juga dipersembahkan cenderahati ialah Raja Permaisuri Agong.

Selepas berangkat melawat nostalgia Rumah

Anjung Melayu Sarawak, baginda berdua berserta tetamu-tetamu diraja menyaksikan persembahan dan tunjuk cara menenun kain dan pembuatan kuih-muih tradisi.

Dari sana, baginda berdua berserta Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong serta tetamu diraja beredat ke Pentas Diraja bagi menyaksikan pelbagai persembahan nyanyian dan tarian tradisional.

Rumah Terbuka Malaysia yang unik itu dikunjungi oleh lebih 100 ribu pengunjung termasuk dari luar negeri.

Menamatkan lawatan dua hari ke Kuching

KUCHING, SARAWAK, 13 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat balik setelah mengadakan lawatan dua hari ke sini bagi menghadiri Majlis Rumah Terbuka Malaysia Hari Raya Aidilfitri.

Berangkat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching bagi mengucapkan selamat berangkat kepada baginda berdua dan rombongan diraja ialah Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin, Yang Di-Pertua Negeri Sarawak dan isteri, Yang Amat Berbahagia

Datuk Patinggi Hajah Norkiah; Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi; Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud dan Yang Amat Berbahagia Datuk Amar Puan Sri Dr. Hajah Laila Taib; Yang Berhormat Dato' Sri Haji Adenan, Menteri Pertanian dan Industri Makanan

selaku Menteri Pengiring dan Yang Berbahagia Datin Sri Jamilah, orang-orang kenamaan Negeri Sarawak serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan.

Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdullah dan Datin Hajah Naimah; Awang Haji Salleh bin Haji Nayan, Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Kuching dan isteri, Dayang Hajah Kamsiah serta pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi juga berada di lapangan terbang.

Doa selamat dibacakan oleh Mohammad Ihsan bin Haidzir, Penolong Imam Besar Negeri Sarawak sejurus sebelum rombongan diraja berangkat.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam yang dikeluarkan di sini bahawa Rumah Terbuka Malaysia Hari Raya Aidilfitri tahun ini akan diikuti dengan lawatan balas ke Negara Brunei Darussalam oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia dan beberapa orang anggota kabinetnya.

YANG TERSURAT DAN TERSIRAT

'PEMUDA harapan bangsa, pemuda tiang negara' merupakan slogan dan ungkapan yang begitu popular terutama pada tahun-tahun pra merdeka di se-tengah negara di Nusantara. Ketika itu ia menjadi penjana semangat muda-mudi untuk sama-sama tampil mengangkat martabat bangsa dan negara. Ia juga menjadi perangsang kepada golongan belia untuk aktif berpartisipasi dalam usaha memajukan masyarakat di pelbagai bidang.

Kini walaupun slogan tersebut jarang-jarang disebut tetapi pemuda dan pemudi masih mempunyai peranan penting dalam mengisi dan mencapai matlamat negara. Cuma cabaran dan persekitaran dahulu dan sekarang agak berbeza. Dahulu pemuda dan pemudinya berse-mangat waja walaupun tidak mempunyai pendidikan tinggi dan hidup dalam serba kekurangan.

Golongan belia pada masa ini hidup dalam persekitaran moden dan mewah. Sudah banyak golongan belia yang mempunyai diploma, ijazah hinggalah sampai ke peringkat kedoktoran. Kehidupan pada masa ini pula lebih mencabar. Dunia sudah menjadi perkam-pungan kecil dalam era perse-jabatan. Teknologi semakin canggih sehingga memaksakan kita berpaku dalam persaingan yang sengit dalam apa juga bidang.

Cabaran di era digital ini menghendaki warga kita ber-

jiwa lebih waja, berilmu pe-ngetahuan, berdaya saing, patriotik, berakhlak mulia dan tidak mudah terpengaruh dengan segala macam gejala ke-hidupan moden yang tidak sihat. Semua itu perlu ada dalam diri golongan belia ke-rana mereka merupakan aset dan bakal penerus kepimpinan negara di masa hadapan.

HARAPAN

Harapan ini begitu jelas di-ungkapkan dalam titah Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis Sambutan Hari Raya Aidil-fitr anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas 30 November lepas yang turut dihadiri oleh 1,500 profesional muda dari sektor awam dan swasta.

Pada majlis itu baginda ber-titah menyeru agar rakyat dan penduduk negara ini terutama-nya profesional muda tidak leka dari mengikuti perkemba-ngan serta kemajuan dunia, di samping membuat persediaan agar kita tidak akan tertinggal atau hanyut dibawa arus globa-lisasi.

Titah baginda, kita tidak dapat menghindarkan diri dari kederasan kemajuan sains dan teknologi komunikasi yang se-cara drastik telah merubah ke-hidupan berkeluarga dan ber-negara pada keseluruhannya.

Jika kita amat-amati apa

FOKUS OLEH SAHARI AKIM

yang 'tersurat dan tersirat' dari titah baginda itu sememang-nyalah kita tidak dapat mena-fikan suasana dan persekitaran dunia ketika ini lebih-lebih lagi kita semua dapat melihat dan merasakannya. Selain dari itu kita juga tidak akan dapat lari sama ada secara langsung atau tidak langsung dari percaturan politik, persaingan ekonomi, kederasan ledakan teknologi canggih dan sebagainya.

Seandainya kita tidak bijak dalam percaturan, tidak mampu berpaku atau tidak ber-daya saing maka bayangkanlah nasib bangsa dan negara di masa hadapan. Kekuatan kita ialah semangat dan nilai jati diri kebruneian telen yang kita miliki. Kalau di zaman nenek-moyang dahulu kita pernah mengukir sejarah dan sehingga sekarang kita masih mampu mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara, maka ada-lah amat wajar untuk kita terus berusaha mencapai kecemerla-ngan masa hadapan.

Selain dari itu kita juga akan 'ketampiasan' atau mene-rima hambatan-hambatan se-gala macam gejala sosial yang lahir dari persejabatan dan per-modenan. Fenomena ini juga perlu diberikan perhatian de-ngan membina benteng keta-

hanan diri agar kita dan gene-rasi akan datang akan tetap bertahan dari terjebak ke kan-cah yang negatif.

Menyebut para profesional muda baik di sektor awam mahupun swasta, mereka yang terdiri dari lepasan institusi-institusi pengajian tinggi da-lam dan luar negeri setentunya memiliki kepakaran dan ke-mahiran khusus dalam pel-bagai bidang. Dari kemahiran dan kepakaran mereka ini di-harapkan akan dapat mem-bawa kemajuan dan kecemer-langan kepada bumi Brunei yang tercinta ini.

Kalau dahulu di peringkat awal negara mencapai kemer-dekaan penuh, menurut titah baginda, kita mampu menanai dan mengendalikan urusan pentadbiran dan hal-ehwal diplomatik walaupun ketika itu belum begitu ramai di kala-ngan rakyat yang berpendidik-an tinggi, maka apatah lagi pada masa ini kita sudah mem-punyai ribuan pemegang ija-zah.

Yang penting profesional muda harus secara berterusan mencari nilai tambah kepada kepakaran dan kemahiran yang mereka miliki. Mereka harus menunjukkan kewibawaan

dalam bidang-bidang mereka. Apa yang penting mereka juga harus menggunakan segala kepakaran dan kemahiran itu untuk memajukan bangsa, agama dan negara.

BAKAT

Seperti yang dibayangkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia bahawa dalam tempoh 5 ke-10 tahun akan datang maka akan ramai lagi bilangan profesional muda di negara ini. Dalam kita men-syukuri pertambahan itu kita juga mengharapkan kepada peningkatan kualiti yang lebih mantap yang dapat dilahirkan oleh para profesional kita demi kemajuan negara dan bangsa.

Dalam erti kata yang lain para profesional muda perlu menunjukkan bakat kepimpin-an, di samping memperlihat-kan kebolehan dan keupayaan dalam bidang masing-masing. Sudah tiba masanya seperti juga bangsa-bangsa lain yang sudah maju untuk kita berdaya kreatif dan inovatif. Kalau boleh biarlah kita menjadi pen-cipta atau pereka kepada se-suatu penemuan dan kemaju-an. Janganlah secara berterus-an kita kekal menjadi peng-guna atau penerima semata-mata.

Seperkara yang harus juga mereka fikirkan ialah peng-libatan dalam kegiatan-kegiatan sosial dan keajikan. Mereka mesti tampil ke hadap-an menyertai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan baik di pe-

ringkat kampung, mukim, da-erah dan peringkat kebangsa-an. Di negara ini terdapat ba-nyak pertubuhan kebajikan dan badan bukan kerajaan yang boleh mereka sertai untuk menyumbang bakti kepada masyarakat.

Sebagai contoh kita mem-punyai Majlis Perundangan Mukim dan Kampung, Jawat-ankuasa Takmir Masjid, Jawat-ankuasa Kejiranan Kampung, persatuan-persatuan belia dan banyak lagi. Selain itu terdapat juga persatuan-persatuan keba-jikan di peringkat daerah dan kebangsaan seperti KACA, PAPDA dan lain-lain lagi.

Maka kita berseru kepada para profesional muda agar mereka akan dapat mengete-ngahkan bakat dan kepakaran yang mereka miliki. Mereka harus dapat mencetuskan idea-idea yang bernas serta pe-nemuan-penemuan terbaru dan membantu masyarakat di pel-bagai bidang.

Masanya juga sudah tiba untuk anak bangsa kita men-cipta nama bukan sahaja di peringkat serantau malah di peringkat antarabangsa. Insya-Allah dengan memiliki senjata yang paling ampuh iaitu ilti-zam, usaha, tawakal dan doa serta semangat jati diri ke-bruneian maka kita berke-yakinan akan dapat membawa bangsa dan negara ini untuk terus maju dan gemilang untuk menyusuri hari-hari men-datang.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad (dua dari kiri) ketika hadir di Majlis Resepsi Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-76 Raja Thailand. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Hubungan Brunei - Thailand tambah rapat

BERAKAS, 5 Disember. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad ber-kata, Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand mempunyai misi yang sama dalam mem-berikan mutu kehidupan yang baik kepada rakyat-nya melalui pembangunan negara.

Sejak ditubuhkan hu-bungan diplomatik, kedua-dua negara mempunyai hubungan yang rapat lagi mesra.

Hubungan tersebut, katanya, sehingga kini terus tumbuh melalui pel-bagai pertukaran lawatan pelbagai peringkat. Yang Berhormat berucap dem-i-kian ketika mewakili Ke-rajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Majlis Re-sepsi Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-76 Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol

Oleh
Abu Bakar HAR

Adulyadej dan sempena memperingati Hari Ke-bangsaan Thailand di Pusat Persidangan Antara-bangsa di sini.

Menteri Pembangunan menjelaskan, lawatan Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Thailand baru-baru ini ke Persida-ngan Ketua-ketua Negara APEC di Bangkok me-rupakan contoh kepada pe-meliharaan hubungan ke-dua-dua buah negara.

Tambahnya lagi, kerja-sama yang rapat dari ke-dua-dua buah negara se-perti perdagangan dan pe-laburan, pendidikan dan pertahanan telah menam-bah kepada hubungan yang rapat itu, di samping

penandatanganan memo-randum persefahaman da-lam kerjasama melalui usaha sama pelaburan.

Tahun ini, Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand me-nyambut ulang tahun pe-nubuhan diplomatiknya yang ke-20.

Menyentuh mengenai sumbangan rakyat Thai-land yang tinggal dan be-kerja di negara ini, Yang Berhormat menjelaskan bahawa kehadiran mereka itu telah membantu dalam mempromosikan persefa-haman yang lebih baik antara rakyat kedua-dua buah negara.

Negara Brunei Darus-salam dan Kerajaan Thai-land merupakan negara yang sering bekerjasama rapat bersama negara-negara ASEAN yang lain-nya, khususnya dalam me-ngekalkan keamanan dan kestabilan rantau ini.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BAHAGIAN II

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Perkhidmatan Orang-orang Cacat - Pengambilan anak-anak cacat ke Pusat Bahagia - Penempatan ke Pusat Pekerjaan Orang-orang Cacat	2 kali setahun (Januari dan Jun) 3 bulan sehingga boleh bekerja
2.	Perkhidmatan Penempatan Pekerjaan - Bagi yang berumur 65 tahun ke atas yang menyambung perkhidmatan - Bekas banduan - Orang susah, bala, janda, cacat, belia yang terkandas dalam pelajaran	3 minggu - 1 bulan 3 minggu - 1 bulan 1 bulan
3.	Perkhidmatan Pemulihan Akhlak/Perlindungan Perempuan/Gadis/Kanak-kanak - Penempatan bagi pesalah belia - Perlindungan perempuan/gadis/kanak-kanak	1 - 5 tahun (mengikut perintah mahkamah) 1 - 5 tahun (mengikut perintah mahkamah)



KEBAWA
Mulla Pa
Sultan
kiah Mu
lah, Sul
Pertuan
Darussa
mengha
bukan
Memper
Hubung
Berangk
Teramat
Pengiran
Sahibul
Pengiran
Bolkiah
Luar Ne

BAGIND
pin ASE
Menteri
gambar
Sesi P
Kemunc
Penubul
ASEAN

Gam

Abd

Mas



SI
M
P
A



DEKLARASI ... Baginda ketika berkenan menandatangani Deklarasi Tokyo Bagi Perkongsian ASEAN - Jepun Yang Dinamik dan Berkekalan Di Milenium Baru dan Pelan Tindakannya (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berserta para pemimpin ASEAN dan Jepun semasa Majlis Santap/Makan Malam yang disempahkan oleh Perdana Menteri Jepun (atas kiri).

BAGINDA berserta para pemimpin ASEAN dan Jepun semasa Majlis Penandatanganan Deklarasi Tokyo Bagi Perkongsian ASEAN - Jepun Yang Dinamik dan Berkekalan Di Milenium Baru dan Pelan Tindakannya. Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (kiri).





DPMM berangkat saksikan Perlawanan Catur Sukan SEA

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat menyaksikan Perlawanan Catur Sukan SEA Ke-22 di Bandaraya Ho Chi Minh.

Keberangkatan DPMM dijunjung oleh Florencea Compomanes, Presiden Kehormat Persekutuan Catur Sedunia.

Sepanjang keberangkatan, DPMM juga diiringi oleh Presiden Catur Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Haji Zainal Abidin.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menyaksikan Perlawanan Catur Sukan SEA (atas kiri).

DPMM bergambar kenangan bersama para pemain catur negara (atas).



KEBERANGKATAN tiba DPMM untuk menyaksikan perlawanan dijunjung oleh Florencea Compomanes, Presiden Kehormat Persekutuan Catur Sedunia.



Gambar-gambar oleh Harun HS dan Hamadi HM dari Bandaraya Ho Chi Minh

DPMM menyaksikan perlawanan catur yang sedang berlangsung (atas).

YAM Pengiran Muda Abdul Qawi juga menyaksikan perlawanan tersebut (kiri).

DPMM mendengar taklimat yang disampaikan oleh Ignatur Leong, Naib Presiden Persekutuan Catur Sedunia sambil disaksikan oleh Haji Zainal Abidin, Presiden Catur Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

PERKATAAN semiotik ini timbul atas kepercayaan bahawa setiap kehidupan manusia itu terlalu banyak dipenuhi dengan sistem-sistem perlambangan. Sistem perlambangan ini kadang kala ada yang sah dan kadang kala ada pula yang kabur. Perlambangan yang sah itu bermaksud sesuatu sistem perlambangan yang tidak begitu susah untuk difahami, umpamanya rumput sebagai perlambangan sayur, batang kayu sebagai perlambangan pen dan lain-lain. Sementara itu, perlambangan yang kabur ialah sesuatu lambang yang begitu sukar untuk diandaikan tetapi akan jelas jika dikaji dengan teliti. Pandangan seseorang dengan seseorang yang lain dalam menilai setiap perlambangan yang ada adalah berbeza-beza mengikut pengalaman, pendidikan dan pendirian seseorang.

Semiotik yang kita kenali sekarang ini sebenarnya terbentuk daripada gabungan berbagai jenis ilmu seperti ilmu antropologi, ilmu sosiologi, ilmu psikologi, ilmu strukturalisme, ilmu linguistik, ilmu sejarah dan sebagainya. Perkara ini bererti semiotik ini meliputi bidang yang amat luas. Begitu juga dalam bidang teater, semiotik mengambil peranan yang amat penting. Kesemua bidang-bidang ilmu yang disebutkan di atas akan bersatu dalam membina lambang-lambang tertentu dalam teater. Maka tidak hairanlah dalam bidang teater itu semiotik timbul melalui daerah-daerah seperti sistem bahasa, cara berpakaian, mimik dan tingkah laku pelakon dan sebagainya.

Dalam teater, bidang semiotik bukan sahaja menyentuh pada perkara-perkara yang disebutkan di atas tadi tetapi juga akan menyentuh kepada penulis, masyarakat sekeliling dan kehidupan yang mana saling berkaitan dengan sistem tanda dan erti. Perkaitan antara satu dengan yang lain seperti ini akan menyebabkan adanya berlaku satu proses yang dikenali sebagai proses representasi. Untuk memudahkan lagi bagaimana proses representasi ini terjadi sila lihat Rajah A.

Dalam penciptaan skrip drama, kita melihat bagaimana diri penulis itu sangat terikat dengan kehidupan sekelilingnya. Diri pengarang tidak akan terlepas untuk menggunakan sistem hidup dan kebudayaan seluruh masyarakatnya sebagai sumber inspirasi dalam pengkaryanya. Perkara-perkara yang dapat diambilnya dari hasil penglihatannya kepada sistem hidup dan kebudayaan seluruh masyarakatnya akan diolah oleh pengarang skrip sendiri dengan menggunakan pemikiran dan gagasannya sendiri. Di sinilah kita akan dapat melihat bagaimana pengarang akan menggambarkan dalam karyanya mengenai semua perkara yang menjadi sumber inspirasinya, adakah pengarang memaparkan sesuatu yang realiti atau cuba mengaitkan atau menghubungkan sesuatu itu dengan sistem di luar teks itu sendiri (persoalan budaya masyarakat) dengan menggunakan lambang-lambang tertentu.

Selain itu, untuk mendapatkan bahan dalam penciptaan skrip, seseorang itu tidak semestinya terikat dengan segala sistem kehidupan masyarakatnya melalui pemandangannya atau penglihatannya tetapi akan memperolehi segala bahan mengenai sistem kehidupan masyarakat dan alam sekelilingnya melalui buku-buku dan surat khabar. Banyaknya pembacaan oleh pengarang mengenai buku-

buku tertentu maka banyaklah ilmu dan pengetahuan yang akan diperolehinya. Melalui pembacaan pengarang akan tahu mengenai perkembangan politik dalam setiap negara di dunia, perkembangan ekonomi dunia, perdagangan, kebudayaan dan sebagainya. Sumber-sumber yang diperolehinya melalui pembacaan ini diadun dengan menggunakan daya kreativiti dan pemikiran pengarang sendiri.

Seperti yang diterangkan sebentar tadi, karya yang dicipta oleh penulis banyak berdasarkan kepada kehidupan yang berlaku di sekelilingnya. Dalam penulisan itu, penulis akan menggunakan sistem tanda yang sebenarnya berperanan penting. Salah satu sistem tanda yang penting dan selalu digunakan oleh penulis ialah sistem bahasa (yang disampaikan dengan menggunakan dialog oleh pemain). Tidak dapat dinafikan bahawa sistem bahasa yang digunakan itu mempunyai peranan yang amat penting dalam teater. Kekuatan sesuatu drama adalah tergantung kepada kekuatan dan kemantapan dialog atau bahasa. Jika bahasanya lemah dan terasa tidak hidup maka teater yang akan dipentaskan itu mungkin tidak akan berjaya menyampaikan apa yang sepatutnya dan begitu juga sebaliknya. Untuk menjadikan dialog atau bahasa itu lebih menarik, penulis selalunya menggunakan bahasa dalam membuat perlambangan atau tanda. Oleh itu, maka adalah

SEMIOTIK DALAM TEATER

OLEH SHIRIN SALLEH

SELAIN itu, untuk mendapatkan bahan dalam penciptaan skrip, seseorang itu tidak semestinya terikat dengan segala sistem kehidupan masyarakatnya melalui pemandangannya atau penglihatannya tetapi akan memperolehi segala bahan mengenai sistem kehidupan masyarakat dan alam sekelilingnya melalui buku-buku dan surat khabar. Banyaknya pembacaan oleh pengarang mengenai buku-buku tertentu maka banyaklah ilmu dan pengetahuan yang akan diperolehinya. Melalui pembacaan pengarang akan tahu mengenai perkembangan politik dalam setiap negara di dunia, perkembangan ekonomi dunia, perdagangan, kebudayaan dan sebagainya. Sumber-sumber yang diperolehinya melalui pembacaan ini diadun dengan menggunakan daya kreativiti dan pemikiran pengarang sendiri.

sesuatu yang amat menarik jika aspek ini diteliti dengan menggunakan pendekatan semiotik.

Set atau peralatan yang digunakan dalam membuat pentas juga berperanan penting dalam menimbulkan lambang-lambang tertentu. Seperti yang kita ketahui bahawa sesuatu pentas itu mempunyai ruang yang amat terhad. Perkara ini bermakna dalam membuat gambaran sesuatu suasana pengarah mestilah tahu bagaimana suasana yang akan digambarkan itu dapat dilakukan hanya dengan menggunakan peralatan yang terhad. Umpamanya pada satu babak yang berlatarkan di suatu taman bunga, peralatan yang digunakan cukuplah dengan menggunakan beberapa pohon pokok bunga yang disimpan di dalam pasu dan sebuah bangku panjang. Begitu juga halnya bila ingin menggambarkan di suatu rumah yang mewah. Mungkin sahaja memadai hanya menggunakan satu set sofa mewah.

Sistem tanda atau perlambangan yang digunakan dalam pentas teater itu pula akan ditafsirkan oleh khalayak yang menontonnya. Tidak semestinya tafsiran yang dibuat oleh khalayak ini bertepatan dengan apa yang ditafsirkan oleh penulis sendiri. Perkara ini disebabkan antara kha-


layak dengan penulis sendiri mempunyai pendirian dan pemikiran yang berbeza. Mungkin sahaja satu bangku panjang yang ada di atas pentas itu diertikan oleh khalayak sebagai gambaran di suatu perhentian bas dan penulis pula menggambarkan latar di suatu taman bunga dan sebagainya.

Begitulah serba sedikit mengenai semiotik dalam teater yang dianggap sebagai ilmu mengenai tanda-tanda dalam bidang lakonan. Bukan sahaja sistem komunikasi manusia yang dianggap sebagai satu sistem tanda malahan meliputi kesemua aspek-aspek yang lain seperti peralatan dan tingkah laku.

RUJUKAN

- Daewis Harahap, (Drs), 1982, *Asas-asas Cerita Rekaan dan Seni Lakon*, Eastern Universiti Press (M) Sdn.Bhd., Kuala Lumpur, Malaysia.
- Dewan Sastera, Julai - Disember, 1992, hlm 69.
- Dewan Sastera, 15 Julai, 1984, hlm 69.
- Dewan Sastera, 15 Disember, 1984, hlm 35.
- Dewan Sastera, Mei, 1991, hlm 93.
- Stewart Wavell, 1986, *Penulisan Skrip Untuk Radio dan Televisyen*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.

RAJAH A



DADAH KUMAN PENYAKIT SOSIAL, MASYARAKAT

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaannya kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Allah Subhanahu Wataala mengharamkan sesuatu itu ada dengan hikmah yang di luar pengetahuan kita yang kadang-kadang tidak sampai oleh pemikiran kita. Cuba kita lihat fenomena yang melanda negara-negara di dunia pada masa ini, seperti ancaman dadah yang semakin hebat dan merbahaya bukan sahaja membahayakan manusia tetapi juga membahayakan negara dan dunia.

Walaupun dadah merupakan salah satu bahan yang digunakan dalam bidang perubatan, tetapi ianya tidak boleh digunakan secara bebas dan sewenang-wenangnya tanpa kawalan dan nasihat pakar perubatan, penggunaan dadah hendaklah mengikut peraturan dan sukatan bagi pesakit yang memerlukan. Kerana jika disalahgunakan, ianya akan membawa kemusnahan dan penderitaan kepada manusia.

Perkara ini boleh dibuktikan bila ditanya dan diselidiki kepada bekas penagih yang telah insaf dan sedar serta menyesali perbuatan mereka, mereka akan mengatakan bahawa

perbuatan itu hanyalah sia-sia dan tidak menguntungkan, sebaliknya merugikan dan mendatangkan kesusahan dan penderitaan hidup yang akhirnya kalau tidak bernasib baik boleh membawa maut.

Oleh itu jika kita mahu hidup senang, bahagia dan gembira, jauhilah dan hindarkan diri daripada dadah dan jangan cuba mendekatinya, jangan

yang beriman, bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah semuanya kotor keji dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan

Orang yang menyalahgunakan dadah itu boleh melupakan dirinya, agamanya dan dunianya. Ia akan tenggelam dalam khayalan, bahkan juga memberi kesan buruk kepada akal, melemahkan tenaga berfikir dan kecerdasan, mengakibatkan penyakit urat saraf serta boleh mengganggu kesihatan mental, fizikal dan semangat jiwa.

Bagi penagih yang

BAGI penagih yang sudah berkeluarga, dadah boleh meruntuhkan kebahagiaan rumah tangga, yang menyebabkan berlakunya perceraian dan memporak-perandakan kebahagiaan keluarga. Rumah tangga yang sempurna dan bahagia akan hancur di mana anak-anak yang dikasihi akan turut menderita. Mereka akan disingkirkan dan disisihkan oleh keluarga dan orang yang dikasihi.

mudah dipengaruhi oleh pujukan yang ingin merosakkan diri kita kerana merasa sekali mahu dua kali dan seterusnya sehingga ketagih dan tidak berupaya meninggalkan dan sanggup hidup tidak bermaruah.

Para ulama telah bersejua bahawa dadah itu termasuk di dalam pengertian arak kerana arak boleh mengganggu dan menghilangkan fikiran, akan tetapi kesan dadah adalah lebih buruk lagi daripada arak yang patut dijauhi oleh setiap Muslim dan Muslimah. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Maa'idah ayat 90 - 91 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang

mahu memalingkan kamu daripada mengingat Allah dan daripada mengerjakan sembahyang, oleh itu mahukah kamu berhenti daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil."


Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Daripada Ibnu Umar Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Semua yang memabukkan itu adalah termasuk dalam erti kata arak dan semua yang memabukkan itu adalah haram." (Riwayat Al-Imam Muslim).

sudah berkeluarga, dadah boleh meruntuhkan kebahagiaan rumah tangga, yang menyebabkan berlakunya perceraian dan memporak-perandakan kebahagiaan keluarga. Rumah tangga yang sempurna dan bahagia akan hancur di mana anak-anak yang dikasihi akan turut menderita. Mereka akan disingkirkan dan disisihkan oleh keluarga dan orang yang dikasihi.

Dadah juga boleh menghabiskan wang dan harta kerana kehilangan kerja dan tidak berpeluang dalam pelajaran dan pekerjaan yang akhirnya sanggup membunuh dan mengheretnya ke tali gantung.

Bila melihat betapa



besarnya bahaya dadah itu sehingga boleh menggelapkan hidup seseorang, maka penyakit seumpama itu tidak boleh dibiarkan dan hendaklah dicari pun-canya untuk dihapuskan, tetapi adakah tugas ini hanya boleh dijalankan oleh satu pihak sahaja? Setentunya tugas ini memerlukan kerjasama semua pihak, jika tidak kerja tidak akan berjaya dan akan menemui kegagalan.

Di sini elok juga diketahui sebab-sebab yang boleh mendorong kepada penyalahgunaan dadah sebagai panduan dan perhatian bersama, antaranya:

- Ingin tahu, mencuba dan merasa.
- Dipengaruhi dan diperbodoh-bodohkan oleh rakan-rakan yang tidak ingin melihat rakan baha-gia dan berjaya.

- Ingin keseronokan.
- Terpedaya dan mengangap dadah boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi seperti kekusutan fikiran, tekanan jiwa, menghadapi masalah rumah tangga dan bermacam-macam lagi.

Di samping itu kita juga perlu mengetahui tanda-tanda orang yang terlibat dengan dadah supaya dapat membantu kita mengenal pasti dan seterusnya untuk mengatasi antaranya:

- Selalu ponteng sekolah, tidak hadir bekerja, mutu kerja menurun dan hasil kerja merosot.
- Kebersihan dan kesihatan diri tidak terurus.
- Tidak bermaya, selalu menguap dan mengantuk, mudah marah dan meradang tanpa sebab.

- Lari dari tanggungjawab, keluarga terbiar.
- Sembunyi-sembunyi melakukan sesuatu.
- Hilang selera makan.
- Menjauhi diri dari keluarga dan kawan rapat dan meninggalkan kegembiraan sebelumnya.
- Meminta wang berlebihan atau mengambil wang tanpa izin.

Dalam perkara ini, jika ibu bapa atau penjaga yang mendapati tanda-tanda tersebut ada pada anak-anak mereka, maka eloklah disiasat dan ditangani dari awal-awal lagi sebelum merebak lebih jauh dan bahaya. Jika tidak berdaya, maka rundinglah pihak-pihak berkenaan yang bertanggungjawab mengenainya. Jangan dibiarkan kerana setiap penyakit ada ubatnya.

Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Dari Jabir Radiallahuanhu, daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda: Bagi setiap penyakit itu ada ubatnya, maka apabila ubat serasi dengan penyakit, ia akan sembuh dengan izin Allah 'Azzawajalla." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Dadah adalah merupakan kuman-kuman penyakit sosial dan masyarakat, menjadi penghalang kepada kemajuan dan pembangunan negara, oleh itu Islam melarang penyalahgunaannya jangan sampai akhirnya mendatangkan kerosakan, kemusnahan dan huru-hara kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat, bangsa, negara dan agama.

Akhirnya marilah kita meningkatkan kesedaran dan kefahaman kita terhadap bahaya penyalahgunaan dadah dan berusaha mengawal dan mencegah berlakunya kegiatan buruk ini, mudah-mudahan Allah Subhanahu Wataala melindungi anak-anak kita, keluarga, saudara-mara kita, negara dan agama kita.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah As-Syura ayat 30 yang tafsirnya:

"Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan atau bala bencana maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa, dan dalam pada itu Allah maafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu."

وقت سمہیغ، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمہیغ، امساك، شوروق دان ضحی باگی دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري راہو، 22 شوال، 1424 برسان دغن
17 ديسمبر، 2003 هيگ کھاري ثلاث، 28 شوال، 1424 برسان دغن 23 ديسمبر، 2003 اداله سقرت دباوه اين:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
شوال									ديسمبر
22	12.17	3.39	6.12	7.26	4.57	4.57	6.20	6.45	17
23	12.18	3.40	6.12	7.27	4.58	4.58	6.20	6.46	18
24	12.18	3.40	6.13	7.27	4.58	4.58	6.21	6.46	19
25	12.19	3.41	6.13	7.28	4.59	4.59	6.21	6.47	20
26	12.19	3.41	6.14	7.28	4.59	4.59	6.22	6.47	21
27	12.20	3.42	6.14	7.29	5.00	5.00	6.22	6.48	22
28	12.20	3.42	6.15	7.29	5.00	5.00	6.23	6.48	23

وقت ۲ سمہیغ باگی دائره توتوغ ديمه سائو مينيت دان دائره بلايت ديمه نيگ مينيت، سمہیغ فرض جمعة سلوروو نكارا بروني دارالسلام مولاي دري فوكل 12.45 تھاري.

الْإِسْرَادُ حَكْمٌ

IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

BISMILLAH, WALHAMDULILLAH WASSALAMU 'ALA RASULILLAH, WA'ALAA ALIHIE WASAHBIHIE WAMAN WALAH.

TUNTUTAN MENUNAikan SEMBAHYANG DENGAN BERDIRI

Melakukan sembahyang bagi mereka yang berupaya dengan cara berdiri adalah merupakan rukun dalam sembahyang fardu. Sementara bagi mereka yang tidak berdaya berdiri, maka mereka boleh melakukannya dengan cara duduk sebagaimana ke-longgaran yang diberikan kepada orang sakit yang tidak berdaya menunaikan

kannya dengan cara berdiri.

Maksud 'tidak berdaya berdiri' bukan hanya bermaksud dalam erti kata lemah tidak dapat berdiri, bahkan termasuk juga kerana takut kecelakaan berlaku ke atas dirinya, takut akan jatuh tenggelam ke dalam air, takut mendatangkan kesusahan yang berat, pening kepala atau takut akan menambahkan lagi kesakitan yang dialaminya. (Mughni Al-Muhtaj 1 : 214).

Oleh itu, para penumpang kapal terbang yang mempunyai keuzuran seperti yang tersebut di atas adalah harus mendirikan sembahyang fardu sambil duduk.

Menurut Dr. Ahmad

BAGAIMANA MENGERJAKAN SEMBAHYANG KETIKA DALAM KAPAL TERBANG?

Asy-Syarbashi dalam kitabnya Yas'alunaka Fiddin wal Hayah bahawa melakukan sembahyang sama ada berdiri atau duduk ketika berada di dalam kapal terbang hukumnya adalah harus, tanpa semestinya berpusing mengadap kiblat ketika sedang melakukan sembahyang itu, selama mana melakukannya itu merupakan satu kepayahan, sebagaimana firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran." (Surah Al-Baqarah, ayat 185).

BEBERAPA PILIHAN BAGI PENUMPANG KAPAL TERBANG DALAM MELAKSANAKAN IBADAH SEMBAHYANG

Memandangkan pelayaran merupakan salah satu sebab yang diiktiraf oleh syarak bagi mengharuskan seseorang mengambil keringanan

Bilangan 170 Bahagian Akhir

atau rukhshah, maka diharuskan baginya melakukan sembahyang secara jamak (mengerjakan dua fardu sembahyang dalam satu waktu) dan diharuskan juga baginya mengqashar (memendekkan empat rakaat menjadi dua rakaat).

Orang yang musafir dengan menggunakan kapal terbang boleh menjamak sembahyang secara jamak taqdim sebelum kapal terbang bertolak iaitu semasa berada di lapangan terbang lagi kerana pada masa itu dia sudah dihukumkan musafir sekiranya kawasan lapangan terbang itu tidak termasuk kampung orang yang musafir itu atau di mana-mana tempat di luar kawasan perkampungan yang mudah baginya.

Pilihan lain ialah jika kapal terbang yang dinaikinya itu singgah atau

transit di suatu tempat, jika ada kemudahan baginya melakukan sembahyang maka bolehlah dia melakukannya sama ada secara jamak taqdim atau jamak ta'khir iaitu tertakluk kepada waktu sembahyang di tempat berkenaan itu. Walaupun orang musafir itu melakukan sembahyang jamak ta'khir apabila sampai ke destinasi, selama mana tempoh pelayarannya masih berjalan yakni belum tamat iaitu selama tiga hari (tidak termasuk hari sampai dan hari bertolak).

Walaupun bagaimanapun pilihan seperti ini hanya dapat dimanfaatkan oleh penumpang kapal terbang apabila perjalanan mengambil masa melibatkan dua waktu fardu sembahyang yang boleh dijamak iaitu Zuhur dan Asar atau Maghrib dan Isyak sahaja. Akan tetapi jika sembahyang ditunaikan dalam kapal terbang secara jamak dan qasar, inipun harus dan elok juga.

CARA MENUNAikan SEMBAHYANG DI KAPAL TERBANG

Hasil daripada penguraian yang lalu dapat disimpulkan, cara yang boleh dipraktikkan untuk menunaikan sembahyang di dalam kapal terbang adalah seperti berikut:

1) Penumpang hendaklah berusaha mencari tempat untuk menunaikan sembahyang dengan bertanya kepada anak buah kapal. Sekiranya ruang itu masih digunakan kerana kerja-kerja kabin, maka hendaklah ditunggu sehingga kerja-kerja itu selesai atau berkurangan.

2) Bagi mereka yang tidak berupaya menunaikannya dengan berdiri disebabkan keadaan tidak memungkinkannya seperti pening kepala atau disebabkan cuaca yang menyebabkan keadaan pesawat tidak stabil, maka diharuskan menunaikannya sambil duduk sama ada fardu atau sunat.

3) Jika penumpang tidak memperoleh tempat sembahyang yang sesuai, maka tunaikanlah sembahyang itu di tempat duduknya. Ketika hendak sujud

hendaklah ditundukkan lebih rendah dari rukuknya. Perlu diingat supaya tidak mengabaikan tuntutan mengadap kiblat.

Walaupun bagaimanapun, jika sekiranya bersembahyang dengan duduk itu dia boleh mengadap kiblat berbanding dengan melakukannya dengan berdiri tanpa mengadap kiblat, maka adalah wajib dia bersembahyang duduk.

Semoga panduan yang dijelaskan ini akan memudahkan setiap orang untuk menjalankan ibadat sembahyang. Apa yang penting, lakukanlah atau tunaikanlah perintah syarak sedaya yang termampu, dan jangan sekali-kali mencuaikan atau meninggalkannya sesuai dengan sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Oleh itu apabila aku menegah kamu daripada sesuatu maka hindarkanlah ia, dan apabila aku memerintahkan kamu untuk melakukan sesuatu maka tunaikanlah ia seberapa mampu yang kamu boleh buat." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

WALLAHUAKLAM

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

SELEPAS kita melaksanakan ibadat puasa di bulan Ramadan, datang pula bulan Syawal, diperintahkan untuk mengagungkan kebesaran Allah dengan bertakbir dan bertahmid. Dengan tibanya Syawal, kaum Muslimin telah bersiap sedia menghadapi bulan haji, maka fikiran mereka mulalah tertumpu kepada ibadat haji, iaitu salah satu dari Rukun Islam yang lima yang diwajibkan sekali seumur hidup bagi umat Islam yang telah mencukupi perbekalan atau cukup syarat-syaratnya.

Kita di Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan bersama-sama saudara-saudara Islam kita di negara-negara lain akan menunaikan ibadat fardu haji tersebut. Berbagai-bagai persediaan telah dilakukan oleh pihak-

pihak tertentu seperti mengadakan kursus-kursus ulang kaji ibadat haji dan umrah sebagai bekalan para bakal jemaah haji kita yang akan menunaikan ibadat haji tersebut. Bagi pihak keluarga bakal jemaah haji kita juga tidak ketinggalan meraikan keluarga-keluarga yang hendak menunaikan ibadat haji seperti mengadakan Majlis Doa Selamat dan ada sebahagian yang lain pula sibuk mengatur dan merancang apa-apa yang perlu dibawa oleh keluarga ke Tanah Suci.

Ibadat haji sebenarnya merangkumi seluruh ibadat salat, puasa dan zakat. Lantaran itu ianya diletakkan di tempat yang terakhir di dalam kewajipan-kewajipan yang wajib ditunaikan oleh individu Muslim. Dengan erti kata yang lain, sebelum seorang itu melaksanakan ibadat

Persediaan dan persiapan bagi menunaikan ibadat haji

haji tersebut, maka sudah semestinya ibadat-ibadat sembahyang, puasa dan zakat telah dapat disempurnakannya dengan baik seperti mana yang dikehendaki oleh hukum syarak.

Pemergian bakal jemaah haji negara kita ke Tanah Suci Mekah nanti merupakan tetamu Allah dan sesungguhnya tidak ada keistimewaan yang paling besar bagi seseorang Islam selain dari dapat diterima menjadi tetamu Allah. Jika kita perhatikan dari segi kemampuan dan keupayaan, maka begitu banyak orang Islam yang mempunyai kemampuan dan keupayaan tetapi masih belum mendapat rahmat untuk menjadi tetamu Allah.

Oleh kerana itu beruntunglah bagi sesiapa jua yang dirahmati Allah yang dibukakan pintu hatinya untuk berkunjung ke

Rumah Allah (Baitullah) yang menjadi tumpuan umat Islam di seluruh pelusuk dunia dan yang lebih beruntung lagi bagi setiap yang menjadi tetamu Allah itu ialah sesiapa yang diterima ibadat hajinya oleh Allah Subhanahu Wataala sebagai haji yang mabrur, kerana haji yang mabrur itu balasan Allah yang telah dijelaskan dalam sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Bukhari yang bermaksud :

"Haji yang mabrur itu tidak ada balasan yang lain baginya selain daripada Syurga."

Oleh yang demikian, adalah dianjurkan agar bakal jemaah haji akan ibadat haji yang akan di kerjakan di Tanah Suci nanti dari perkara-perkara yang boleh mencatatkan

atau merosakkan kesempurnaan, seperti cacat oleh percakapan atau perbuatan yang sia-sia dan tidak berfaedah atau menyakiti sesiapa. Dalam hal ini haruslah mempunyai pertahanan diri yang kuat dan di antaranya ialah sabar dalam diri kita, sabar dari perasaan marah, sabar dari berbuat kerosakan, sabar di atas kesusahan yang bakal ditempuhi dan sabar dalam menerima ujian dari Allah Subhanahu Wataala. Selain dari itu juga jauhi dari melakukan perkara-perkara yang mungkar atau bidaah serta kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Apalah gunanya jika ibadat haji yang mempunyai ganjaran dan kelebihan yang begitu besar seperti ganjaran orang yang berjihad di jalan Allah itu rosak dan cacat

PEMERGIAN bakal jemaah haji negara kita ke Tanah Suci Mekah nanti merupakan tetamu Allah dan sesungguhnya tidak ada keistimewaan yang paling besar bagi seseorang Islam selain dari dapat diterima menjadi tetamu Allah. Jika kita perhatikan dari segi kemampuan dan keupayaan, maka begitu banyak orang Islam yang mempunyai kemampuan dan keupayaan tetapi masih belum mendapat rahmat untuk menjadi tetamu Allah.

disebabkan perkara-perkara bidaah dan khurafat yang kita bawa, yang sebenarnya tidak terdapat dalam amalan mengerjakan ibadat haji sehingga ibadat haji kita tidak diterima oleh Allah Subhanahu Wataala, sedangkan kita telah mengorbankan tenaga, wang ringgit dan sebagainya.

Apa yang diharapkan

semogalah bakal jemaah haji kita akan dapat mengambil perhatian yang berat mengenai perkara ini dan menghindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara bidaah dan khurafat. Mudah-mudahan dengan kita menjauhi segala perkara-perkara berkenaan, ibadat haji kita akan diterima oleh Allah Subhanahu Wataala.

Beraya di Rumah Sakit

KEDATANGAN bulan Syawal disambut dengan meriah. Berbagai persiapan rapi telah dilaksanakan bahkan semua sedang dalam keadaan dan suasana kegembiraan menyambut Aidilfitri, malah ia ditambah lagi dengan berziarah dan kunjung-mengunjungi rumah sanak saudara, sahabat-handai, jiran tetangga dan mengadakan Rumah Terbuka, bagi menjamu mereka yang bertandang. Begitu-lah kebiasaan atau tradisi kita menyambut Hari Lebaran.

Sepanjang menyambut Aidilfitri, kehidupan sentiasa dipenuhi dengan keceriaan. Semua itu adalah nikmat Allah Subhanahu Wataala kepada kita setelah selesai menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan selama sebulan. Aidilfitri tiba, Aidilfitri menjelang, Aidilfitri diraikan. Itulah anugerah Allah yang tidak terhingga. Semoga kita menyambutnya mengikut seperti mana yang telah dianjurkan oleh syarak dengan tidak mencemari dan merosakkan keimanan yang telah

kita sucikan di sepanjang bulan Ramadan.

Apa yang penting kita sambut dengan kesederhanaan yang penuh dengan keinsafan dengan bermaaf-maafan yang sewajarnya dilakukan dari masa ke semasa dengan seberapa segera, demi mengukuhkan ikatan persaudaraan dan silaturahmi agar terus menjadi erat dan mesra.

Perkara lain harus kita lakukan ialah kunjung-mengunjungi (berziarah) sesama kita dan tidak lupa pada mereka yang kurang bernasib baik atau

Oleh
Siti Aishah HS

mereka yang kurang upaya, malah ada pula kesihatannya tidak mengizinkan untuknya menyambut Hari Raya dengan riangnya.

Dalam kesempatan ini, wakil PELITA BRUNEI sempat menemui bual ibu kepada seorang anak damit lelaki, Dayang Taisah binti Simeh, 37 tahun yang berasal dari Kampong Merangking, Bukit Sawat, Belait meluahkan kesedihan beliau mengenai keperitan yang ditanggung oleh anak beliau, Adik Mohammad Zul Zaidi bin Raimey yang berusia empat minggu, terlantar di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha selama lebih dua minggu sebelum Syawal menjelang tiba.

Dayang Taisah menyatakan anaknya disahkan menghidap sakit buah pinggang dan terpaksa dirawat di hospital berkenaan sehingga sembuh. Semasa wakil PELITA BRUNEI membuat pendekatan, Adik Mohammad Zul Zaidi



GIRANG ... Pesakit yang terlantar di hospital tidak dilupakan dengan diberikan hadiah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

sedang nyenyak tidur setelah dibuat pemeriksaan x-ray ke atasnya.

Mengenai sambutan Hari Raya pada tahun ini, Dayang Taisah yang masih dalam 'pantang' setelah bersalin, menyatakan rasa terharu kerana beliau sekeluarga tidak dapat balik beraya bersama keluarga di kampung dan apa yang menyedihkan, beliau terpaksa menahan sebak apabila ada di antara sanak-saudara yang datang menziarahi beliau dengan hanya bertandang ke hos-

pital berkenaan. Dalam pada itu, walaupun beliau tidak dapat beraya di Aidilfitri ini, apa yang penting bagi beliau adalah kesihatan Adik Mohammad Zul Zaidi agar cepat sembuh.

Manakala suami beliau, Awang Raimey, bekerja di Pejabat Pos Lumut, terpaksa hanya beberapa ketika sahaja menziarahi anak beliau disebabkan jarak perjalanan yang jauh.

Walaupun hanya sementara, kehidupan yang beliau tempohi di ambang

Syawal ini, diharap akan berlalu secepatnya dan mengharap agar Adik Mohammad Zul Zaidi sembuh dan dapatlah hendaknya beliau berserta Adik Mohammad Zul Zaidi dan keluarga beraya bersama di kampung halaman bersama sanak-saudara yang menanti mereka.

Segala apa yang berlaku adalah anugerah Allah Subhanahu Wataala jua, kita selaku hamba-Nya hanya mampu berserah dan berusaha ke arah kebaikan demi mencapai hasrat yang murni. Di harap di ambang Syawal ini, membawa seribu nikmat dan hikmat bagi kita semua dalam mencari keredaan Allah dan mensyukuri atas nikmat yang diberikan.

Untuk itu, samasalah kita mengharungi hidup kita dengan tabah dan tenang dan menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan penuh ceria, mengikut garis syariat yang ditetapkan tanpa mencemari dan merosakkannya. Semoga Aidilfitri membawa seribu keinsafan dan dapat mengukuhkan lagi tali persaudaraan sesama kita.



ADIK Mohammad Zul Zaidi bin Raimey yang berusia empat minggu, terlantar di Hospital RIPAS lebih dari dua minggu sebelum menjelang Aidilfitri.

Brunei Darussalam, Malaysia perkukuh kerjasama pelbagai bidang kesihatan

Oleh
Bolhassan HAB

JERUDONG, 4 Disember. - Negara Brunei Darussalam dan Malaysia memperkukuhkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang kesihatan seperti pertukaran maklumat, rangkaian kerjasama, latihan dan bantuan teknikal.

Sehubungan itu mesyuarat dua hala kali pertama antara kedua negara mengenai kesihatan berlangsung selama dua hari bermula hari ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman mengenai isu-isu kesihatan yang mempunyai kepentingan bersama.

Mesyuarat yang di-

adakan di Empire Hotel and Country Club telah membincangkan mengenai pencegahan dan pengawalan penyakit Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), pengurusan wabak yang akan datang (SARS, Demam Denggi dan penyakit-penyakit yang berpunca daripada makanan dan air).

Selain itu turut diketengahkan ialah pengawalan kualiti dan keselamatan makanan, pengawalan ubat-ubatan dan kosmetik, pengawalan produk tembakau, perkembangan sumber tenaga manusia dan penghantaran pesakit-pesakit melalui sempadan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar


telah mempengerusikan mesyuarat yang dihadiri oleh kira-kira 50 delegasi dan pemerhati tempatan.

Seramai 14 delegasi dari Malaysia menghadiri mesyuarat berkenaan yang diketuai oleh Menteri Kesihatan Malaysia, Yang Berhormat Dato Chua Jui Meng. Sementara Negara Brunei Darussalam disertai oleh 18 delegasi yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, di samping 18 orang pemerhati tempatan.

Sehari sebelum mesyuarat itu berlangsung, Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan telah diadakan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin.



SEDIH ... Sebahagian pesakit terpaksa beraya di hospital.



NEGARA Brunei Darussalam dan Malaysia membincangkan pelbagai bidang kesihatan di mesyuarat dua hala antara kedua-dua buah negara.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Bersikap lebih positif, responsif

DALAM masa dua minggu sahaja lagi kita akan menempuh tahun baru 2004. Sesungguhnya tahun baru akan memberikan kita harapan yang lebih cerah dan ceria dalam kehidupan kita. Apakah pengharapan yang kita mahukan? Antara lain kita mahu melihat negara kita terus menerus berada di dalam aman, makmur serta maju seiring dengan warga dan bangsa dunia yang lain.

Selain itu kita juga mahukan negara terus menikmati kestabilan politik dan ekonomi yang mantap. Kita juga mahu menjadi bangsa yang berilmu, berkemahiran dan berpengetahuan tinggi serta cemerlang di segenap bi-

dang. Semua cita-cita ini sebenarnya tidak datang bergolek dan mudah begitu saja, tetapi memerlukan pengorbanan dan perubahan paradigma serta cara kita berfikir dan bertindak. Ini bermakna azam saja tidak cukup untuk menyampaikan kita kepada hasrat tersebut, tetapi hendaklah disertai dengan sikap rajin berusaha, bekerja, berdikari, lutan dan sentiasa bersemangat untuk maju ke hadapan.

Sebenarnya azam tidak perlu menunggu tahun baru untuk membuat perubahan tetapi hendaklah sentiasa berterusan dan bukannya bermusim seperti apabila tahun baru menjelang barulah kita sibuk membuat azam itu

dan ini. Maka dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan ini setentunya memberikan kita lebih bersedia berubah kepada sikap positif dan bukan negatif. Kerana dengan adanya sikap positif segala apa yang kita rancang akan mudah dilaksanakan. Perubahan yang kita perlu ada ialah sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kita.

Dalam hubungan ini, kita menyandarkan harapan tinggi kepada para penuntut yang akan menjadi pemimpin hari esok untuk sentiasa tekun belajar dan mengejar cita-cita demi untuk survival bangsa dan negara. Kerana kita memahami bahawa pelajaran

merupakan investment yang amat berharga dalam usaha kita menghasilkan para cendekiawan dan cerdik pandai bagi memacu dan membangun negara di masa depan. Untuk itu para pelajar perlulah berazam dan bercita-cita tinggi untuk maju dalam segenap bidang pelajaran, kerana masa untuk bermain sudah berlalu tetapi kita perlu mengejar masa kerana masa itu adalah diibaratkan sebagai emas yang berharga. Sesaat kita alpa dan lalai bermakna kita akan kerugian besar.

Bagi kaum belia yang menjadi penduduk majoriti negara ini sudah barang tentu negara mengharap dan menggan-

tungkan harapan kepada mereka. Apa kita mahukan agar para belia kita dalam menempuh tahun 2004 dan seterusnya hendaklah berupaya meningkatkan jati diri mereka yang sentiasa rajin berusaha, tidak camah mata serta bersikap positif. Kita tidak mahu belia kita membuang masa dan melepak ke sana ke mari tanpa tujuan. Kita tidak mahu mereka menjadi sampah masyarakat dengan terlibat dalam penyalahgunaan dadah, kegiatan-kegiatan sosial yang tidak bermoral seperti menjadi penjenayah dan sebagainya. Mereka juga tidak perlu memilih pekerjaan. Gunakanlah apa saja peluang sama ada bekerja di sektor swasta, kerajaan atau berdikari dengan mengusahakan perniagaan kecil-kecilan. Pendek kata mereka perlu bersikap lebih positif dan

berazam lebih kuat untuk memajukan diri sendiri, bangsa dan negara.

Sebagai anggota perkhidmatan awam pula, sikap positif yang perlu ada ialah sentiasa rajin bekerja, jujur dan amanah, tidak membuang masa, inovatif dan produktif. Sentiasa berusaha menghasilkan yang terbaik dan bukan sebaliknya. Bekerja lebih responsif dan bukannya sentiasa menunggu arahan tetapi mencari dan membuat sesuatu kerja yang dapat meningkatkan produktiviti dan pendapatan kerajaan. Berazam dan bercita-cita bagi meningkatkan kemahiran seperti mampu menggunakan teknologi-teknologi terkini yang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Tinggalkanlah kaedah lama dan lapuk tetapi gantikan dengan kaedah yang terkini yang boleh meningkatkan

mutu kerja dan produktiviti kerajaan.

Maka dalam menempuh tahun 2004 itu, semua pihak perlulah bersikap lebih positif dan responsif. Bertindak dengan lebih telus. Kita gunakan setiap saat untuk memajukan bangsa dan negara kerana masa sekarang bukan untuk kita bercakap tetapi lebih mengutamakan kerja dan usaha yang gigih agar kemajuan serta kesejahteraan yang kita nikmati akan berterusan. Insya Allah dengan mengamalkan sikap positif kita lebih yakin untuk membawa Negara Brunei Darussalam lebih maju di tahun 2004 nanti.

Dayang Nor Athirah binti Haji Mohammad, Sekolah Menengah Sayidina Abu Bakar, Lambak.
No. k/p: 01-031031

Meraih lebih banyak kejayaan

KEHADIRAN tahun baru merupakan satu kesempatan yang wajar untuk menilai atau muhasabah diri untuk berubah kepada sikap positif dalam pelbagai aspek.

Tahun baru 2004 membuka lagi lembaran baru. Ini bermakna selain daripada pengalaman hidup yang lalu banyak perkara baru yang akan berkembang mengikuti aliran masa kini. Dalam mengejar kemajuan hidup, semua orang khususnya para remaja harus peka dan berhati-hati dalam menempuh sebarang kemungkinan yang berpeluang kerana semakin dunia maju, semakin bertambah lagi cabaran-cabaran hidup yang perlu diteliti dan diawasi. Hanya dengan keazaman yang kuat serta kerajinan, keberanian dan kepintaran sajalah segala usaha dapat diatasi dan terhindar dari timbulnya sebarang masalah dan gejala perosak kehidupan.

Tahun baru lebih bermakna lagi kepada pelajar-pelajar kerana setelah melalui beberapa ujian

dan peperiksaan serta mendapat keputusan yang begitu cemerlang dan memuaskan untuk melayakkan diri mereka naik tingkatan atau naik lagi ke satu anak tangga untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi dan dari saat itulah mereka akan memulakan pelajaran baru serta mendapat pengalaman baru. Di sini, para pelajar akan mula berazam dan bertekad untuk memperbaiki diri masing-masing untuk meningkatkan mutu pembelajaran. Bagi yang bekerja, walaupun jawatan tetap juga sama, namun tanamkan juga azam untuk meningkatkan mutu kerjaya masing-masing.

Dalam Islam juga menggalakkan kita untuk sentiasa memperbaiki diri dalam segala hal. Semua ini memerlukan kepada keinginan dan usaha yang bersungguh-sungguh. Janganlah kita begitu pasrah dengan berserah kepada nasib semata-mata. Hakikatnya, nasib masing-masing adalah terletak kepada usaha yang kita lakukan. Nasib seseorang tidak akan berubah de-

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Bersama Berusaha Mengisi Kemerdekaan Negara'. Tarikh tutup 24 Disember 2003.
2. 'Patriotisme Teras Keteguhan Negara'. Tarikh tutup 31 Disember 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada:

**Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
email: pelita@brunet.bn**

ngan sendirinya sehingga kita sendiri yang mengubahnya. Malahan orang lain pun tidak dapat mengubah nasib kita. Perkara ini dijelaskan di dalam Al-Quran yang menjadi sumber rujukan terbaik untuk menjadi insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat, iaitu dalam Surah Al-Ra'd ayat 11 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."

Oleh yang demikian, kita perlu bijak meng-

hargai masa kerana masa tidak akan menunggu kita walau sesaat pun. Dengan tibanya tahun baru 2004 ini, kita perlu mengubah diri kita sendiri kepada sikap yang lebih positif dari tahun sebelumnya, di samping kita membuat strategi atau perancangan untuk meningkatkan taraf hidup atau meraih banyak lagi kejayaan pada tahun baru ini.

**Dayang Salbiah binti Awang Ahmad,
No. 662, Simpang 660,
Kampung Lumapas 'B',
BJ 3524.
No. k/p : 00-286748**

Daya produktiviti meningkat

KINI kemajuan sains dan teknologi canggih telah membawa tahun 2004 ke mercu kejayaan baru. Daya produktiviti dan taraf hidup para rakyat dan masyarakat kian meningkat setiap tahun. Namun kesan sampingan juga tidak boleh dipandang enteng.

Di negara kita kaedah penanaman yang canggih telah mendatangkan keuntungan yang berlipat ganda. Misalnya kaedah penanaman hidroponik yang kian popular. Rumah Hijau yang mula bertapak di Brunei juga membolehkan tanaman iklim sederhana dihasilkan. Ini dapat dijalankan melalui kawalan suhu dan cuaca.

Dedikasi dan semangat kental ahli sukan juga penting. Sungguhpun seseorang ahli sukan berbakat, namun sanjungan tinggi diberi kepadanya kerana menunjukkan prestasi yang hebat serta intensif dan ganjaran melimpah sentiasa menunggunya. Namun tanpa dedikasi, nekad dan azam, mutu persembahan mudah luntur dan tidak dapat bertahan lama. Misalnya penglibatan pemain bola sepak semi pro dalam rasuah di Brunei telah mengheret arena bola sepak negara ke pinggir

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Berubah Kepada Sikap Positif Di Tahun 2004'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

keruntuhan.

Sektor minyak Negara Brunei Darussalam telah mengalami revolusi akibat kemajuan sains dan teknologi yang pesat. Penemuan bahan kimia dan kaedah penanaman yang canggih telah meningkatkan produktiviti sektor ini dan meningkatkan taraf hidup para teknikal dan penjual. Tegaknya ini mendatangkan manfaat kepada rakyat jelata.

Melalui kemajuan dalam bidang pengeluaran minyak dan gas memang menjulang mutu kualiti dan kuantiti negara ke tahap yang lebih tinggi. Namun peningkatan mutu ini berpunca daripada kombinasi pelbagai faktor. Tambahan pula penyalahgunaan bahan ubatan haram juga boleh menjahanamkan mutu sukan. Jadi perancangan yang bersepadu bersama dedikasi ahli teknikal sendiri merupakan tunjang kejayaan.

Dalam era ledakan dan revolusi maklumat, teknologi komunikasi melalui satelit semakin bertambah penting. Maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah melancarkan Dasar Telekomunikasi Negara. Sumbangan telekomunikasi banyak mendatangkan manfaat.

Tegaknya, kemajuan sains teknologi dan pemedonan negara amat bergantung kepada kemajuan sistem telekomunikasi negara yang maju dalam sistem telekomunikasi boleh mengawal minda manusia dan dunia sejabat. Langkah kerajaan melaksanakan dasar ini tepat pada masanya. Kita sebagai rakyat harus mendapatkan manfaat sepenuhnya.

**Jessica Yii Toh Cheng,
P.O. Box 2888, BS 8675,
No. k/p: 659169**

REMAJA

PROFESIONAL MUDA

OLEH H. A. MANAP

RASANYA tahun ini merupakan sejarah bagi golongan profesional muda di negara kita. Sejarah yang tidak akan mudah untuk kita lupakan. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan berkenaan meraikan golongan profesional muda dalam suasana kehangatan sambutan Hari Raya Aidilfitri masih lagi dirayakan, merupakan suatu anugerah yang sangat tinggi nilainya. Jarang benar suasana begini dapat dinikmati dan tentulah keadaan ini memperlihatkan betapa prihatinnya baginda terhadap golongan profesional muda untuk berpeperangan dengan lebih bermakna lagi.

Titah baginda yang mengajak golongan profesional muda untuk bersama-sama bergerak membangun negara dan juga membantu kerajaan dalam melaksanakan sebarang program pembangunan dan aktiviti negara adalah suatu pengiktirafan yang amat berharga dari seorang raja dan pemimpin negara yang kita kasihi. Titah baginda untuk mengajak golongan profesional muda bersedia menghadapi cabaran global merupakan pandangan jauh baginda yang amat ketara, baginda melihat betapa pentingnya golongan profesional muda aktif dan dinamik tidak sambil lewa dalam menghadapi cabaran global yang sering bergolok dan mengelakkan diri dari bersikap-sambil lewa adalah penting dihayati.

Adanya kurnia titah ini bukan sahaja menyentuh betapa pentingnya golongan generasi muda yang berjawatan tinggi, berkelulusan tinggi dan yang tergolong sebagai cendekiawan berpeperangan untuk menggerakkan bersama sebarang rancangan yang diungkapkan oleh pihak kerajaan adalah juga merupakan sebagai rangsangan

terhadap sumbangan dan tanggungjawab yang perlu dimainkan. Golongan profesional muda merupakan aset yang amat penting dalam pertumbuhan dan perkembangan sesebuah bangsa yang menginginkan kemajuan yang pesat. Golongan ini bukan sahaja merupakan sebagai jentera penggerak akan tetapi juga merupakan sebahagian daripada komponen mekanisme yang akan menentukan arus dan hala tuju matlamat beragama, berbangsa dan bernegara.

Persoalan yang timbul ialah setiap kita perlu mempersiapkan diri dengan kelengkapan yang mencukupi untuk kita dapat memainkan peranan bersama-sama dalam membina dan membentuk hala tuju pembangunan negara kita. Usia muda merupakan aset yang dapat digunakan sebagai modal untuk kita berperanan. Ketangkasan, kematangan dan kemahiran berfikir dan bertindak adalah perlu disemai untuk meletakkan diri kita pada landasan yang boleh diiktiraf sebagai profesional yang berkualiti tinggi. Kualiti memainkan peranan penting untuk melahirkan suatu proses pembangunan, perubahan dan kemajuan. Tanpa adanya faktor kualiti, kita tidak mungkin akan dapat mewujudkan generasi pelapis yang akan melaksanakan kesinambungan bernegara. Dalam arus dan cabaran yang kita hadapi sekarang, kekuatan barisan profesional muda adalah sangat penting dijaga. Setiap me-

reka yang tergolong dalam golongan ini perlu berfikir, apakah yang akan boleh disumbangkan dan bagaimana sumbangan tersebut dapat dimanfaatkan bersama.

Di negara kita yang tercinta ini usaha kerajaan untuk melahirkan golongan cendekiawan muda sudah terhasil, sejak pelaburan yang telah lama diungkapkan. Penghantaran pelajar-pelajar yang cemerlang ke luar negara melanjutkan pelajaran mereka telah membuahkan hasil yang sangat membanggakan. Kita bukan sahaja sudah melahirkan golongan profesional muda dalam bidang yang dulunya dibuat oleh golongan mahir dari luar negara akan tetapi kini kita sudah melihat ramai generasi muda mengisikan kerja-kerja sedemikian dengan baik dan setanding dengan mereka dari negara luar. Bidang kedokteran, kejuruteraan, arkitek, pakar perundangan, golongan akademik, pengusaha dan peniaga yang bertaraf antarabangsa dan sebagainya sudah memenuhi senarai yang ada di negara kita ini.

Keberanian mereka menceburkan diri dalam bidang-bidang yang kita nyatakan ini, bukan lagi sebagai 'passenger' akan tetapi merupakan pengendali, pengusaha dan pelaksana yang berkemahiran. Kita yakin trend dan juga perubahan yang berlaku sudah pasti akan meletakkan generasi profesional muda setanding dengan mereka yang ada di dunia luar.

Sekarang kitalah yang akan menentukan sama ada kita sanggup menyahut keperluan negara seperti yang dititahkan oleh Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atau kita hanya setakat menyaksikan gelagat sekeliling tanpa menyadari yang kita adalah orang yang diperlukan untuk menjadi pemain dalam arus dan kancan perubahan dan kemajuan tersebut. Kalau kita menoleh dan mengimbas suasana dan perkembangan negara kita sejak kita mencapai kemerdekaan, ternyata kita bukan sahaja mampu untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara yang sudah maju, namun cara kita menanganinya kita sudah dapat melaksanakan peranan dan pengiktirafan yang bukan sedikit. Maknanya dalam hubungan ini kita sudah mampu untuk mewujudkan calak Brunei yang boleh berpeperangan di dalam dunia sejagat.

Harga Tawaran : \$200.00 (Tidak dikembalikan)

Harga Dokumen : \$50.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup : Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas II, III, IV, V dan VI Kategori 5j dan mempunyai tidak kurang dari lapan (8) pekerja yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat 2, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

PERHATIAN :

Sila bawa Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat 2, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/Z/3031:-
BAG SAND PROOFED 2 FT X 9 IN X 1 FT X 2 IN (QTY: 60,000 EA).
Bayaran Tawaran : \$10.00 (Tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/Y/3008:-
TRAILER MOUNTED PORTABLE FIRE PUMP.
Bayaran Tawaran : \$20.00 (Tidak dikembalikan).

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 5 Januari 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 5 Januari 2004 jam 10.30 pagi.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/X/3015 (A) :-
TRAILER FIELD KITCHEN (QTY : 1EA).
Bayaran Tawaran : \$10.00 (Tidak dikembalikan).

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 5 Januari 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 5 Januari 2003 jam 10.30 pagi.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/Z/3019 :-
IRON PICKET 2 IN X 2 IN X 1/4 IN X 6 FT (QTY : 4,200 EA).
Bayaran Tawaran : \$10.00 (Tidak dikembalikan).

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 22 Disember 2003**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Isnin, 22 Disember 2003** jam 10.30 pagi.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/Z/3024 :-
SHOES BATES LITES BLACK PATTERN STYLE 42, SIZE 6 1/2 : 150

JUALAN LELONG

JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

- MEREKA/SYARIKAT yang berminat hendaklah terlebih dahulu dikehendaki untuk melihat dan memeriksa tayar-tayar berkenaan yang terletak di kawasan Bengkel Pelabuhan Muara. Untuk memasuki kawasan yang berkenaan adalah dikehendaki membawa kad pengenalan atau pasport bagi mendapatkan Pas Masuk.
- Untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai tayar-tayar berkenaan bolehlah menghubungi Awang Relax Dennis - CTA Jabatan Pelabuhan.
- Keadaan tayar adalah seperti yang dilihat dan tidak akan dibersihkan atau diperbaiki.
- Jabatan tidak akan menyediakan kerja-kerja pemunggaan dan pengangkutan.
- Mereka/syarikat yang berjaya hendaklah menguruskan untuk mengeluarkan tayar-tayar yang berkenaan secepat mungkin iaitu tidak melebihi satu bulan setelah surat pengesahan diterima.
- Tayar-tayar hanya boleh dikeluarkan setelah pembayaran mengikut harga yang telah ditetapkan diterima.
- Dokumen tawaran boleh didapati di Bahagian Kejuruteraan, Tingkat Bawah, Jabatan Pelabuhan Muara.
- Tawaran hendaklah dikembalikan atau dialamatkan kepada : Bahagian Bengkel, Jabatan Pelabuhan Muara, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari **Isnin, 22 Disember 2003** jam 9.00 pagi.

PR; SIZE 7 : 300 PR; SIZE 7 1/2 : 150 PR; SIZE 8 : 200 PR; SIZE 10 : 60 PR. Bayaran Tawaran : \$10.00 (Tidak dikembalikan).

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 15 Disember 2003**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 15 Disember 2003 jam 10.30 pagi.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/X/3053 :-
TRAILER 3/4 TONNE KING'S (QTY : 6 EA).
Bayaran Tawaran : \$10.00 (Tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/X/3054 :-
LIGHT TRUCK 3/4 TON GS REQ NO. : 071424-001 (QTY : 30 EA).
Bayaran Tawaran : \$10.00 (Tidak dikembalikan).

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 15 Disember 2003**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 15 Disember 2003 jam 10.30 pagi.



KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

- DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
- a) Tawaran yang mempunyai rujukan **KK/88/2003, KK/89/2003 dan KK/90/2003** hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, iaitu hari **Isnin, 5 Januari 2004**.
- Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang iaitu hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
- Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-
Sijil Perniagaan Yang Masih Sah Laku

TAWARAN BIASA

BILANGAN TAWARAN : KK/88/2003 : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANG-BARANG GUNA BUAH PINGGANG BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.
Yuran Tawaran : \$ 200.00

BILANGAN TAWARAN : KK/89/2003 : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANG-BARANG MAKANAN BASAH UNTUK HOSPITAL PMMPMAHMB TUTONG BAGI TEMPOH SELAMA TIGA (3) TAHUN.
Yuran Tawaran : \$ 200.00

BILANGAN TAWARAN : KK/90/2003 : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANG-BARANG MAKANAN KERING UNTUK HOSPITAL PMMPMAHMB TUTONG BAGI TEMPOH SELAMA TIGA (3) TAHUN.
Yuran Tawaran : \$ 200.00

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/12
SUPPLY OF DMS ANKLE BOOTS LEATHER BLACK (3 YEARS CONTRACT)
Bayaran Tawaran : \$30.00 (Tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/96
PEMBUANGAN SAMPAH DI GARISON PENANJONG (KONTRAK 3 TAHUN).
Bayaran Tawaran : \$30.00 (Tidak dikembalikan).

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 15 Disember 2003**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 12 Disember 2003 jam 10.30 pagi.

a) Wang Bayaran Tawaran dan Yuran Dokumen hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolkliah Garison BB 3510, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

WAKTU BAGI MENERIMA BAYARAN :

Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi dan 2.00 petang - 3.30 petang.
Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.

b) Pembekal adalah dikehendaki membayar semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

c) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

d) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide tender) dan tidak akan dilayan.

e) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

f) Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

g) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catat tarikh tutup tawaran itu seperti yang diiklankan.

UNIT KESELAMATAN
JABATAN KESELAMATAN
DALAM NEGERI
JABATAN PERDANA MENTERI

TAWARAN MEMBEKAL

DUA (2) BUAH KENDERAAN JENIS PACUAN EMPAT (4) RODA

Bilangan Tawaran : JKDN/UK/02/2003

Butir-Butir Tawaran:

- TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal dua (2) buah kenderaan jenis 4WD bagi Unit Keselamatan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.
- Pembekal hendaklah menyatakan sebut harga tidak termasuk cukai bagi kenderaan tersebut, termasuk 'description dan specification' kenderaan yang dibekalkan.
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup yang bertulis TAWARAN MEMBEKAL KENDERAAN JENIS 4WD, Bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal, dimasukkan ke dalam peti tawaran tidak lewat pada hari **Isnin, 29 Disember 2003**, (dijalankan dari 8 Disember 2003) jam 2.00 petang dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
- Pembekal yang mendaftar tawaran dikehendaki menghantar dokumen dalam dua (2) salinan berserta katalog yang berkaitan dengan tawaran.
- Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta, Nama Perniagaan (Certificate of Registration- Business Name Act) mestilah disertakan.
- Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
- Borang permohonan dan sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Rumah Kelas B, Simpang 86, Berakas Housing Airport, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.



SIKAP WASPADA DI JALAN RAYA AMALAN TERPUJI

ARENA SUKAN



SEKALI-SEKALA pemain Singapura tersentak dalam pertemuan dengan pemain Negara Brunei Darussalam walaupun kalah 0 - 4.

Pemain muda negara terus dibelenggu kekalahan

PUSINGAN kedua bagi pemain-pemain catur muda negara terus dibelenggu kekalahan oleh lawan masing-masing kecuali pemain veteran Pg. Abd Rahman PLW Yusoff dalam senarai 'vie' bagi acara Catur Standard Lelaki dan Wanita, Sukan SEA Ke-22 Viet Nam, Bandaraya Ho Chi Minh.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Dewan Van Don di sini bagi menyaksikan atlet catur bermain mungkin dapat menyuntik semangat pemain-pemain meleset setelah semua pemain tewas dan harapan mengumpul mata bagi mengukuhkan kedudukan individu dan berpasukan juga terjejas.

Turut berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi yang juga berada di bandar raya ini bagi sama-sama memberi sokongan kepada para atlet yang mengambil bahagian.

Seperti semalam mereka yang beraksi bagi lelaki ialah Yap Choow Tun menentang Zaw Oo pilihan 13 dari Myanmar kalah 0 - 1, Ak. Hira bertemu Liew Chee Meng dari Malaysia kalah 0 - 1, Ak. Hirawan melawan Mok Tze Meng juga mewakili Malaysia kalah 0 - 1, Ak. Qadri bertemu Jason Goh Koon Jong dari Singapura kalah 0 - 1 dan Pg. Abd Rahman menang kerana 'vie' mengutip satu mata.

Manakala bagi pemain wanita Dk. Nadiyah bertemu Irine Kharisma Sukandar dari Indonesia 0 - 1, Farah Atiyah melawan Dk. Khalilah 1 - 0, Dk. Qalila menentang Siti Syazwani 0 - 1.

Kesemua mereka akan bermain lagi esok untuk melanjutkan ke pusingan ketiga dan jurulatih kebangsaan catur Ivan Siturur berkata keputusan kelimah dan hari ini tidak akan berlarutan. Mereka harus menang untuk beberapa game bagi membuka harapan kerana pemenang hanya akan dikira pada berapa



Laporan Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh Harun HR dan
Hamadi HM dari Bandaraya Ho Chi Minh

banyak permainan yang dimenangnya.

Memberitahu wakil PELITA BRUNEI, beliau telah membuat arahan dan teguran supaya anak-anak buahnya supaya tidak membuat kesilapan yang sama sewaktu pusingan pertama namun kerana masih baru, kesalahan dalam pergerakan buah masih berulang

tetapi ada kalanya lawan mereka juga tersekat.

"Seperti Farah Atiyah kelimah keputusanya boleh seimbang namun kesilapannya berlarutan dan beliau kalah kepada lawanannya, begitu juga dengan Ak. Hirawan yang menggerakkan buah yang sepatutnya tidak digerakkan," jelasnya.

Berpeluang bukti permainan

PEMAIN-PEMAIN catur wanita masih punya harapan untuk mara ke perlawanan ke seterusnya walaupun semuanya kecundang di tangan pemain dari Filipina, Malaysia, Singapura dan Viet Nam dalam acara Catur Standard Individu Wanita (Individual Woman Standard Chess).

Mereka yang beraksi petang ini ialah Farah Atiyah Haji Zainal menentang pemain Viet Nam Le Kieu Thien Kim kalah 0 - 1, Dk. Qalila Pg. Haji Mohd Omar kalah 0 - 1 kepada Bui Kim Le juga dari Viet Nam, Dk. Khalilah Pg. Khasiem kalah kepada pemain Malaysia, Lim Jean Nie juga 0 - 1, Dk. Nadiyah Pg. Khasiem pun kalah kepada pemain Malaysia, Siti Zulaikha Foudzi 0 - 1 dan Siti Syazwani Hj.

Shamsuddin pula kalah kepada pemain Filipina Sheerie Joy Lomibao dengan 0 - 1.

Sementara pemain-pemain lelaki juga kalah lawan masing-masing kecuali Yap Choow Tun yang dalam senarai 'vie'. Mereka yang kalah ialah Ak. Hira Pg. Mohd Omar kepada pemain Filipina, Ronald Dableo 0 - 1, Pg. Abd Rahman PLW Yusoff kalah kepada pemain Malaysia, Mas Hafizulhimi Abd Rahman 0 - 1, Ak. Hirawan kalah kepada Susanto Megaranto dari Indonesia 0 - 1 dan Ak. Qadri kalah kepada Wynn Zaw Htun 0 - 1 dari Myanmar.

Bagi Farah Atiyah Hj. Zainal hanya kesilapan diri sendirinya menyebabkan

lawan dari Viet Nam mencuri kesempatan untuk unggul tetapi Thien Kim juga beberapa kali membuat silap namun gagal diambil manfaat oleh Farah Atiyah.

Katanya kepada wakil PELITA BRUNEI, lawanannya adalah pilihan kedua kejohanan namun beliau (Farah Atiyah) mempunyai peluang untuk menang tetapi kerana banyak membuat kesilapan akhirnya terjerat di perangkap sendiri akan tetapi kelalaian Thien Kim juga sedikit memberi peluang kepada dirinya (Farah Atiyah) untuk mengubah kedudukan namun tidak banyak kesilapan yang boleh diperbaiki.

"Lawan saya juga banyak membuat kesilapan tetapi saya gagal mengambil kesempatan yang ada untuk

menghukum pergerakan, kerana masih perlu berhati-hati memandangkan ini perlawanan saya dalam catur di Sukan SEA," tambahnya.

Menurutnya, kesilapan besar yang dilakukannya ialah pertukaran menteri yang memberi peluang untuk Thien Kim menghukum buahnya, malah beliau juga sedikit terganggu dengan 'timing' yang digunakan dan yang membuat pergerakan buah salah membuka peluang kepada lawanannya untuk terus menghukum.

Katanya, esok ada perlawanan seterusnya dan beliau akan tetap berhati-hati untuk membuat pergerakan terutamanya pada 'opening' kerana membuka akan membawa padah dan berharap nasib yang sama tidak akan menimpa dirinya.

Pasukan catur berpasukan gagal menyerlah

PASUKAN Gerak Cepat Catur Brunei Darussalam atau Brunei Darussalam Rapid Team gagal saingi lawan pertama mereka dari negara tuan rumah Viet Nam yang menggariskan pemain-pemain bertaraf tinggi untuk mengutip pingat.

Pada permainan kedua keempat-empat wakil Brunei juga kalah di tangan pasukan Singapura dengan kedudukan serupa cuma pernah beberapa ketika pemain Singapura tersentak untuk menggerakkan buah kerana sebarang kesilapan akan membawa padah.

Tapi akhirnya Singapura menang dengan kedudukan 0 - 4 tapi pada pertemuan terakhir bersama Myanmar seorang pemain negara berjaya mengalahkan wakil Myanmar, Zaw Oo yang mempunyai rating 2452. Beliau ialah Pengiran Abd. Rahman PLW Haji Yusoff, malangnya sudah tiada harapan dalam acara berpasukan kerana kalah tiga perlawanan.

Pemain harapan negara Ak. Hirawan yang mengetuai cabaran ketika menentang Viet Nam memberitahu wakil PELITA BRUNEI, kami telah menggunakan segala kepandaian kami untuk bermain tetapi oleh kerana mereka lebih berpengalaman dan banyak yang memegang gelaran Grand Master (GM) kami terpaksa menyalah walaupun terus mencuba."

Katanya, pada perlawanan pertama ketika bermain dengan Nguyen Anh Dung dari Viet Nam beliau juga terpaksa mengeluarkan kepakaran yang ada tetapi nasib lebih menyebelahi Dung untuk mengatasi dirinya 2 - 0.

Manakala dalam pertemuan dengan pasukan Singapura ketika bermain dengan Wu Shao Bin, beliau juga kalah 0 - 2 kerana Wu Shao Bin juga bertaraf GM dan mempunyai rating (2528) di Sukan SEA

Ke-22 atau pemain pilihan ketiga berbanding dirinya yang berating 2200 hanya pilihan ke-15.

"Di Sukan SEA apa yang penting untuk diperbaiki ialah teori ketika dalam perlawanan kerana mungkin cara itu saja untuk seseorang itu dapat maju dan memperoleh banyak pengalaman," katanya.

Selain itu, tambahnya, kami perlukan lebih banyak pendedahan untuk menambah pengalaman dan meningkatkan mutu permainan, kerana permainan catur tak dapat maju kalau tidak banyak menyertai kejohanan terutama yang bertaraf antarabangsa.

"Pengalaman bermain di Sukan SEA jauh berbeza ketika saya bermain di Hungary dulu. Di sana ia menggunakan sistem 'pertukaran' sedang di sini kita terus dipertemukan dengan pemain bertaraf GM maka inilah yang membuatkan kita sukar sedikit untuk maju ke pusingan seterusnya," tambah beliau.

Wakil tunggal pasukan yang menang Pg. Abd Rahman ketika bertemu pemain Myanmar memberitahu wakil PELITA BRUNEI, sebenarnya mereka semua mahu menang tetapi taraf pemain lawan lebih tinggi berbanding pemain-pemain negara di samping kurang pendedahan.

Tapi katanya, untuk menentang Myanmar telah membuat penyusunan lebih rapi bagi menentukan siapa bertemu siapa dan berhasil kerana salah seorang pemain Myanmar dapat dikalahkan.

Jelasnya, walaupun tidak membawa ke pusingan seterusnya tapi mereka menganggap kemajuan yang baik kerana kita masih boleh memberi saingan walaupun pemain-pemain lawan mempunyai rating yang lebih baik dari pemain-pemain Brunei.



DK. Nadiyah Pg. Khasiem kalah sewaktu bertemu pemain Indonesia, Irine Kharisma Sukandar 0 - 1 (atas).

"SAYA banyak buat kesilapan menggerakkan buah kalau tidak saya boleh berkedudukan seri," itulah keluhan Farah Atiyah di sebalik pengalaman pertamanya dalam Sukan SEA (kiri).

PENGIRAN Abd. Rahman ketika ditemu bual selepas perlawanan beliau dengan Zaw Oo dari Myanmar (kanan).



SARS ancam kesihatan sejagat

JERUDONG, 5 Disember. - Meskipun Wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) telah berjaya dibendung namun ia masih menjadi ancaman kepada kesihatan sejagat. Ke arah itu Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melahirkan peringatan mengenai kemungkinan merebaknya semula wabak tersebut di rantau terbabit semasa musim sejuk.

Negara Brunei Darussalam bersama-sama Malaysia hendaklah terus berwaspada dan menggunakan masa yang ada untuk membaharui usaha-usaha untuk memantau wabak serta mana-mana penyakit berjangkit di masa hadapan.

Perkara tersebut ditandakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar dalam ucapan alu-aluannya di Mesyuarat Dua Hala Kali Pertama

Oleh Awangku Jefferi PD

antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia Mengenai Kesihatan di Empire Hotel and Country Club di sini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, dalam konteks kedua-dua Negara Brunei Darussalam dan Malaysia hendaklah meng-

ambil peluang untuk mengukuhkan pertukaran maklumat dan rangkaian kerja tidak hanya dalam isu wabak SARS tetapi juga bagi membendung kemunculan semula penyakit-penyakit yang lain demi kepentingan kesihatan orang ramai.

Mesyuarat yang berlangsung selama dua hari itu antaranya bertujuan melaksanakan saranan yang secara komprehensif disuarakan berkaitan enam isu utama iaitu pemantauan dan kawalan penyakit-penyakit berjangkit yang mungkin muncul semula, keselamatan makanan dan kosmetik, pengawalan produk tembakau, pembuangan sumber manusia

dan penghantaran pesakit-pesakit melalui sempadan.

Mesyuarat juga bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa kumpulan kerja bersama teknikal untuk membentuk protokol dan prosedur-prosedur rancangan-rancangan kerja bersama dan melaporkannya kepada mesyuarat dua hala yang akan datang.

Sementara itu sewaktu sidang media diadakan selepas mesyuarat diadakan, Menteri Kesihatan menyentuh mengenai cadangan memorandum persefahaman (MOU) bagi mengukuhkan kerjasama dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

MOU yang dibincangkan meliputi beberapa perkara antaranya pertukaran maklumat dalam bidang kesihatan mengenai epidemiologi, perkara-perkara berhubung kait dengan teknikal dan perundangan, perkembangan sumber tenaga manusia,



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar ketika menyampaikan ucapan di mesyuarat berkenaan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

akan memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua buah negara.

Mesyuarat antara lain-lain melahirkan kebimbangan terhadap ancaman-ancaman serantau dan global, kemunculan penyakit-penyakit berjangkit terutamanya SARS.

Mesyuarat juga menegaskan komitmen-komitmen dalam menangani cabaran-cabaran termasuk perkongsian maklumat, pertukaran pakar, menubuhkan rangkaian, pemantauan epidemiologi, meningkatkan keupayaan makmal dan memajukan teknologi bagi mengesan wabak SARS.

ubat-ubatan, pengendalian rancangan pemantauan penyakit-penyakit, kawalan wabak penyakit-penyakit berjangkit dan kawalan mutu makanan.

Sementara itu Menteri Kesihatan Malaysia, Dato Chun Jing Meng berkata, mesyuarat dua hala juga akan memperkukuhkan lagi hubungan persahabatan antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam dalam bidang kesihatan dan perubatan serta akan memaksimumkan dasar dan strategi yang

Menyadari akan keperluan sumber tenaga manusia dalam menangani cabaran-cabaran akan datang, mesyuarat juga bersetuju untuk meningkatkan peluang-peluang keupayaan pembangunan tenaga manusia dengan mengadakan latihan-latihan dalam bidang penjagaan pesakit, perubatan, perigian, jururawat dan profesion kesihatan yang lain, di samping bidang-bidang lain yang dipersetujui oleh kedua-dua buah negara.



MENTERI Kesihatan ketika menghadiri Mesyuarat Dua Hala Antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia Mengenai Kesihatan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Golongan profesional muda luahkan pandangan di sambutan Hari Raya Aidilfitri

Berita dan gambar-gambar oleh Siti Aishah HS

HARI Raya Aidilfitri adalah hari kesyukuran setelah genap berpuasa selama sebulan di bulan Ramadan yang membawa berkat ke seluruh alam, malah dalam realiti tersebut telah membentuk tradisi sosiobudaya yang nilainya diguna pakai oleh semua peringkat masyarakat.

Sehubungan dengan itu pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) tidak ketinggalan mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama warga YSHHB dan para peserta yang terdiri daripada sebahagian profesional

muda bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Sambutan tersebut adalah julung-julung kali diadakan sebagai nilai tambah kepada peranan istana yang antara lain menampilkan profesional-profesional muda bagi menyatakan penghargaan dan harapan terhadap potensi mereka dalam memajukan serta memantapkan negara di masa ini dan di masa akan datang.

Di kesempatan itu, wakil PELITA BRUNEI sempat menemui bual beberapa orang profesional muda yang hadir di majlis berkenaan dan salah seorang daripada mereka ialah Dayang Rahayu binti Dato Paduka Haji Abdul Razak, Timbalan Penasihat Undang-Undang Kanan antara lain menyatakan majlis sedemikian adalah satu penghargaan kepada mereka selaku rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Manakala mengenai sumbangan beliau kepada negara, beliau menjelaskan, "Pekerjaan sebagai peguam adalah satu ibadah dan ia harus ditunaikan de-

ngan baik dan sempurna, malah melalui profesion tersebut saya dapat berkhidmat untuk negara."

"Saya akan sedaya upaya membuat yang terbaik bagi masyarakat dan ingin menyumbangkan khidmat bakti kepada negara selain memikirkan hasilnya untuk kesejahteraan hidup berbangsa dan bernegara," jelas beliau.

Sementara itu, dalam temu bual bersama Pegawai Protokol dan Konsular di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Faizal Bahrin bin Haji Bakri menyatakan, profesion yang beliau jawat masa ini, memerlukan kesungguhan bagi mempromosikan Negara Brunei Darussalam di luar negeri selain menjalankan hubungan pelbagai hala dengan negara-negara lain.

Manakala pandangan beliau mengenai titah baginda di majlis itu, antara lain menyeru rakyat Brunei agar menyumbangkan khidmat bakti kepada negara dan menurutnya titah baginda itu sebagai satu seruan motivasi bagi rakyat baginda untuk be-

kerja keras di era globalisasi ini.

"Majlis seperti ini amat baik bagi profesional-profesional muda untuk berinteraksi sesama mereka dan ianya boleh menambahkan lagi jaringan kerjasama sama ada dari kalangan pihak kerajaan mahupun swasta," jelas beliau lagi.

Ini jelas sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menekankan mengenai perlaksanaan rancangan-rancangan dan projek-projek YSHHB dengan membentuk perkongsian yang berkesan agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Majlis Ramah Mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta ahli-ahli kerabat diraja peluang keemasan yang baru pernah dialami oleh Awang Alan Wong Ching Chung dan merupakan masa bagi profesional muda meluahkan perspektif mereka masing-masing bagi arah tuju pembangunan negara melalui kerjasama yang efektif di kalangan pihak kerajaan dan swasta.

Seterusnya menurut Awang Alan Wong Ching Chung selaku arkitek yang memegang ijazah dari universiti di Australia menjelaskan, bersalaman ber-

sama Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah kenangan yang manis dan beliau berasa bangga kerana berpeluang menemui baginda secara dekat dan merupakan pengalaman pertama bagi dirinya.

Bagi Dayang Hajah Sujanatulwati binti Haji Minudin, 25 tahun, lepasan Universiti Brunei Darussalam menyatakan beliau dan teman-teman merasa dihargai dengan adanya majlis sedemikian, bahkan peluang seperti itu hendaklah digunakan bagi mencari jaringan kerjasama di kalangan ahli-ahli profesion yang lain.

Beliau selaku Pelatih Pembangunan Lulusan Ijazah di Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad menjelaskan, beliau berterima kasih atas peluang pekerjaan yang diberikan kepadanya dan menerusi profesion yang beliau pegang pada masa ini untuk mengatasi cara pemakaian minyak yang lebih teratur tanpa melakukan pembaziran kewangan.

Di majlis itu, baginda juga bertitah agar profesional muda akan dapat menyeluk hasrat untuk sama-sama memberikan perkhidmatan sukarela dalam bentuk-bentuk yang



"RAMAH mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta ahli-ahli kerabat diraja adalah satu peluang keemasan," jelas Alan Wong Ching Chung (kiri) pemegang ijazah di bidang arkitek lepasan universiti di Australia.

sesuai dengan kepakaran masing-masing, tidak kira dalam bentuk harta benda tetapi mungkin nasihat atau tunjuk ajar bagi meningkatkan kemahiran atau menambahkan pendapatan masyarakat yang berhajat.

Sementara mengulas mengenai titah berkenaan, Dayang Hajah Sujanatulwati menyatakan beliau mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia bahkan selaku sukarelawan yang aktif dalam membantu masyarakat iaitu orang bermasalah penglihatan, menjelaskan penyertaan beliau itu untuk menaburkan khidmat bakti kepada mereka yang kurang upaya, walaupun hanya menghulurkan bantuan berbentuk tenaga.

Dalam usaha YSHHB meraikan profesional-profesional muda, setentunya majlis tersebut dapat membuka pintu bagi

sama-sama memikirkan khidmat sosial yang berseesuaian dengan mereka sendiri selain menjadi rishtan baik dalam mengembangkansuburkan semangat rakyat yang menjunjung tinggi kedaulatan raja melalui taat setia yang tidak berbelah bahagi.



MENAMBAH jaringan kerjasama sama ada dari kalangan pihak kerajaan mahupun swasta Pegawai Protokol dan Konsular di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Faizal Bahrin bin Haji Bakri.



HULURKAN bantuan selagi termampu ... Dayang Hajah Sujanatulwati binti Haji Minudin, 25 tahun lepasan Universiti Brunei Darussalam.

Bertugas di Hari Lebaran

HARI Raya Aidilfitri merupakan hari kemenangan bagi umat Islam yang telah berjaya berjuang melawan hawa nafsu di bulan Ramadan. Tidak hairanlah Aidilfitri disambut dengan penuh meriah oleh seluruh umat Islam di seluruh dunia. Ketibaan Aidilfitri itu hendaklah kita isi dengan puji-pujian ke hadirat Allah Subhanahu Wataala melalui takbir dan tahmid mengagungkan nama Illahi yang telah memberi rezeki dan umur yang panjang sehingga kita berpeluang meraikannya lagi pada tahun ini.

Sememangnya Aidilfitri merupakan jambatan bagi umat Islam di seluruh dunia khususnya umat Islam di negara ini dalam mengukuhkan lagi hubungan ikatan tali silaturahmi dan meningkatkan ukhwah Islamiyah. Ketika inilah yang sangat sesuai bagi kita untuk kunjung-mengunjungi dan ziarah-menziarahi kaum keluarga, sahabat handai dan rakan taulan. Sesungguhnya konsep ziarah-menziarahi amatlah digalakkan oleh agama Islam yang menginginkan perpaduan dan silaturahmi dan melarang kita berpecah-belah kerana menjadikan umat Islam lemah dan hancur.

Bagi Negara Brunei Darussalam, konsep ziarah-menziarahi adalah

satu amalan dan tradisi yang telah lama dipraktikkan dan diamalkan. Kunjung-mengunjungi, maaf-bermaafan antara satu sama lain adalah digalakkan kerana amalan sedemikian akan lebih menghidupkan semangat perhubungan silaturahmi dan membawa kemesraan kekeluargaan yang lebih harmoni.

Dalam kita meraikan Hari Raya Aidilfitri ini tidak semua orang bernasib baik untuk bersama-sama dengan keluarga mereka di pagi Syawal kerana terpaksa menjalankan tugas.

Berhari raya bersama ibu bapa dan keluarga tercinta memang menjadi suatu idaman setiap insan kerana inilah masa di mana umat Islam bermaaf-maafan selain berkumpul beramai-ramai.

Bagaimanapun, bagi anggota keselamatan dan anggota beruniform yang bertugas pada Hari Lebaran perkara itu bukanlah satu yang asing bagi mereka. Mereka akan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab seperti dipikulkan ke atas bahu mereka.

Anggota keselamatan yang bertugas pada Hari Lebaran itu termasuklah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei, Imigresen, Kastam, Bomba dan Penjara.

Oleh Aliddin HM

Mereka ini akan meraikan Hari Lebaran bersama-sama keluarga mereka setelah menamatkan waktu bekerja di mana waktu-waktu bekerja mereka itu mengikut giliran yang telah ditentukan dan ditetapkan melalui jadual bertugas.

Dalam saat begini, rakan sepasukan atau seawat menjadi saudara paling rapat untuk berkongsi suka duka dan juga tawa gembira bagi menghilangkan sedikit rasa rindu untuk bersama dengan keluarga.

Dalam mereka menjalankan tugas terasa juga rasa kesedihan kerana tidak dapat bersama-sama keluarga di pagi Syawal tetapi dengan adanya kawan seperjuangan, kerinduan itu dapat dikurangkan dan diatasi.

Sesungguhnya rakyat dan penduduk di negara ini sangat bertuah dan beruntung kerana berpeluang berhari raya bersama-sama dengan keluarga mereka dalam keadaan aman, harmoni dan sejahtera daripada sebarang ancaman.

Keadaan ini tidak dapat dikecapi dan dinikmati di sesetengah negara lain termasuk negara-negara Islam yang kaya kerana keadaan negara masing-masing yang tidak stabil

dari segi keamanan dan keselamatan. Sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, kita patut bangga kerana mampu mempertahankan negara ini dalam keadaan kesiapsiagaan yang menepati konsep negara Islam di mana kita wajib membuat persiapan menghadapi ancaman daripada musuh.

Dalam keadaan perkembangan semasa sekarang, sebenarnya tidak banyak negara di dunia yang dapat menikmati tahap keselamatan sebaik Negara Brunei Darussalam. Ini kerana ada negara yang kini menghadapi ancaman dari dalam menyebabkan mereka langsung tidak dapat menikmati dan mengecapi keamanan.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei adalah agensi keselamatan yang bertanggungjawab dalam menjaga dan mengawal keamanan, keharmonian dan kesejahteraan negara ini, tidak kendur-kendurnya akan sentiasa memantau dan memberikan perhatian yang serius terhadap perkembangan dalam mempertahankan kedaulatan negara ini daripada ancaman musuh dengan mengka-ji segala aspek keperluan yang melibatkan pertahanan negara.

Sebagai anggota tentera dan anggota polis, patut berbangga dengan pengorbanan mereka yang kini mampu menyediakan tahap kesiapsiagaan yang amat tinggi kepada negara sesuai dengan konsep sebuah negara Islam. Disebabkan pengorbanan tanpa mengira waktu itu, rakyat dan penduduk di negara ini mampu menjalani ibadat dengan perasaan aman dan selamat serta tidak ada perasaan takut terhadap sebarang ancaman. Kita boleh menjalani ibadat kita pada bila-bila masa sahaja tanpa perlu merasa bimbang.

Walau bagaimanapun kemeriahan Syawal tetap terasa walaupun sambutan tidak sehebat dikelilingi keluarga ter-



PARA pegawai Imigresen yang bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri terus menjalankan tugas mereka walaupun terpaksa meninggalkan keluarga buat sementara waktu.



PARA pegawai Kastam juga tidak terkecuali bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri dan merupakan perkara biasa bagi mereka.

sayang dan pelbagai juadah Hari Raya tetapi dengan adanya rakan seperjuangan sedikit demi sedikit kesedihan yang terasa itu dapat dihilangkan. Apatah lagi apabila juadah Hari Raya seperti minuman dan makanan seperti kelupis, ketupat, lemang dan rendang serta biskut dan kek yang dibawa sedikit setiap orang itu dikumpulkan dan dihidangkan dan dimakan

beramai-ramai telah menukarkan suasana yang muram tersebut menjadi ceria.

Kedamaian dan perpaduan rakyat mempunyai hikmah tersendiri dalam pembangunan negara dan tidak sesiapa pun dapat menafikan bahawa hanya menerusi perpaduan sahajalah negara kita mencapai keharmonian, kestabilan, keamanan dan kesejahteraan.

Apa pun jasa yang di-

sumbangkan oleh setiap anggota agensi keselamatan di negara ini tetap dikenang kerana pengorbanan mereka bertugas dalam memastikan keamanan dan kedaulatan negara terus terpelihara, walaupun kepentingan peribadi untuk bersama-sama dengan keluarga tersayang pada Hari Lebaran, terpaksa diletakkan dahulu demi bangsa dan negara yang kita cintai ini.



ANGGOTA Polis yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei semasa Hari Raya Aidilfitri terus menjalankan tugasnya seperti biasa bagi memastikan bagasi para penumpang yang hendak belayar ke luar negeri tidak melanggar undang-undang negara.



PIHAK swasta seperti Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), para pegawainya juga menjalankan tugas mereka seperti biasa bagi melicinkan lagi urusan orang ramai yang akan berhari raya di luar negeri.

ILA?"

"B

"Hari Jumaat lepas. Seminggu Ramadan. Dia dikebumikan di kampung isterinya. Razman tu anak yatim piatu. Isterinya waris yang ada. Anak-anaknya pun masih kecil."

Hakim sepatutnya sedih seperti Said yang membawa berita. Said nampak wajah kawannya berkerut. Dia tidak tahu sebenarnya Hakim tidak begitu sedih. Hakim lebih terkejut kerana mereka sebaya. Bukannya terkejut disebabkan sedih. Dia dan Razman sama-sama 35 tahun. Secepat itu dia dipanggil Allah Subhanahu Wataala, begitu muda.

"Apa sakitnya?"

"Angin ahmar."

Angin ahmar? Strok? Semuda usia kami? Dahinya tiba-tiba berpeluh. Tidak terfikir pada usia begini dia akan mati. Dia selalu membayangkan akan ditamatkan hayat apabila menjelang umur 50-an atau 60-an. Mungkin lebih daripada itu. Sebenarnya dia dan Razman telah lama tidak berhubung. Sejak pertelingkahan antara mereka. Dia tidak ingat berkaitan apa. Tetapi dia ingat pertelingkahan itu menyebabkan persahabatan mereka terputus.

Said sudah lama pulang. Bunyi pinggan mangkuk berlaga-laga di dapur tidak menghalangnya daripada berkhayal. Azie mungkin tengah sibuk menyediakan juadah berbuka puasa. Hakim membayangkan bagaimana jika tiba-tiba sahaja dia mengikuti jejak Razman waktu Azie masih muda untuk bergelar janda. Ya Allah!!! Bagaimana jika tiba-tiba aku juga terkena strok. Tiba-tiba tersungkur kemudian terus tidak bernafas.

Tinggal sanak saudara, tinggal Azie yang baru berumur 25 tahun. Melayanglah semua simpanan yang dikumpul sejak mula bekerja, belum sempat didakap hasil dan faedahnya.

"Azie!" tiba-tiba saja dia terasa begitu keseorangan.

"Azie tengah terbuka, bang. Abang mandilah dulu."

Dia tidak perasan laungan azan Maghrib penanda waktu terbuka. Jarum jam sudah menghampiri pukul tujuh. Beberapa hari sebelum Ramadan, Hakim pernah berjanji dengan isterinya untuk berpuasa tahun ini. Sudah tiga tahun Hakim dan Azie berkahwin dan selama itulah Hakim tidak pernah menunaikan puasa bersama-sama isterinya.

Ketika mula berkahwin dahulu, dia memberi alasan tidak berpuasa kerana gastrik namun Hakim tahu Azie yang cantik dan bijak itu tidak mempercayainya. Azie taat suruhan Tuhan dan juga kepadanya sebagai seorang suami. Hakim berbangga mendapat isteri begitu, cuma untuk dia menjadi seperti Azie, dia belum bersedia. Suatu hari nanti dia akan menjadi seperti Azie. Bersembahyang dan berpuasa kerana dia yakin akan lambat lagi mati. Tetapi peristiwa yang menimpa Razman membuatnya seram sejuk.

"Ya Allah! Tolong! Tolong!" nafasnya sesak tersekat-sekat. Dia cuba menarik nafas dalam-dalam. Kenapa keadaan seperti tidak berudara? Kenapa biji matanya seperti mahu keluar?

"Mak! Ayah! Tolong Hakim!"

"Abang! Abang! Kenapa ni?"

"Tolong, jangan dekat aku. Aku belum mahu mati!"

"Abang! Kenapa terjerit-jerit ni? Abang?"

Hakim tiba-tiba terasa tangan halus menampar lembut pipinya. Matanya dibuka luas-luas. Wajah putih bersih, berkelubung telekung tepat memandang matanya. Wajah itu pucat lesi dan bermata merah. Wajah itu begitu marah.

"Kau ... Kau siapa?"

"Abang ... ini Azie."

"Siapa?"

"Azie, isteri abang. Kenapa dengan abang ni? Azie hendak ke surau, berterawih. Kenapa dengan abang ni? Abang belum mandi lagi?"

Hakim merasa tengukunya. Bulu romanya meremang. Bukan wajah Azie yang dilihatnya tadi. Dia nampak emak. Arwah emak bertelekung putih.

"Abang ... er ... abang demam, Azie." Azie merasa tenguk dan dahi suaminya. Dia mengangguk-angguk. Hakim nampak kesejukan.

"Abang bukan demam. Badan abang sejuk. Abang ni ketakutan."

"Abang takut, Azie. Tadi abang rasa lemas, susah bernafas."

"Abang takut apa?"

"Abang takut mati. Azie tak usahlah pergi terawih malam ini. Abang takut tinggal seorang di rumah."

Azie membuka telekungnya. Dia tidak tahu apa yang terjadi kepada suaminya pada bulan mulia. Dia cuba berlagak tenang supaya dapat memberi kekuatan kepada Hakim yang nampak keliru dan tertekan.

Baru dua hari lepas dia menuntut janji dengan Hakim yang katanya mahu berpuasa bersama-sama tahun ini. Dengan lembut dia merayu tetapi suaminya itu hanya mampu tersenyum.

Azie tidak pernah berjumpa arwah ibu dan bapa mertuanya. Mereka telah lama meninggal dunia semasa Hakim berumur 10 tahun. Menurut Norlia, satu-satunya adik Hakim, arwah bapanya seorang ustaz dan ibunya pula guru Al-Quran di sekolah rendah. Norlia juga bukan calang-calang kepandaianya. Dia kini menjawab jawatan

CERPEN

peguam syarie di salah sebuah firma guaman swasta.

Sewaktu mula-mula mengenali Hakim, lelaki itu nampak begitu moden. Sering berseluar pendek dan kerana kulitnya yang putih, Azie menyangka dia bukan orang Melayu. Hakim sendiri mengaku tidak begitu alim. Apabila mereka semakin rapat, Azie sedar lelaki itu bukan sahaja tidak alim tetapi tidak mengikut langsung suruhan Tuhan. Mungkin jodohnya sudah tertulis walau Azie cuba mengelak, mereka akhirnya berkahwin juga. Lagipun Hakim pernah berjanji akan berubah.

Tadi suaminya dikunjungi Said, kawan yang sering menemaninya bermain tenis pada setiap hujung minggu.



SINAR RAMADAN

OLEH ROZAIMAH H. I.

Azie tidak tahu apa yang mereka sembangkan kerana waktu itu dia sibuk memasak. Apabila dia keluar untuk memelawa Said terbuka bersama, suaminya mengatakan Said sudah pun pulang. Sejak itulah suaminya mula mendiamkan diri dan sering mengelamun.

Setiap waktu selepas sembahyang, Azie tidak jemu-jemu mendoakan kesejahteraan Hakim. Azie memohon kepada Allah Subhanahu Wataala memberikan taufik dan hidayah-Nya agar Hakim berubah menjadi Muslim sejati. Di bulan Ramadan yang mulia, Azie makin melipatgandakan usaha. Doa pada bulan ini selalunya lebih dimakbulkan. Azie berharap benar.

Azie duduk rapat dengan suaminya. Tangan Hakim digenggamnya. Sejuk benar tangan Hakim.

"Kenapa tiba-tiba abang teringatkan mati?" Azie bertanya lembut.

"Kawan abang, kawan lama, Razman, dia meninggal minggu lepas."

"Razman ... Razman Kamaluddin?"

"Azie kenal?"

"Kenal. Dahulu Azie kawan baik Farah

Hanim, isterinya. Kita pernah keluar makan bersama. Masa itulah Azie kenal abang."

Dahi Hakim berkerut lagi. Dia mula teringat sesuatu. Punca pertelingkahan antara dia dan Razman mula terbayang. Empat tahun dahulu, dia dan Razman sama-sama menyukai Farah Hanim yang lebih cantik daripada Azie. Bukannya Azie tidak cantik tetapi Farah Hanim lebih lagi. Namun Farah Hanim memilih Razman. Sejak itu mereka terputus hubungan dan kedua-duanya berpindah ke Daerah Temburong.

Hubungan Hakim dan Azie hanya terjalin setahun kemudian apabila secara tidak sengaja mereka berjumpa lagi sewaktu sama-sama belajar di Universiti Brunei Darussalam.

"Abang dan Razman tu sebaya. Dia meninggal kerana diserang angin ahmar."

"Jika Azie tidak silap, mereka tinggal di Temburong sebab Said mengajar di sana. Untung dia, dipanggil Tuhan pada bulan Ramadan, bulan mulia."

Lain benar pandangan isterinya

Lihat muka 13

PUISI

TERLEWAT

Awalnya
mata tidak terkelip kerana
penantian
takut yang ditunggu
tidak akan terpancang
hati terus bertanya
apakah ia akan datang
sedang rindu
kian mendalam.

Kini
mata sudah tertutup rapat
hanya telinga yang dapat
mendengar langkah bertapak
ada suara bertanya
tapi itu bukan dia.

Lalu
mengalir air mata
ke pipi yang pucat dan lesu
sedarlah ia bahawa
usia senja sudah hampir
tamat
bersama reda yang menghambur
menerima takdir
yang tersurat.

Tenunglah hatinya
menerima semua
sedang hatinya masih merindu
dia yang belum tiba
namun demi reda
ia mampu tersenyum walau
nyawa sudah tiada.

Akhirnya
barulah ada langkah yang dinanti
menghampiri
memandang wajah yang sepi
namun sudah terlewat
kerana ia sudah pergi.

Mardiah Hj. Abd. Gapar

SEORANG PEREMPUAN TUA DI SEBUAH WARUNG

Seorang perempuan tua di sebuah warung
selalu kulihat
dari tabir subuh ke larut senja
menagih rezeki sekadarnya
dari mereka yang sudi menyengaji
menghirup secawan teh atau kopi.

Suatu hari perempuan tua itu berkata :
Dulu tidak terlintas di hatiku jadi peniaga
namun nasib telah melampirkan
hidupku lebih sengsara
setelah seorang anak harapanku membawa
diri
entah di cerak rantau mana
tanpa meninggalkan sebarang pesan.

Sekosong padang hatinya
sekontang bumi pasir harapannya
perempuan tua menjadi lebih tua
tatkala mimpi berulit
pada suaminya yang pergi
pada seorang anak harapannya
yang membawa diri.

Panggilan azan di menara
menembus sukmanya
tanpa hirau sindiran anak-anak muda
perempuan tua menghampar kain
lalu khusyuk menunaikan salat.

Doanya :
"Allah!! Berikan daku kekuatan
taburi bunga-bunga sepanjang jalan."

GELOMBANG REMAJA

Anak remaja
kau sebenarnya
berada di samudera
di lambung ombak
setiap masa.

Anak remaja
gelombang itu
alunnya deras
kalau kau lalai
kapalmu akan tenggelam.

Anak remaja
tabahkan hatimu
jangan gusar
jangan gentar
iman jadi pedoman.

Anak remaja
kau pasti selamat

memijak daratan
tapi kau harus ingat
di sana
ada ranjau
ada duri harapan.

Anak remaja
mulakanlah
langkah
biar
berhati-hati
berhemat-hemat
suara-suara sumbang
jangan hiraukan
ilmu di dada
jadi bekal.

Jessica Yli

TANGISAN

Ratapan dan tangisan
kerana sayu dan pilu
melihat insan terlantar dalam penderitaan
dari episod peperangan.

Menegak keadilan
di bumi kelahiran
menyuarakan kecekan
demi mempertahankan
khazanah terpelihara.

Tewas dalam kemenangan kini
rela berkorban meninggalkan insan
dalam dakapan dan dalam buaian
demi nyawa adalah perjuangan.

Tangisan anak-anak
air mata menyedarkan
di mana hendak berpaut
di mana tempat berlindung kasih
sedangkan dahan telah lenyap
ditebang ganas
manusia yang tidak berperli kemanusiaan.

Kini terbiar dalam lautan sedih
di mana pelabuhannya?

Yun 76

DALAM NYANYIAN DAN SEPOTONG IMPIAN

Dalam nyanyian
dan sepotong impian
telah lama kau idamkan
tanah air terlepas dari
cengkaman
dari rakusan kejahatan
berapi dendam
yang lama bersarang
hidup berdenyut
di tangkai hati
berabad lamanya
menakluki bumi ini
saling zalim- menzalimi.

Dalam lagu perdamaian
di atas meja rundingan
ingin janji sepadu
memupuk satu hati
selalu tinggal harapan
dalam impian terlaksana
kerana musuh
punya peta rencana
meski manis di muka
meski bibir lembut bicara.

Enny Eng. S.

PERKAMPUNGAN SEJARAH

Dengan tawakal kaki dihayun
namun belum merasai manis dan pahit
hanya kumulasi kekurangan
dan pengalaman sedikit
adakah asing di sini?
kerana hati belum mengenal hati.

Sesampai di desa permai
penerimaan kami kukagumi
kemesraan terjalin indah
berbudi tinggi kasih ditantai
lalu hati mula mengenal hati
kan kita adalah serumpun
kusenangi biskita.

Berat hati melangkah pulang
meninggalkan kemesraan yang ikhlas
satu hari nanti pasti berjumpa lagi
untuk menyambung semula cerita nostalgia
kupasikkan tanda kasih abadi untukmu.

RIFA HB

Dari muka 12

berbanding dia. Hakim berpeluh-peluh ketakutan sedan-
gkan isterinya mengatakan Razman untung.

"Kalau abang mati, Azie tak sedih?"

"Kematian hanya menyedihkan kalau kita tidak cukup
bekalan. Kalau semuanya mencukupi, tentu saja kita
tidak sabar-sabar hendak menghadap Tuhan."

"Tapi nanti Azie tinggal seorang."

"Azie dan abang atau sesiapa saja akan sendirian apa-
bila mati nanti. Apa hendak ditakutkan bang?"

Seksa kubur! Hakim meneka-neka. Mengapa Azie
begitu tenang sedangkan dia sendiri sesak nafas.
Mungkinkah kerana dia tiada bekal langsung. Hakim
mula teringat arwah emak dan ayahnya. Bekalan
akhirat tidak pernah mereka ambil ringan ketika membe-
sarkannya.

Hakim teringat Norlia yang sudah berjaya dalam
kehidupan dunianya tanpa melupakan kewajipan akhirat.
Segala-galanya kerana mengikut kawan dan kononnya
peredaran zaman. Hakim tidak pernah mengingati mati.
Dahulu Hakim menganggap orang tua akan mati dulu
daripada orang muda. Dia memang akan mati tetapi lam-
bat lagi.

"Hakim ...! Hakim ...!!!" Hakim menoleh ke
belakang. Mana Azie? Tadi Azie terlenut di bahunya.
Tadi Azie memegang tangannya. Siapa pula yang
memanggilnya begitu? Norliakah?

"Hakim! Ini emak ..."

"Hah!!!"

"Tengok sini Hakim. Tengok darah di tangan emak."

"Kenapa ada banyak darah di tangan emak tu?"

"Ini bukan darah, Hakim. Ini air mata emak. Air mata
darah."

"Mak! Mak! Mak!"

Seluruh badannya mengeras. Urat saraf menegang.
Sekali lagi nafasnya sesak tersekat-sekat. Dia masih
muda. Dia tidak mahu mati. Mana Azie? Suaranya
memanggil-manggil tetapi tidak kedengaran. Azie!!!
Tolong tengok emak. Tangannya berdarah. Tolonglah
Azie. Abang tidak boleh bergerak. Azie entah ke mana.

"Abang ... abang Kalau abang dengar, genggam
tangan Azie."

Sudah seminggu Hakim terlantar di atas katil. Doktor
mengatakan darah tingginya membuatkan dia pengsan.
Azie tidak tahu puncanya. Takkanlah begitu sekali
bahana mengingati mati. Memang suaminya tiba-tiba
memperkatakan soal kematian. Hakim nampak takut
benar sehingga pucat dan sejuk badannya. Tengah dia
menenangkan, suaminya tiba-tiba pengsan. Dia memang-
gil ambulans dan Hakim dibawa ke hospital. Doktor men-
gatakan suaminya koma.

"Bersabarlah kak. Kita teruskan membaca Surah
Yaasiin dan berdoa," suara Norlia memberi sinar harapan
kepadanya. Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi, sedang-
kan dia dalam kesedihan.

"Ya Allah, berilah peluang kepada suamiku. Berilah
peluang dia bertaubat sebelum Kau ambil nyawanya.
Makbulkan doa hamba-Mu pada Ramadan ini, ya Allah."

Azie tiba-tiba terasa sesuatu. Jari-jemari suaminya
bergerak-gerak walau hanya perlahan. Azie tahu ada sinar
harapan menantinya, mudah-mudahan ia adalah Sinar
Ramadan buat Hakim.

9 penuntut sertai Sunburst Youth Camp di Republik Singapura



BERAKAS, 13 Disember.
- Serombongan 9 orang
"duta kecil" negara hari ini
bertolak ke Republik
Singapura untuk menyertai
Sunburst Youth Camp
bermula 13 hingga 21
Disember 2003 di repub-
lik tersebut yang meli-
batkan para penuntut
negara anggota ASEAN
(gambar atas).

Para "duta kecil" terse-
but dipilih dari kalangan
para penuntut Tingkatan
Enam dan Enam Atas
seluruh negara untuk

mempromosi negara
melalui aktiviti yang akan
mereka persembahkan
ketika Malam Kebudayaan
antaranya persembahan
taridrama bertajuk 'Nak-
hoda Manis' dan Seminar
'My Country'.

Terdahulu dari itu, pada
10 Disember lalu, Majlis
Doa Selamat telah
diadakan bertempat di
Bilik Persidangan Sekolah
Menengah Berakas sebagai
memberkati pemergian
mereka.

Hadir di Lapangan

Terbang Antarabangsa
Brunei untuk mengucap-
kan selamat belayar kepa-
da rombongan berkenaan
ialah Cikgu Hajah
Khadijah binti Haji Akbar,
Pegawai Pelajaran Kanan
di Kementerian Pendidikan
selaku Pegawai Penyelaras
(kiri sekali).

Rombongan negara itu
diketuai oleh Cikgu
Jasmuliana binti Mulok
(enam dari kiri) selaku
Chaperone; Ak. Mohd.
Fajar Pg. Anuar (empat
dari kanan) selaku Captain
dan Norhidayati Haji

Sulong (empat dari kiri)
selaku Co-Captain.

Lain-lain peserta
negara ialah Mohd. Aizat
Amin, Mohd. Amirul
Syazmie Ibrahim, Mohd.
Zaim Tajuddin, Jonathan
Lim Kok Haw, Crysteen
Chan Yan Shiang, Noor
Aziadah Haji Mohd. Idris
dan Siti Hamizah Haji
Haslie.

Sebelum bertolak dari
lapangan terbang, doa sela-
mat telah dibacakan oleh
Noor Nasran bin Haji Nor
Shah.



سنتیاس برسام بیسکیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تیلبییشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana iua rancangan

R A B U 17 D I S	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	ANIMATION HOURS - WESTOONS	6.45	SIRAH NABAWIYAH		Bujang Si Gandam'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	TETAMU SUKAN - Ulangan	6.55	SUSUNAN RANCANGAN	9.30	MUTIARA HUTAN - 'Flora Hutan Pantai' II
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.45	BERITA	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.00	WILD AMERICA - 'Animal In Conflict'	7.26	AZAN ISYAK	10.30	TEMASYA PANTUN MOU RTB/RTM - Ulangan
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN			7.30	SKOP		
			4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.12	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	11.45	GILLETTE WOLD SPORT
							8.50	DRAMA - 'Diangdangan	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
						MALAM				

K H A M I S 18 DIS	PAGI	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	FIQHUL MIRATS	8.00	BERITA NASIONAL	
		9.15	RAMPAI PAGI -	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.55	SUSUNAN RANCANGAN	9.00	AN-NUUR - Siaran	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR:				Langsung	
		KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	ED, EDD N EDDY/YOKIES	MALAM		10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN		5.00	ON THE BALL			10.30	DRAMA - 'Balqis'	
	6.12	RAMPAI PAGI -	PETANG	5.30	SUPER STRUCTURE	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	11.00	WAYANG PILIHAN -	
		Siaran Langsung		5.45	BERITA	7.27	AZAN ISYAK		'Crime Of The Century'	
			4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.12	AZAN MAGHRIB	7.35	WARTA ISLAM	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A A T 19 DIS	PAGI			Sambungan		PETANG		5.45	BERITA	7.35	DEKOR
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	SUSUNAN RANCANGAN			5.55	DOKURIMA - 'Daerah	8.00	BERITA NASIONAL	
		KEBANGSAAN	10.15	SESAME STREET	1.30	VISI SUCI		Tutung' - Ulangan	8.30	SUKMAIRAMA RTB/STV	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.15	AQUA	2.00	SUKAN ANTARABANGSA	6.13	AZAN MAGHRIB		12 - Siaran Langsung dari	
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.30	BERITA	2.30	JEJARI HIJAU	6.45	BICARA IMAN		Singapura	
		Siaran Langsung	11.50	UNDERSEA EXPLORER -	3.00	TAYANGAN GAMBAR			10.00	NEWS AT 10	
				'Gales Of November'		HINDI - 'Oh Darling Yeh	MALAM		10.50	KHUTBAH JUMAAT	
	9.00	BERITA	12.30	SEMBAHYANG FARDU		Hai India'	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.55	TELEDRAMA -	
	9.15	RAMPAI PAGI -		JUMAAT- Siaran Langsung	3.40	AZAN ASAR	7.27	AZAN ISYAK	12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT	

S A B T U 20 DIS	PAGI	10.10	ANIMATION HOUR : CLAMITY JANE/RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT		SEMUA - 'Perkhidmatan Kesihatan Mata '	3.41 3.48 4.10	AZAN ASAR SMALLVILLE - 'Heat' EXPEDITION ADVENTURE - 'The Quest For Captain Kid'	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	THE BIG PLANET	PETANG			7.00	DUNIA ASIA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA				7.28	AZAN ISYAK
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	DRAMA : MUSIM CINTA	1.00	PANGGUNG PETANG		7.35	WILD FILM SERIES - 'Ways Of Seeing'
	9.00	BERITA		KEMBALI BERBUNGA - Ulangan		SABTU - 'The Disappearing Act'	5.00 5.45	8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.19	AZAN ZUHUR	2.30	TINJAUAN/KAMPONG	5.55	8.50	PREBIU SIMFONI TANAH AIR
			12.20	DOKUMENTARI - KESIHATAN UNTUK		KITA - Ulangan	6.13	10.00	NEWS AT 10
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN			3.00	OUTER BOUNDS	6.45	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Syngnor'
								12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

A H A D 21 DIS	PAGI		10.10	SESAME STREET		PREVIEW	4.30	YOUNG ENTREPRE- NEURS INTERNATIONAL	6.45	AT TIBBUL ISLAM
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN		11.15	PADA SUATU HARI	1.45	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2003/2004 - HIGHLIGHT		MALAM	
	6.02	MUTIARA FIRMAN		11.30	BERITA		5.00	TETAMU SUKAN - Ulangan	7.00	PRISMA
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung		11.40	SUNDAY MATINEE - 'Just Like Dad'	2.40	LIVE WORLD GREATEST STUNT	5.35	8.00	AZAN ISYAK
	9.00	BERITA		12.19	AZAN ZUHUR	3.30	PERTUKARAN RANCANGAN MOU		8.50	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG				RTB/STV 12	5.45		TAYANGAN GAMBAR
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN		1.20	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2003/2004 -	4.05	AZAN ASAR ANIMATION - 'The Wacky World Of Tex Avery'	6.14 6.20	10.00 10.30	KLASIK (P. RAMLEE) 'Nasib Do Re Me' NEWS AT 10 TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
									11.00	GUINNESS RECORDS
									11.30	PRIME TIME DOA DAN SIARAN TAMAT

I S N I N 22 DIS	PAGI		Sambungan		4.15	ANIMATION HOUR :		6.45	BIMBINGAN KELUARGA	8.00	BERITA NASIONAL	
			10.00	SIARAN TAMAT			EDY AND CICI/YOLANDA,		6.55	SUSUNAN RANCANGAN	8.50	DRAMA : SI PUGUT @
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU				DAUGHTER OF THE					BRUNET BN	
		KEBANGSAAN	PETANG			BLACK CORSAIR		MALAM		9.30	ORL FORUM - Ulangan	
	6.02	MUTIARA FIRMAN								10.00	NEWS AT 10	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.15	SUKAN GLOBAL		7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30	HIBURAN - 'Salam	
		Langsung	4.02	MUTIARA FIRMAN	5.45	BERITA		7.20	RASA RIA		Kemesraan Zapin Johor ' -	
		BERITA	4.12	SUSUNAN	6.00	VETS IN THE SUN		7.29	AZAN ISYAK		Ulangan	
	9.00					AZAN MAGHRIB		7.35	RASA RIA - Sambungan	11.55	DOA DAN SIARAN TAMAT	
	9.15	RAMPAI PAGI -	RANCANGAN		6.14							

S E L A S A	PAGI		Sambungan		'BOB MORANE'	6.55	SUSUNAN RANCANGAN	8.50	KAMPONG KITA -
			SIARAN TAMAT	5.00	CROCODILES HUNTER				'Kampung Selapon'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		5.45	BERITA			9.30	KHAZANAH
		KEBANGSAAN	PETANG	5.55	CROCODILE HUNTER -	MALAM		10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN			Sambungan			10.30	E.R. - 'April Showers'
	6.12	RAMPAI PAGI -	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.05	BEDUDUN - Ulangan	7.00	DRAMA - KERASIK	11.15
23 DIS		Siaran Langsung	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.15	AZAN MAGHRIB	7.29	AZAN ISYAK	To Be In Club That Would
	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.15	BEDUDUN - Ulangan	7.35	DOKUMENTARI	Have Me'
	9.15	RAMPAI PAGI -	4.15	ANIMATION HOUR :	6.45	AL-ISLAM	8.00	BERITA NASIONAL	12.00



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah menyampaikan hadiah kepada Dayang Fatimah binti Tanji, salah seorang pemenang produk kampung.

Anak yatim Daerah Belait tidak diabaikan

KUALA BELAIT, 20 November. - Anak-anak yatim Daerah Belait tidak pernah diabaikan bahkan sentiasa diambil perhatian oleh pihak berwajib. Sehubungan itu, Majlis Bertahlil serta Membaca Doa Arwah dan Berbuka Puasa bagi mereka telah diadakan di Dewan Santap

Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah.

Hadir di majlis tersebut, Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah dan isteri serta ketua-ketua jabatan, penghulu, ketua kampung dan penjaga anak-anak yatim. Majlis yang dianjurkan oleh Lembaga Tabung Derma Anak-anak

Yatim Daerah Belait itu diadakan buat julung kalinya sebagai salah satu aktiviti kebajikan lembaga tabung berkenaan.

Majlis diselenggarakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dipimpin oleh Imam Masjid Muhammad Jamalul Alam, Awang Haji Jayah bin Buntar.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah ketika menghadiri Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang dipimpin oleh Imam Masjid Muhammad Jamalul Alam, Awang Haji Jayah bin Buntar.

Jabatan Pembangunan Masyarakat adakan sambutan Hari Raya

BERAKAS, 4 Disember. - Bantuan kerjasama yang diberikan dari pelbagai pihak merupakan satu perangsang bagi sama-sama menyumbang bakti demi pembangunan masyarakat di negara ini.

Penyertaan daripada pelbagai agensi seperti ini adalah sejajar dengan matlamat organisasi jabatan ini iaitu salah satunya adalah untuk meningkatkan penyertaan yang meluas di kalangan masyarakat, badan-badan sukarela dan sektor swasta dalam mem-

Oleh Ak. Jefferi PD

berikan perkhidmatan masyarakat di mana sokongan dan dorongan yang diberikan dari rakan kongsi seperti ini merupakan salah satu faktor kejayaan kritikal organisasi jabatan ini.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Pembangunan Masyarakat, Datin Hajah Zaliha di Majlis Sambutan Hari

Raya bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya dan seluruh warga Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) anjuran JAPEM. Majlis berlangsung di Dewan Planery, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Majlis yang diadakan merupakan projek tahunan jabatan tersebut dengan tujuan untuk merayakan seluruh warga rumah-rumah kebajikan, Pusat Bahagia dan Pusat Pekerjaan di samping meng-

Promosi produk kampung bermusim diadakan tahun hadapan

KUALA BELAIT, 22 November. - Ketua Kampung Lumut I, Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad berkata, sikap sambil lewa dan ragu-ragu harus dihapuskan, sebaliknya tanamkan semangat dan azam ingin maju demi jati diri dan masyarakat.

Ke arah itu, tambahnya, sifat bekerjasama dan bersatu padu dalam membuat perancangan perlu bagi mengelakkan kegagalan kerana tanpa kerjasama dan bersatu padu akan mengakibatkan pe-

Berita dan gambar-gambar ihsan Pejabat Daerah Belait

rancangan tidak akan terhasil.

Beliau berucap demikian di Majlis Penyampaian Hadiah kepada pemenang produk kampung anjuran Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Peringkat Daerah Belait yang diadakan di Dewan Raya Pejabat

Daerah Belait di sini.

Beberapa produk kampung telah berhasil diketengahkan melalui bazar kegiatan ekonomi MPMK yang diadakan kali pertama dan ianya boleh dikembangkan jika mendapat sokongan dan bantuan daripada pihak tertentu, kata beliau.

Di samping itu, katanya, para pengusaha sendiri perlu bekerja dengan lebih gigih lagi untuk meningkatkan produk barangan mereka ke tahap yang lebih teratur dan kon-

sisten demi memenuhi kehendak pasaran semasa.

Selain itu promosi mini mengenai produk kampung bermusim dijangka akan diadakan tahun hadapan supaya produk seumpama itu tidak akan lenyap begitu saja.

Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Sebanyak lapan produk telah dipertandingkan termasuk hiasan landskap dan gerai bagi Biro Wanita Daerah Belait.

Rumah Panjang Malayan dibangun semula

BUKIT SAWAT, 20 November. - Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah menyeru para penderma supaya terus menghulurkan bantuan agar impian dan harapan mangsa kebakaran untuk mendapat tempat

tinggal yang lebih sempurna akan tercapai.

Berucap di Majlis Membangun Semula Rumah Panjang Malayan di bekas tapak rumah panjang berkenaan, Pegawai Daerah berkata, sumber

kewangan yang digunakan untuk membangun semula rumah panjang tersebut datangnya daripada sumbangan orang ramai dan beberapa pihak di Daerah Belait.

Di samping itu Jawatankuasa Pengurusan Bantuan telah dibentuk terdiri daripada beberapa jabatan serta lapisan masyarakat di Daerah Belait bagi sama-sama memikirkan cara terbaik untuk memberikan bantuan dan meringankan beban para mangsa.

Rumah panjang tersebut telah ranap dalam satu kebakaran yang berlaku pada bulan November tahun lalu dan tiada kemalangan jiwa, hanya kehilangan harta benda sahaja. Akibat daripada itu beberapa tindakan segera daripada Pegawai Daerah melalui jabatan beliau telah mendapat perhatian daripada beberapa pihak yang mana bantuan segera telah dihulurkan kepada mangsa tersebut termasuk mendirikan khemah tempat tinggal sementara dan keperluan serta peralatan asas yang lain.

Antara projek yang diungkaykan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bantuan termasuk jogaton bertaja dan diselenggarakan dengan pengutipan untuk

Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin yang telah diadakan pada 11 April lepas di kawasan lagun Rancangan Perpindahan Negara Kampong Pandan.

Projek berkenaan telah berjaya mengutip sejumlah B\$18,661.19 dan dalam masa yang sama sumbangan derma daripada orang ramai terus diterima sehingga kini berjumlah B\$35,654.45, manakala keseluruhan kutipan kewangan sehingga kini sebanyak B\$54,315.64.

Dalam pada itu beberapa buah syarikat swasta seperti syarikat kilang papan, syarikat menjual peralatan dan keperluan membangun rumah telah berjanji untuk menyumbangkan perkhidmatan atau produk mereka bagi membangun semula rumah panjang tersebut.

Majlis Membangun Semula Rumah Panjang Malayan telah didahului oleh Pegawai Daerah Belait dengan menuang simen bagi mendirikan tiang asas rumah panjang berkenaan. Hadir sama beberapa orang ketua jabatan, wakil daripada beberapa buah syarikat swasta, penghulu dan ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan pegawai serta kakitangan Pejabat Daerah Belait.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah ketika menuang simen bagi mendirikan tiang asas Rumah Panjang Malayan yang baru.

eratkan lagi tali silaturahmi di antara pegawai-pegawai dan kakitangan di sektor kerajaan dan bukan kerajaan serta orang ramai.

Tema sambutan pada kali ini ialah 'Kasih Tanpa Sempadan', antara lain membawa maksud, kasih itu tiada mengenal siapa, tidak mengenal usia, bangsa mahupun agama, sehinggalah kepada mereka yang kurang bernasib baik, termasuklah insan yang kurang upaya, anak-anak terbiar dan mereka yang memerlukan perlindungan.

"Dengan mengadakan Majlis Sambutan Hari

Raya ini akan sedikit sebanyak memberikan rasa kasih dan sayang kepada insan-insan ini daripada masyarakat sekeliling," katanya.

Bertepatan dengan tema kali ini, majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada penyumbang budi yang telah pun bermurah hati memberikan sumbangan pelbagai jenis perkakas serta peralatan di Kompleks Rumah-rumah Kebajikan Pulaie baru-baru ini bagi kegunaan penghuni-penghuni rumah tersebut.

Pada tahun ini juga buat julung-julung kalinya telah diperkenalkan satu skim Hadiah Penggalak bagi warga di rumah-rumah kebajikan yang beroleh kejayaan yang menggalakkan di dalam peperiksaan awam dari peringkat rendah (PSR) hinggalah ke peringkat menengah (PMB) dan seterusnya.

Melalui skim ini juga ianya diharapkan akan menjadi inspirasi kepada warga rumah-rumah kebajikan yang lain untuk memantapkan lagi pembelajaran mereka masing-masing demi masa hadapan mereka dan ini juga bererti

yang kemasukan mereka ke rumah-rumah kebajikan ini bukanlah merupakan jalan terakhir dalam kehidupan mereka, malahan ianya merupakan jalan bagi membuka lembaran baru kehidupan mereka yang masih panjang.

Tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan sekali Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Apeng. Majlis pada pagi itu juga diserikan dengan persembahan pentas oleh warga JAPEM.

ARENA SUKAN



MEGAH ... Kontinjen Negara Brunei Darussalam berbaris megah di Pembukaan Rasmi Sukan SEA Ke-22.



Perasmian penuh warna-warni

HA NOI, 5 Disember. - Persembahan penuh nostalgia cerita kuno yang diilham kembali oleh kira-kira 4,000 gabungan lapisan warga Viet Nam berjaya memukau lebih 40 ribu penonton yang menyaksikan upacara perasmian Sukan Asia Tenggara Ke-22 di Stadium Kebangsaan My Dinh (gambar atas).

Persembahan sejarah kebudayaan yang dipersembahkan oleh kira-kira 4,000 orang pelbagai lapisan masyarakat tempatan membawa utusan

keamanan dan sokongan kepada perpaduan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

Pertunjukan kebudayaan kira-kira sejam itu diwarnai dengan imaginasi berbentuk planet yang dipancarkan ke bumi melalui laser, kemunculan naga ala legenda Lac Long Quan dan bunga teratai kebangsaan pada empayer Le Loi berjaya digambarkan dari pancutan air sambil tarian oleh ratusan penari yang membawa makna 'epos mythology' Viet Nam membuktikan kesungguhan tuan rumah

menjadikan temasya ini penuh pengertian kepada masyarakat tempatan dan negara-negara ASEAN.

Persembahan julung kali itu bertambah hebat dengan taburan bunga api pelbagai bentuk dan corak yang menerangi dan menghujani ruang udara perkarangan stadium dan sekitarnya.

Lagu-lagu tema Sukan SEA yang membawa mesej bagi perpaduan, kemajuan dan keamanan bersahutan berkumandang ketika upacara itu dijalankan.

Melahirkan atlet Asia Tenggara bertaraf dunia

HA NOI, 4 Disember. - Sebelas bendera negara-negara ASEAN termasuk Timor Leste mula berkibar megah bagi menandakan bermulanya kejohanan Sukan SEA Ke-22 di ibu negara Viet Nam, di sini.

Upacara menaikkan bendera yang menjadi acara tradisi setiap kali kejohanan itu juga menjadi lambang perpaduan dan semangat kesukanan yang tinggi kepada kejohanan berprestij Asia Tenggara.

Presiden Majlis Olimpik Viet Nam, TYT Nguyen Danh Thai yang juga Presiden Persekutuan Sukan Asia Tenggara dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur berkata, pertubuhan itu sentiasa memberikan pertimbangan dan memandang tinggi bagi kepentingan dan pencapaian semua atlet dan belia Asia Tenggara untuk menggerakkan Sukan Olimpik.

TYT percaya Sukan SEA Ke-22 boleh menghasilkan perpaduan dan kerjasama bagi keamanan dan kemajuan serta menyumbang dengan aktif bagi mempromosi pertalian di bidang ekonomi, program sosial dan pembangunan kebudayaan di rantau ini.

"Melalui usaha sama kepada asas persahabatan akan melahirkan keamanan dan kemakmuran dalam pertubuhan ini," jelas Tuan Yang Terutama di upacara yang berlangsung di Stadium Kebangsaan Utama Hang Day, di sini.

Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan akan menyertai acara trap perseorangan dan berpasukan dalam acara menembak telah berangkat ke upacara itu.

Hadir sama ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Dr. Haji Awang Hussain.

Bendera Negara Brunei Darussalam mendahului negara-negara lain dalam upacara menaikkan bendera yang disertai oleh lagu kebangsaan negara masing-masing, disusuli oleh bendera Kemboja, Republik Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand,



Laporan Samle HJ dan Haji Ahmad HS
Gambar-gambar oleh Pg. Rafee
PDPHM dan Zul-izzi HD dari Ha Noi

Timor Leste dan diakhiri oleh bendera negara tuan rumah, Viet Nam.

Terdahulu dari itu, bendera Negara Brunei Darussalam diserahkan oleh Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Awang Jaafar bin Bangkol kepada dua orang tentera yang bertugas.

Sebanyak 32 acara dipertandingkan dalam kejohanan terbesar di Asia Tenggara yang menyediakan 442 pingat di dua venue utama yang berasilngan iaitu di Ha Noi dan

Bandaraya Ho Chi Minh.

Pada Sukan SEA di Kuala Lumpur lalu, kontinjen negara telah menduduki tempat ke-10 selepas memperolehi 5 pingat perak dan 6 pingat gangsa.

Sementara itu, pencapaian terbaik negara sejak menyertai Sukan SEA ialah ketika negara menjadi tuan rumah dalam tahun 1999 menduduki tempat ketujuh dengan memperolehi 4 pingat emas, 12 perak dan 31 gangsa.

Atlet negara diberi penghormatan larikan obor

HA NOI, 5 Disember. - Viet Nam membuktikan keupayaannya menjadi penyelenggara Sukan SEA Ke-22 yang terbaik apabila lebih awal menghidangkan upacara perasmian yang penuh gilang-gemilang dan bermandikan cahaya di Stadium Kebangsaan My Dinh.

Lebih 40,000 rakyat tempatan bersesak-sesak membanjiri stadium utama yang bernilai US\$53 juta untuk menyaksikan sukan julung kali di Indo China itu di samping mengalul-alukan lebih 6,000 atlet dan pegawai dari negara-negara ASEAN.

Perdana Menteri Viet Nam, Tuan Yang Terutama Phan Van Khai mengisytiharkan pembukaan kejohanan berprestij itu.

Presiden Kehormat Persekutuan Sukan Asia Tenggara, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura

Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam juga berkenan berangkat ke majlis bersejarah bagi pengendalian sukan terbesar di negara itu.

Majlis perasmian yang bermula dengan perarakan bendera Sukan SEA yang diikuti oleh kontinjen Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh 'Chef-de-mission' dan oleh peserta karate-do, Awang Haji Eddie Jofriani Haji Johari membawa bendera kebangsaan.

Kontinjen Kemboja menyusuli perbarisan dan diikuti oleh Republik Indonesia, Laos, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Timor Leste, Thailand dan negara tuan rumah, Viet Nam.

Obor Sukan SEA yang dibawa dari Muzium Bandaraya Ho Chi Minh dan seterusnya diarak ke

dalam stadium. Atlet karate-do negara, Haji Abdul Malik Md. Zaini bersama wakil negara-negara ahli juga diberi penghormatan untuk melarikan obor sementara peserta Wushu tuan rumah, Nguyen Thuy Hien menjadi pembawa obor terakhir menyerahkannya kepada Perdana Menteri Viet Nam.

Pertunjukan kebudayaan yang menjadi legenda cara hidup masyarakat Viet Nam menjadi tarikan hebat malam perasmian, di samping tadarasan pancaran laser telah berjaya memukau hadirin.

Dengan perasmian itu, atlet daripada 10 negara ASEAN dan Timor Leste menjadi negara baru menyertai kejohanan untuk merebut 442 pingat emas yang dipertandingkan.

Kejohanan kali ini juga menyaksikan tiga acara sukan iaitu renang sirip, catur dan bulu tangkis yang

baru diperkenalkan.

Kontinjen tuan rumah membariskan atlet terbesar iaitu sebanyak 690 berbanding pencabarnya Thailand sebanyak 640. Sementara itu Negara Brunei Darussalam akan mengambil bahagian 10 acara sukan dengan membariskan 118 atlet termasuk pegawai.

Kegigihan Viet Nam untuk memberi kepuasan dan kesempurnaan kejohanan sangat jelas apabila membelanjakan kira-kira US\$350 juta untuk membuat persiapan termasuk membina 36 buah stadium, pusat latihan, arena pertandingan yang lain di samping menaikkan taraf kemudahan gelanggang sukan yang lama.

Temasya yang dianggap mini Olimpik serantau itu mempunyai moto bertemakan 'Perpaduan, Kerjasama Untuk Keamanan dan Pembangunan'.

Maha
ginda
Bol-
ldau-
g Di-
unei
enan
Pem-
cagak
uhan
pun.
Yang
Seri
Wazir
Waqar
med
hwal

mim-
dana
nkan
alum
dang
egati
egan

ar

O

A



ANG KEMUNCAK MPERINGATI UBUHAN HUBUNGAN AN - JEPUN



BAGINDA berbual mesra bersama Maharaja Akihito di Majlis Perjumpaan/Mengadap di Istana Imperial (atas).

BAGINDA berserta para pemimpin ASEAN dan Perdana Menteri Jepun mengenakan pakaian tradisi Jepun sambil menikmati minuman sebelum Majlis Makan Malam bermula (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berangkat menghadiri Majlis Santap/Makan Malam yang disembahkan oleh Perdana Menteri Jepun (bawah).

BAGINDA ketika berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah (kiri sekali).

JUNJUNG ZIARAH ... Baginda ketika berkenan menerima junjung ziarah pegawai-pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jepun seurus sebelum berangkat pulang (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menadah tangan semasa doa selamat dibacakan seurus sebelum berangkat dari tempat persemayaman (kanan).



SIDANG KEMUNCIAK MEMPERINGATI PENUBUHAN ASEAN - JEPUN

Pemimpin ASEAN - Jepun bertemu di Tokyo

Liputan Sahari Akim
dari Tokyo, Jepun

TOKYO, 10 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Tokyo, Jepun bagi menghadiri Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun yang akan bermula pada 11 hingga 12 Disember ini.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Berada di Lapangan Terbang Haneda, Tokyo bagi menjunjung dan mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda dan Duli Yang Teramat Mulia ialah Tuan Yang Terutama

Ichiro Aisawa, Timbalan Menteri Kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Jepun.

Terdahulu Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung berangkat turun dari pesawat khas oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Tuan Yang Terutama Haji Mohd. Nor bin Haji Jeludin.

Mengiringi rombongan baginda ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan

pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain.

Juga menjunjung dan mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda dan Duli Yang Teramat Mulia ialah Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng, Pengiran Dato Paduka Haji Osman dan pegawai-pegawai kanan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Tokyo.

Dari lapangan terbang baginda dan rombongan kemudiannya dijunjung menaiki kenderaan khas menuju ke Hotel Imperial, tempat persemayaman baginda sepanjang berada di Tokyo.

Sejurus tiba di Hotel Imperial baginda dijunjung oleh Tuan Kazuo Kodama, Timbalan Pengarah Urusan

Biro Kerjasama Ekonomi/Biro Hal Ehwal Asia dan Oceanian, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Jepun dan Pengurus Am Hotel Imperial, Tuan Tetsuya Kobayashi.

Pada Sidang Kemuncak dua hari itu, pemimpin-pemimpin ASEAN dan Jepun akan meneliti hubungan dialog ASEAN - Jepun, di samping membincangkan kerjasama di bidang-bidang baru bertujuan untuk meningkatkan dan membina perkongsian yang kukuh untuk masa depan hubungan bersama.

Sidang kemuncak itu juga menandakan ulang tahun ke-30 hubungan dan kerjasama Dialog ASEAN - Jepun yang juga merupakan Tahun Pertukaran ASEAN - Jepun 2003 sempena meraihan peristiwa khas tersebut.

Beberapa aktiviti dan acara telah diadakan di

kesemua negara ASEAN dan Jepun bagi meraihan dan meningkatkan kesedaran mengenai hubungan Dialog ASEAN - Jepun selain untuk menjalin hubungan persahabatan, persefahaman dan saling menghormati di antara sesama rakyat.

Selain menghadiri mesyuarat, baginda bersama para pemimpin ASEAN yang lain juga akan membuat kunjungan muhibah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja dan Maharani Jepun.

Di samping itu baginda juga akan berkenan mengadakan perjumpaan dua hala bersama Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Perjumpaan dengan Maharaja, Maharani Jepun

TOKYO, 11 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta pemimpin-pemimpin ASEAN berkenan menghadiri Majlis Perjumpaan/Mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito dan Maharani Michiko di Istana Imperial.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung dan dialu-alukan oleh Grand Chamberlain Istana Imperial yang seterusnya menjunjung baginda berangkat ke Bilik Syakkyo-no-Ma dan kemudiannya ke Bilik Rensui di mana Majlis Perjumpaan/Mengadap bersama Maharaja dan Maharani Jepun berlangsung.

Majlis Perjumpaan/Mengadap tersebut bersempena dengan Sidang

Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun yang dihadiri oleh kesepuluh pemimpin negara anggota ASEAN.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, lawatan ahli kerabat diraja dan pemimpin kanan kerajaan kedua-dua buah negara telah diadakan, antaranya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Jepun pada tahun 1995 dan tahun 2000.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah juga telah berkenan berangkat melawat Jepun pada tahun 2000, manakala Yang Teramat Mulia Putera dan Puteri Hitachi juga telah mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 1996.

Brunei - Malaysia kukuh hubungan dua hala

TOKYO, 11 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi ber langsung di Imperial hotel di sini.

Di Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menitahkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi atas lantikannya sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Kedua-dua pemimpin semasa majlis itu juga berkesempatan membincangkan usaha-usaha bagi mengukuhkan hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara, selain bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Berangkat sama pada majlis itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Juga hadir Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama

Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Tuan Yang Terutama Haji Mohd. Nor bin Haji Jeludin, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun; Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Raja

Dato Seri Paduka Lim Jock Seng, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Amat Berhormat berada di Tokyo bagi menghadiri Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun yang bermula pada 11 hingga 12 Disember 2003.

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia menjalin hubungan tradisi istimewa sebagai negara berjiran yang mempunyai persamaan budaya dan laras bahasa, di samping mengadakan kerjasama strategik dan meluas dalam pelbagai bidang.

PM Jepun raikan pemimpin-pemimpin ASEAN

TOKYO, 11 Disember. - Para pemimpin ASEAN yang menghadiri Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun selama dua hari di ibu negara matahari terbit itu disambut dengan diarak dengan Majlis Santap/

Makan Malam oleh Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi, Perdana Menteri Jepun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta pemimpin-pemimpin ASE-

AN yang lain berangkat menghadiri majlis tersebut di Hotel Imperial di sini.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri

Hal Ehwal Luar Negeri.

Pada majlis itu para tetamu dihiburkan dengan persembahan Grafik Komputer dari Sakura Sanae, Duta Muhibah Grafik Komputer bagi Tahun Pertukaran ASEAN - Jepun 2003 selain persembahan lagu-lagu popular

dari negara-negara ASEAN dan Jepun.

Negara-negara ASEAN dan Jepun mempunyai kepelbagaian budaya ketimuran yang begitu halus dan sopan yang bukan sahaja menjadi kebanggaan semua warganya, malah disanjung dan dikagumi oleh masyarakat barat.

Berangkat pulang dari Tokyo, Jepun

TOKYO, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat

kat pulang lewat malam ini sejurus berakhirnya Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun selama dua hari.

Sebelum berangkat meninggalkan hotel tempat

baginda bersemayam, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimulikan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Berada di Lapangan

Terbang Haneda, Tokyo untuk mengucapkan selamat berangkat ialah Tuan Yang Terutama Shogo Arai, Setiausaha Parlimen Bagi Hal Ehwal Luar dan pegawai-pegawai kanan Jepun.

Juga berada di lapangan terbang bagi menyem-

bahkan ucapan selamat berangkat ialah Tuan Yang Terutama Haji Mohd. Nor bin Haji Jeludin, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun serta pegawai-pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Tokyo.

Pemimpin ASEAN diraikan di Majlis Resepsi

TOKYO, 12 Disember. - Para pemimpin ASEAN dan Jepun yang menghadiri Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun diarak dengan Majlis Resepsi Tahun Pertukaran ASEAN - Jepun 2003 yang mempersembahkan 'A Rainbow of Dance'.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama pemimpin-pemimpin ASEAN yang lain dan Jepun berangkat ke Majlis Resepsi tersebut berlangsung di Bangunan Forum Antarabangsa Tokyo.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Tahun Pertukaran ASEAN - Jepun 2003, merupakan salah satu aktiviti negara-negara anggota ASEAN dan Jepun dalam usaha merapatkan hubungan persahabatan dan kerjasama kebudayaan antara rakyat ASEAN dan Jepun.

SIDANG KEMUNCIAK MEMPERINGATI PENUBUHAN ASEAN-JEPUN

TOKYO, 11 Disember. - Negara Brunei Darussalam dan semua ahli negara anggota ASEAN dijangka meraih manfaat tambahan dalam jangka masa panjang di dalam empat aspek yang dijanjikan oleh Jepun.

Sebagai mencerminkan penguatkuasaan ikatan ASEAN - Jepun yang sudah menjangkau 30 tahun, Jepun menyalurkan komitmen masa hadapannya bagi membantu mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik di rantau ASEAN melalui rangka kerja berikut:

1. Kerjasama dalam ikatan politik dan keselamatan.

2. Kerjasama di dalam ikatan ekonomi.

3. Kerjasama di dalam ikatan pembangunan yang berkaitan terus dengan tiga projek ASEAN iaitu Inisiatif bagi Integrasi ASEAN (IAI), Pembangunan Kawasan Mekong dan BIMP-

EAGA.

4. Kerjasama di dalam ikatan sosial dan kebudayaan.

Aspek-aspek kerjasama berkenaan dijelaskan oleh Jepun di dalam Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun yang diadakan di sini selama dua hari. Sidang Kemuncak ini ialah persidangan yang pertama diadakan di luar rantau ASEAN dan bagi Jepun inilah juga kali pertama negara tersebut menjadi tuan rumah kepada persidangan ASEAN.

Secara individu, Negara Brunei Darussalam memang sudah menikmati keistimewaan di dalam pengendalian ikatan perdagangannya dengan Jepun.

Jepun merupakan rakan niaga ASEAN yang kedua terbesar selepas Amerika Syarikat. Bagi Jepun pula, ASEAN merupakan rakan niaganya yang kedua ter-

Brunei kenal pasti potensi ikatan perdagangan berterusan

sar selepas Amerika Syarikat.

Jepun pernah menyediakan bantuan kewangan sebanyak US\$80 bilion di saat-saat krisis kewangan Asia Timur pada 1997 - 1998. Jepun masih lagi sumber bantuan dua hala (bilateral donor) terbesar bagi ASEAN dan para pelancong dari Jepun merupakan jumlah terbesar yang berkunjung ke ASEAN.

Kerjasama ASEAN - Jepun yang kini menjangkau 30 tahun bermula pada 1973. Ikatan tersebut dijadikan rasmi semenjak Sidang Kemuncak ASEAN

**Liputan
Musa Mohidin
dari Tokyo, Jepun**

- Jepun yang pertama pada 1977 di Kuala Lumpur.

Di situlah juga buat pertama kalinya Tokyo mengumumkan visi ikatan Jepun terhadap ASEAN yang disampaikan oleh Perdana Menteri Jepun, Fukuda Takeo.

Pengumuman beliau, yang menjadi teras dasar luar Jepun bagi rantau ASEAN dan dikenali sebagai Doktrin Fukuda,

merangkumi tiga prinsip:

1. Jepun tidak akan menjadi kuasa ketenteraan lagi.

2. Jepun akan menjalin ikatan yang berasaskan saling mempercayai dan meyakini dengan negara-negara ASEAN.

3. Jepun akan memainkan peranan selaku rakan dengan bekerjasama ke arah usaha pembangunan negara-negara ASEAN.

Ikatan ASEAN - Jepun terus dikembangkan di dalam pelbagai aspek melalui beberapa pengumuman rasmi dari Tokyo mengenai dasar-dasar kerajaan Jepun terhadap ASEAN seperti Inisiatif Miyazawa, Inisiatif Hashimoto dan Pelan Obuchi.

Sebagai contoh pada 1997 Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, memperkenankan dasar ikatan ASEAN - Jepun yang tertumpu kepada penguatkuasaan pembangunan sum-

ber-sumber tenaga manusia, kebudayaan, pembangunan sosial dan isu-isu luar sempadan (transnational issues).

Pada 2002 pula Perdana Menteri Jepun yang baru, Junichiro Koizumi, mengetengahkan lima cadangan yang berfungsi sebagai tataraca pengendalian ikatan ASEAN - Jepun bagi alaf ke-21. Cadangan-cadangan berkenaan merangkumi:

1. Kerjasama Ekonomi Menyeluruh ASEAN - Jepun.

2. Tahun Pertukaran ASEAN - Jepun 2003.

3. Inisiatif bagi Pembangunan Asia Timur.

4. Pendidikan dan Pembangunan Sumber-sumber Tenaga Manusia.

5. Keselamatan.

Sebahagian besar sumbangan Jepun di sepanjang ikatan 30 tahun dengan ASEAN adalah berunsur

ekonomi seperti pelaburan dan bantuan teknikal serta kewangan.

Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun 2003 kali ini akan menegaskan lagi hasrat Tokyo mengenai komitmen berterusan Jepun kepada ASEAN bagi alaf 21. Sesi dua hari ini diakhiri dengan pengisytiharan dua dokumen.

Dokumen pertama mengumumkan hala tuju masa depan kerjasama ASEAN - Jepun dan ianya juga mengandungi garis-garis pandu ikatan ASEAN - Jepun.

Sementara dokumen kedua pula mengandungi Pelan Tindakan Bersama ASEAN - Jepun yang mengandungi matlamat-matlamat tertentu yang akan dilaksanakan di dalam jangka masa terdekat.

Berangkat ke sesi pembukaan rasmi

TOKYO, 11 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Pembukaan Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun di sini.

Keberangkatan tiba baginda di Geihinkan (Rumah Tetamu Negara) dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi, Perdana Menteri Jepun sebelum berangkat bersama pemimpin-pemimpin

**Liputan
Sahari Akim
dari Tokyo, Jepun**

ASEAN dan Jepun ke Kacho-no-Ma, Geihinkan bagi sesi bergambar ramai.

Pada sesi tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan mengurniakan titah.

Berangkat sama di Sidang Kemuncak itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah

Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkhiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Jepun manakala sesi pertama yang menyentuh 'Gambaran Am Hubungan Dialog ASEAN - Jepun' dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Megawati Soekarnoputri, Presiden Republik Indonesia.

Lain-lain pemimpin ASEAN yang menghadiri Sidang Kemuncak tersebut Perdana Menteri Malaysia,

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi; Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo; Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Goh Chok Tong; Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Thaksin Shinawatra; Perdana Menteri Viet Nam, Tuan Yang Terutama Phan Van Khai; Perdana Menteri Laos, Tuan Yang Terutama Boung Nhang Vorachith; Perdana Menteri Myanmar, Tuan Yang Terutama Khin Nyunt dan Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Hun Sen.

Hubungan kerjasama Brunei - Jepun terus diperkukuh

TOKYO, 11 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan dua hala bersama Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi berlangsung di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Semasa perjumpaan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama telah bertukar-tukar pandangan mengenai hubungan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun serta perkara-perkara berhubung Dialog ASEAN - Jepun.

Kedua pemimpin juga membincangkan usaha-usaha untuk mengukuhkan hubungan antara kedua buah negara serta hubungan ASEAN - Jepun. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menitahkan ucapan takziah di atas kematian dua orang diplomat Jepun di Iraq.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkhiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

**Liputan
Sahari Akim
dari Tokyo, Jepun**

Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkhiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Juga hadir pada perjumpaan itu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Tuan yang Terutama Haji Mohd. Nor bin Haji Jeludin, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya

Pekerna Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga hadir sama.

Brunei Darussalam dan Jepun mempunyai hubungan tradisi yang mesra sejak lama dahulu dan menjalin hubungan secara rasmi pada bulan April 1984 setelah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh.

Kedua buah negara juga menjalin hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang ekonomi, politik, kebudayaan, pertanian, pendidikan, kebudayaan dan teknikal.

Jepun merupakan pengimport utama minyak dan gas cecair asli Brunei Darussalam manakala Brunei Darussalam mengimport barangan dari Jepun berupa jentera, peralatan pengangkutan dan produk logam.

Sementara itu pelaburan terus dari Jepun secara kumulatif berjumlah 14.1 bilion yen pada tahun 1999 selain memperuntukkan 39 bilion yen dalam bentuk kerjasama teknikal.

Mengukuhkan kerjasama sosial, kebudayaan

Dari muka 1

Dalam hubungan itu, Brunei Darussalam mencadangkan satu program berbentuk 'flagship' dalam bidang-bidang tertentu dilaksanakan oleh kesemua negara anggota ASEAN seperti ekopelancongan yang boleh mendatangkan manfaat kepada rakyat biasa dari ASEAN dan Jepun dan seterusnya menawarkan kesinambungan dalam hubungan kedua belah pihak.

Menyentuh keselamatan politik, baginda bertitah bahawa Jepun merupakan rakan penting ASEAN di rantau ini dalam mengekalkan kerjasama yang berfaedah bagi membantahan keganasan, senjata-senjata pemusnah dan ancaman senjata nuklear.

Keganasan, titah baginda, akan terus menjejaskan hal-ehwal dunia disebabkan kemampuan pengagasan mengatur langkah-langkah sofistikated untuk memenuhi objektif mereka.

Ke arah itu ASEAN berharap untuk bekerjasama rapat dengan Jepun dalam pelbagai proses serantau seperti ARF bagi menangani masalah-masalah tersebut sambil mengalu-alukan hasrat Jepun untuk menyertai Treati Keamanan Di Asia Tenggara (TAC) kerana ia akan memperkukuhkan lagi hubungan ASEAN - Jepun selain menyumbang kepada ke-

amanan dan kestabilan yang lebih bermakna.

Pada sesi itu baginda juga bertitah bahawa cabaran-cabaran yang dihadapi oleh rantau ini bermula dari krisis kewangan 1997 membawa kepada keadaan selepas tragedi 11 September 2001 hingga merebaknya penyakit SARS baru-baru ini yang telah membawa kepada satu keadaan yang baru.

Beberapa mekanisme yang ada seperti kerjasama ASEAN + 3 boleh digunakan untuk menangani cabaran-cabaran tersebut sementara agar hubungan ASEAN - Jepun terus berjaya, baginda percaya kerjasama perlu diperluaskan terutama sekali dalam bidang ekonomi, perkara-perkara melibatkan keselamatan politik termasuk kerjasama sosial dan kebudayaan.

Mengenai kerjasama ekonomi, baginda bertitah bahawa penandatanganan Rangkakerja Perkongsian Ekonomi Komprehensif (CEP) di antara ASEAN dan Jepun di Bali pada bulan Oktober yang lalu menandakan satu babak baru dalam kerjasama dan hubungan ekonomi ASEAN - Jepun.

Baginda percaya CEP dapat menyediakan dan mengukuhkan usaha-usaha ke arah integrasi ASEAN selain menyumbang kepada merealisasikan Masyarakat Ekonomi ASEAN ma-

nakala bagi Brunei Darussalam CEP dapat memberikan peluang-peluang pelaburan baru selain menyumbang kepada industri pelancongan sambil berharap Brunei Darussalam akan dapat menubuhkan perkongsian ekonomi dua hala dengan Jepun.

Para pemimpin ASEAN yang menyambung Sesi Kedua hari ini menumpukan perbincangan kepada 'Masa Hadapan Hubungan ASEAN - Jepun' dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi, Perdana Menteri Jepun.

Sementara itu pada Sesi Ketiga, Perdana Menteri Koizumi merumuskan hasil mesyuarat Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun.

Sejurus berakhir sesi tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat bersama pemimpin-

pemimpin ASEAN dan Jepun bagi majlis Penandatanganan 'Deklarasi Tokyo Bagi Perkongsian ASEAN - Jepun Yang Dinamik Dan Berkeadilan Di Milenium Baru' dan 'Pelan Tindakannya' di samping penandatanganan 'Deklarasi Pernyataan Dalam Treati Keamanan Di Asia Tenggara' yang menandakan hasrat Jepun untuk menyertai TAC, berlangsung di Kacho-no-Ma, Geihinkan.

Terdahulu keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Geihinkan dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Chihiro Tsukada, Pengarah Geihinkan.

Berangkat sama di Sidang Kemuncak tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkhiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Kerjasama ASEAN - Jepun berkembang maju

Dari muka 1

Baginda juga merakamkan rasa gembira di atas usaha-usaha Perdana Menteri Koizumi membuat lawatan ke beberapa buah negara anggota ASEAN dalam bulan Jun 2002 de-

ngan membawa idea baru bagi perkongsian terbuka di mana ASEAN dan Jepun boleh 'Bergerak Bersama dan Membangun Bersama'.

"Idea tersebut juga telah mewujudkan jalinan dan kesinambungan komitmen yang telah dilaksanakan

oleh Perdana Menteri Fukuda dalam meningkatkan mengukuhkan hubungan ASEAN - Jepun," titah baginda.

Terdahulu baginda bertitah menyatakan penghargaan kepada Perdana Menteri dan Kerajaan Jepun

di atas rekod kerjasama yang sangat baik dan komitmen yang padu selama lebih 30 tahun dalam meningkatkan hubungan Dialog ASEAN - Jepun terutama dalam kerjasama perdagangan, sosial, kebudayaan dan teknikal.

Titah baginda, Jepun telah memberikan contoh yang baik sebagai sebuah negara yang menjalani pembangunan moden dengan kepakaran, kreativiti dan kemahiran dalam bidang teknologi, di samping semangat kerja kuat.



MEMPERERAT HUBUNGAN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sejurus berangkat tiba di Istana Nurul Iman.



BAGINDA, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama-sama Perdana Menteri Malaysia dan kerabat-kerabat diraja berjalan beriringan bagi Majlis Santap Malam (kanan).

BERBUAL MESRA ... Baginda berbual mesra bersama Perdana Menteri Malaysia sejurus sebelum berangkat balik sambil diperhatikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota (bawah kiri).

Gambar-gambar oleh Abdullah HAD, Haji Masmaleh HMA dan Masri Osman



Lawatan PM Malaysia

Oleh Haji Ahat HI dan Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah berangkat ke Majlis Santap bagi meraikan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, di Istana Nurul Iman.

Ketibaan Perdana Menteri Malaysia ke majlis tersebut dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Sebelum Majlis Santap baginda berdua berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Malaysia.

Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat-kerabat diraja. Juga hadir di majlis itu ialah Menteri-menteri Kabinet Malaysia dan isteri masing-masing.

Perdana Menteri Malaysia dan rombongan tiba hari ini bagi lawatan sehari ke negara ini.

Sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Yang Amat Berhormat telah dialu-alukan oleh Menteri

Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman yang juga selaku menteri pengiring.

Semasa berada di negara ini, YAB akan mengadap ke hadapan majlis dan mengadakan perjumpaan empat mata bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Ini adalah lawatan pertama YAB sejak menjawat jawatan Perdana Menteri Malaysia yang baru bagi menggantikan Tun Dato' Dr. Mahathir Mohammad.

Rombongan Perdana Menteri Malaysia termasuklah beberapa orang Menteri-menteri Kabinet YAB.



MENERIMA MENGADAP ... Baginda dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Malaysia dan rombongan di Majlis Mengadap di Istana Nurul Iman. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat-kerabat diraja. Juga hadir di majlis itu ialah Menteri-menteri Kabinet Malaysia dan isteri masing-masing (atas dan bawah).



CHOGM bincang isu masyarakat dunia

ABUJA, 5 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat menghadiri upacara Pembukaan Rasmi Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Pusat Persidangan Antara-bangsa di sini.

Oleh
Haji Ahat HI

Kerajaan Komanwel (CHOGM) adalah satu forum yang penting bagi membincangkan pelbagai isu penting terhadap masyarakat dunia. Ia juga membuat keputusan mengenai kerjasama dan Plan Tindakan Komanwel bagi memenuhi matlamat.

Komanwel yang wujud secara evolusi daripada Empayar Great Britain sebelum ini, koloni di bawah empayar berkenaan di-rujuk sebagai negara-negara Komanwel Britain tetapi setelah 1946, pertubuhan itu dikenali sebagai 'Negara-negara Komanwel'.

Atur cara bagi pembukaan rasmi CHOGM di Abuja di sini bermula dengan para pemimpin dan ketua kerajaan Komanwel bersama isteri masing-masing beredar masuk ke dalam dewan bersama paluan gendang tradisi

suku-suku puak penduduk tempatan dengan diiringi bendera-bendera negara-negara anggota.

Diikuti selepas itu dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen Elizabeth II bersama Duli Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh yang diserikan dengan lagu-lagu oleh kumpulan koir para penuntut sekolah.

Upacara seterusnya ialah ucapan alu-aluan dari Presiden Republik Persekutuan Nigeria, Tuan Yang Terutama Chef Olusegun Obasanjo; Setiausaha Agung Komanwel, Yang Berhormat Donald C. Mc-Kinnon dan Perdana Menteri Australia, Yang Berhormat John Howard.

Kemuncak upacara ialah perasmian CHOGM yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen Elizabeth II

dan diikuti dengan pelbagai persembahan kebudayaan oleh puak-puak penduduk tempatan.

CHOGM kali ini bertemakan 'Pembangunan dan Demokrasi Bekerjasama Untuk Keamanan dan Kemakmuran' telah dihadiri oleh 52 negara anggota dari 54 negara anggota. Dua negara anggota yang tidak menghadiri mesyuarat kali ini ialah Republik Islam Pakistan dan Zimbabwe yang masih digantung keahlian mereka.

Kini Komanwel berbeza keadaannya berbanding pada tahun 1931. Hari ini Komanwel adalah satu pertubuhan bebas yang dianggotai negara-negara berdaulat merangkumi Great Britain dan negara-negara yang pernah menjadi koloninya tetapi memilih untuk mengekalkan hubungan persahabatan dan kerjasama dengan Great Britain yang pernah menguasai mereka.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar dengan penuh minat mendengar penerangan Menteri Kesihatan Malaysia, Yang Berhormat Dato Chua Jui Meng ketika menghadiri Majlis Jamuan Malam sempena Mesyuarat Dua Hala Kali Pertama Negara Brunei Darussalam dan Malaysia Mengenai Kesihatan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Hadiri Sidang Kemuncak WSIS di Switzerland

BERAKAS, 9 Disember. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menghadiri 'Sidang Kemuncak Dunia Mengenai Masyarakat Maklumat' (WSIS) di Geneva, Switzerland disertai oleh delegasi pegawai-pegawai kanan dari kementerian tersebut juga entiti kerajaan dan bukan kerajaan.

Menurut siaran akhbar kementerian tersebut, sidang tersebut memberi peluang yang unik bagi kesemua pemegang amanah utama untuk berkumpul pada perhimpunan peringkat tinggi di samping untuk mengembangkan pemahaman yang lebih baik revolusi ini serta kesannya terhadap masyarakat antarabangsa.

Adalah dijangkakan hasil yang diperolehi dari persidangan ini adalah untuk mengembangkan dan memupuk kejayaan yang jelas semangat politik yang pelan tindakan yang konkrit bagi mencapai matlamat masyarakat maklumat, di samping menggambarkan sepenuhnya kesemua kepentingan berbeza yang dihadapi.

Sidang selama tiga hari akan berakhir dengan pengambilaliran Deklarasi Prinsip dan Pelan Tindakan Bagi Masyarakat Maklumat.

Sidang Kemuncak Dunia ini adalah julung-julung kali diadakan mengenai masyarakat maklumat. Ia akan dihadiri oleh pertubuhan-pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan seperti entiti perniagaan, media, pendidikan, kesihatan, riadah dan hiburan.

an, masyarakat awam, ahli akademik juga sektor swasta, pertubuhan antarabangsa serta pelbagai agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Ianya adalah perhimpunan pelbagai persidangan serantau mengenai masyarakat maklumat dan mesyuarat perse-diaan dari kesemua rantau di dunia.

Siaran akhbar itu menambah, sidang ini dianjurkan atas kesedaran bahawa masyarakat maklumat global berkembang pada kemajuan teramat pantas. Pertemuan pesat di antara telekomunikasi, multimedia penyiaran serta maklumat juga teknologi komunikasi (ICT) menggerakkan produk dan perkhidmatan baru, di samping cara-cara menjalankan perniagaan dan perdagangan. Di waktu yang sama, segala peluang komersial, sosial dan profesional meledak bila mana pasaran baru terbuka kepada persaingan dan pelaburan serta penyertaan asing.

Dunia moden menjalani transformasi asas sebagai masyarakat perindustrian yang menandakan abad ke-20 yang dengan pesat memberi laluan kepada masyarakat maklumat abad ke-21. Proses dinamik menjanjikan perubahan penting dalam semua aspek kehidupan kita, termasuk penyerapan maklumat, interaksi sosial, amalan ekonomi dan perniagaan, urusan politik, media, pendidikan, kesihatan, riadah dan hiburan.

Kita sememangnya berada di tengah-tengah revolusi, mungkin paling hebat yang pernah dialami manusia. Bagi mendatangkan fa-



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria.

edah kepada masyarakat dunia, pertumbuhan berjaya dan berterusan dinamisme baru ini memerlukan perbincangan global serta harmoni dalam perkara-perkara yang berse-suaian.

Tumpuan utama sidang adalah cabaran dalam pembangunan infrastruktur, konektiviti dan akses, keseimbangan di antara hak harta intelektual juga pengagihan pengetahuan promosi penggunaan artikel ICT, promosi kandungan tempatan juga pelbagai isu berkaitan yang lain berhubung dengan masyarakat maklumat.

Ketika berada di Geneva, Yang Berhormat akan menyampaikan kenyataan dan juga menyertai perbincangan meja bulat mengenai penciptaan peluang-peluang digital.

Fasa kedua Sidang Kemuncak Mengenai Masyarakat Maklumat akan berlangsung di Tunisia November 2005.

Bakal jemaah haji nikmati menu khusus

BERAKAS, 10 Disember. - Bakal-bakal haji Negara Brunei Darussalam yang akan menunaikan fardu haji di Mekah yang menggunakan pesawat sewa khas Penerbangan Diraja Brunei (RBA) akan berpeluang menikmati beberapa menu khusus di sepanjang penerbangan tersebut.

Makanan-makanan yang akan dinikmati itu termasuklah makanan untuk sarapan pagi, makan tengah hari dan makan

Oleh
Abu Bakar HAR

malam.

Sehubungan dengan itu, beberapa jenis makanan telah dicadangkan dan dipamerkan bagi para penumpang yang berlan-sung di Pusat Pembekalan Makanan Bagi Pesawat di Jalan Terunjing di sini.

Hadir menyaksikan seterusnya memastikan ke-

bersihan dan kehalalan makanan yang akan dihidangkan itu termasuklah Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Besar dan beberapa orang pegawai dari Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal yang diketuai oleh Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman.

Antara hidangan yang akan dinikmati itu termasuklah nasi empet bersama rendang ayam bagi sarapan pagi, daging kari berserta

nasi putih dan sayur lodeh bagi makanan tengah hari dan nasi goreng kampung bersama acar dan sambal udang bagi makanan malam.

Dijangkakan sebanyak lima penerbangan sewa khas akan beroperasi di sepanjang penerbangan haji tahun ini, empat darinya Darussalam Holdings dan satu untuk PERAHU. Penerbangan pertama dijangka meninggalkan negara pada 7 Januari 2004.



PENGARAH Urusan Haji, Awang Haji Besar dan beberapa orang pegawai dari Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal meninjau lebih dekat lagi kebersihan dan kehalalan hidangan yang bakal disajikan kepada bakal jemaah haji. - Gambar oleh Halim HS.

Penerbangan laluan Eropah, Australia, New Zealand tidak perlu pengesahan semula

BERAKAS, 5 Disember. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) mengumumkan bahawa mulai 1 Januari 2004, para penumpang yang menggunakan laluan Eropah, Australia dan New Zealand tidak lagi perlu membuat pengesahan

semula tempahan mereka.

Sebelum ini, laluan syarikat itu di Asia juga telah mengamalkan dasar yang sama sejak bulan September 1998. Walau bagaimanapun, para penumpang dinasihatkan menghubungi pejabat RBA yang terdekat atau

wakil jualan jika mereka berhasrat untuk membatalkan atau menukar tempahan atau penerbangan masing-masing. Di samping itu, semasa membuat tempahan mereka juga disarankan meninggalkan maklumat untuk memudahkan perhubungan.

ARENA SUKAN

PENCAPAIAN ATLET NEGARA MEMUASKAN

HA NOI, 11 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berpuas hati pencapaian atlet negara sepanjang Sukan SEA Ke-22 yang berlangsung di sini.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian ketika ditemu bual oleh PELITA BRUNEI sebelum

keberangkatan balik meninggalkan Viet Nam selepas menghadiri temasya Sukan Asia Tenggara di Lapangan Terbang Noi Bai, petang tadi.

Menurut sabda Duli Yang Teramat Mulia, sekalipun pencapaian kutipan pingat tidak sebanyak seperti kutipan pada Sukan SEA di Kuala Lumpur, Duli Yang Teramat Mulia melahirkan sabda gembira dan berpuas hati melihat prestasi baik dan kejayaan

atlet sepanjang kejohanan itu.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda agar semua atlet akan terus berusaha lebih gigih untuk meningkatkan prestasi dan sukan negara termasuk persiapan pada kejohanan-kejohanan lain.

Berada di lapangan terbang mengucapkan selamat belayar ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik

Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Ali bin Haji Hassan.

Sepanjang berada di sini, Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan berangkat ke venue-venue pertandingan untuk memberi sokongan moral kepada atlet negara yang bertanding.

Duli Yang Teramat Mulia juga menghadiri Mesyuarat Persekutuan



PENCAPAIAN atlet negara dalam penyertaan di Sukan SEA Ke-22 ini amat memuaskan hati ... sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Sukan Asia Tenggara, di samping berangkat mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri Viet Nam serta menghadiri

Majlis Resepsi.

Duli Yang Teramat Mulia juga selaku Presiden Kehormat Persekutuan

Sukan Asia Tenggara juga diberi penghormatan untuk menyempurnakan penyampaian pingat beberapa acara sukan.

Lawan pedang tersekat di tangan Indonesia

HA NOI, 13 Disember. - Pasukan lawan pedang negara yang berjaya melangkah ke separuh akhir bagaimanapun gagal meneruskan kemaraan selepas dihalang oleh pasukan Indonesia 40 - 45 di Kompleks Sukan Cau Giay di sini.

Trio skuad lawan pedang diwakili oleh Farah Aliah Haji Abu Bakar, Nor Baizurrah Mohd. Rushidi dan Nurazimah Abdul Latif bagaimanapun berjaya memberi cabaran sengit dengan saling berkejaran mata sebelum akur dengan ketangkasan pasukan lawan.

"Saya berpuas hati dengan persaingan yang ditunjukkan oleh peserta kita. Sekalipun tewas, mereka telah menampilkan mutu persembahan yang seimbang, bagaimanapun pendedahan tinggi pasukan Indonesia memberi kelebihan kepada pasukan itu," jelas jurulatih Rocky Purawinata selepas perlawanan separuh akhir pagi tadi.

Menurutnya, jika dibandingkan dengan pengalaman, pasukan lawan mempunyai rekod yang

baik dan telah menjalani latihan beberapa tahun di dalam dan luar negara di samping menyertai pelbagai kejohanan antarabangsa.

Bagaimanapun, beliau tetap menaruh keyakinan bahawa atlet lawan pedang negara boleh menyerlah jika mereka terus berusaha gigih untuk meniti kejayaan.

"Mereka masih muda, peluang mereka di masa akan datang juga tetap cerah. Namun mereka perlu berusaha dengan gigih demi membantu meningkatkan kemajuan dan peningkatan dalam acara itu," jelas jurulatih kepada wakil PELITA BRUNEI.

Sementara itu, acara perseorangan wanita, dua peserta negara, Farah Aliah dan Nor Baizurrah tewas pada peringkat awal.

Farah Aliah Haji Abu Bakar yang berada dalam kumpulan A tewas kesemua perlawanan selepas kalah oleh peserta Republik Filipina, Lenita Reynes dengan kiraan 2 - 5 dan tewas kepada Ti Lu Dung dari Viet Nam 1 - 5.

Beliau juga tewas tipis kepada peserta Indonesia,

Nacy Noralita 4 - 5 sebelum melalui kegagalan terakhir oleh peserta dari Thailand, Supanna Samaboot 4 - 5.

Sementara itu, Nor Baizurrah juga menerima nasib serupa selepas dikesewakan oleh peserta dari Republik Filipina, Jonna Franquelli 2 - 5, tewas kepada peserta terbaik Indonesia, Emi Parniwatiningsih 0 - 5.

Peserta Sabre itu juga gagal menghalang kehebatan peserta tuan rumah, Thi Thuy Chung yang menang mudah 0 - 5 sebelum peserta dari Thailand turut mengambil peluang untuk menewaskan Nor Baizurrah dengan kiraan 5 - 1.

Acara Sabre perseorangan wanita yang julung kali diperkenalkan pada Sukan SEA kali ini didominasi oleh peserta tuan rumah, Nguyen Thi Le Dung dan Nguyen Thi Thuy Chung yang masing-masing merangkul pingat emas dan perak.

Sementara itu, skuad lawan pedang Republik Filipina dan Thailand tidak kempunan berkongsi pingat gangsa.

Pencak silat buat bantahan penghakiman

HA NOI, 12 Disember. - Pasukan Pencak Silat Negara Brunei Darussalam membuat bantahan ke atas keputusan yang dibuat oleh para juri perlawanan ketika perlawanan antara pesilat negara, Awang Khairul Fitri Abdul Wahab bertemu dengan pesilat Singapura, Muhd. Hafiz bin Abdullah bagi kategori kelas B lelaki 55 kg, yang seharusnya kemenangan berpihak kepada pesilat negara tetapi keputusan sebaliknya.

Menurut Pengurus Pasukan Pencak Silat Negara Brunei Darussalam, Pengiran Karim bin Pengiran Haji Metassim bahawa perlawanan antara pesilat negara dan Singapura itu telah jelas memperlihatkan kemenangan mutlak ke atas pesilat Brunei Darussalam sebenarnya.

"Jadi dalam hal ini kita tidak meragui lagi, dengan membuat surat bantahan yang bersandarkan kepada beberapa perkara yang nyata. Jadi fahaman kita mengikuti buku dalam undang-undang bahawa setiap bantahan itu, orang dibantah seperti peserta Singapura itu telah pun dipertahankan oleh pihak penganjur dan kalau kita sudah membuat bantahan ada dengan tanda-tanda kemenangan kita, maka kemenangan itu akan ditarik balik," begitu istilah bantahan tersebut jelasnya ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

Katanya, segala bantahan yang mereka lakukan itu ternyata benar, jadi dalam hal ini tambahnya, pihak mereka telah menerima surat secara bertulis daripada pihak teknikal delegate yang mengatakan bahawa kebenaran bantahan diberikan sekali gus memberi 'green light' untuk memenangkannya.

Menurutnya, pihak teknikal delegate yang menyatakan mengenai terdapat kesilapan pada juri keempat iaitu dari Thailand dan apabila dianalisa balik kertas permarkahan dari juri seramai lima orang terdapat perbezaan.

Juri keempat dari Thailand telah membuat permarkahan pada pusingan ketiga sebanyak enam tendangan berbeza dengan juri-juri lain yang hanya memberikan tiga tendangan dan setelah diteliti kertas-kertas keputusan tersebut bahawa kemenangan peserta Singapura itu adalah dirancang.

Belumpun kegembiraan berita baik itu bertahan lama, pihak mereka telah dipanggil balik pada keesokan harinya yang menyatakan bahawa keputusan tersebut adalah ditarik balik oleh jawatankuasa teknikal.

Seperti yang dimaklumi tambahnya, keputusan yang dikeluarkan pada awalnya oleh teknikal delegate adalah keputusan yang sebenarnya tetapi sebalik keputusan tersebut telah dibuat lagi oleh satu jawatankuasa yang lain. Maka dalam hal ini mereka tidak berpuas hati.

Katanya, setelah jawatankuasa tersebut membuat penelitian semula dan mengambil keputusan untuk mengadakan perlawanan ulangan antara pesilat negara dengan pesilat Singapura, jadi dalam perkara ini mereka telah menolak untuk bertanding kembali, berdasarkan merasa telah diperkecilkan serta untuk menjaga nama baik dan maruah Negara Brunei Darussalam serta pesilat negara.

"Kita bukanlah untuk menarik diri dalam perlawanan tersebut tetapi mengambil pendirian tegas apa yang telah diputuskan oleh jawatankuasa teknikal delegate pada awalnya bahawa pesilat kita telah menang dan disokong oleh pihak penganjur seramai tiga orang," jelasnya.

Menurut beliau lagi selain Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Viet Nam, Myanmar, Malaysia dan Singapura juga membuat bantahan yang sama terhadap keputusan yang dibuat oleh pihak juri perlawanan ketika peserta mereka bertanding.

Ketika ditanya mengenai usaha-usaha ke arah memperbaiki masalah tersebut, beliau menjelaskan jika suatu masa nanti berlangsungnya pertemuan ataupun mesyuarat dengan negara-negara Pendi sendiri di mana perkara-perkara yang telah berbangkit akan ditekankan dalam mesyuarat tersebut dan keempat-empat negara Pendi akan bersatu untuk menyelesaikan masalah bantahan.

Sementara Jurulatih Pencak Silat, Awang Muhammad Nasri yang turut ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI melahirkan perasaan kecewa dan tidak berpuas hati dengan keputusan yang diberikan oleh juri perlawanan dalam pertemuan pesilat negara de-



Laporan Samle HJ dan Haji Ahmad HS Gambar-gambar oleh Pg. Rafee PDPHM dan Mohd. Zul-izzi HD

ngan Singapura, yang mana seharusnya kemenangan diberikan kepada pesilat negara.

Menurutnya, ini adalah berdasarkan penelitian selaku jurulatih yang mana pesilat kita telah berjaya membuat jatuhan sebanyak empat kali terhadap pesilat Singapura sepanjang 3 pusingan berjalan, di mana setiap jatuhan diberi markah sebanyak 3 mata dan kalau empat jatuhan dilakukan markah 12 maka akan diberikan dan pemberian markah ini belum masuk serangan-serangan yang dilakukan.

Mengenai permarkahan katanya dalam pertandingan seharusnya tidak timbul kerana para juri perlawanan dan wasit telah diberikan kursus sebanyak dua kali iaitu bulan Jun dan Oktober yang lalu.

Manakala Ketua Pertandingan Pencak Silat iaitu Pengiran Jaluddin bin Pengiran Mohd. Salleh daripada Negara Brunei Darussalam menjelaskan, sejak bermula pertandingan pencak silat iaitu pada 7 hingga 12 Disember telah banyak timbul masalah yang dihadapi oleh tuan rumah Sukan SEA Ke-22, Viet Nam.

Antara masalah tersebut ialah mengenai bahasa yang kurang difahami, keadaan cuaca sejuk, keramaian penyokong yang begitu ramai dan pihak penganjur telah menerima beberapa bantahan dari negara-negara peserta khususnya dalam acara pencak silat.

Berhubung dengan ban-

tahan, katanya, pihaknya telah menerima bantahan pertama dari Negara Brunei Darussalam melalui pengurus pasukan berhubung ketidakpuasan keputusan juri perlawanan ketika pertemuan pesilat Negara Brunei Darussalam dengan pesilat Singapura.

Setiap bantahan atau protes, jelasnya, yang dilakukan oleh negara peserta kepada pihak jawatankuasa, maka bayaran akan dikenakan sebanyak US 200.00.

Beliau seterusnya berkata bantahan yang dilakukan oleh Negara Brunei Darussalam dalam acara pencak silat, yang mana bantahan tersebut peringkat awalnya telah diterima oleh teknikal delegate dan kemenangan diberikan untuk pesilat Negara Brunei Darussalam mengikut keputusan.

Tetapi akhir-akhir ini setelah dua keputusan dibuat dalam mesyuarat bahawa kemenangan yang diberikan kepada Negara Brunei Darussalam pada awalnya telah ditarik balik dan perlawanan ulangan antara peserta Negara Brunei Darussalam dan pesilat Singapura harus diadakan.

Dalam hubungan ini, katanya, Negara Brunei Darussalam dengan pendirian yang tegas telah menolak untuk mengadakan perlawanan dan tetap dengan keputusan pertama yang diberikan oleh jawatankuasa teknikal delegate.



NOR BAIZURRAH sedang beraksi di peringkat separuh akhir acara lawan pedang di Kompleks Sukan Cau Giay.

ARENA SUKAN

Diberi penghormatan kalungkan pingat

HA NOI, 8 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang juga selaku Presiden Kehormat Persekutuan Sukan Asia Tenggara diberi penghormatan untuk menyempurnakan penyampaian pingat kepada pemenang-pemenang acara menembak di Pusat Latihan Sukan Kebangsaan I, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia menganugerahkan pingat emas bagi acara trap wanita perseorangan yang berjaya dirangkul oleh peserta tuan rumah, Hoang Thi Tuat yang memperolehi 82 mata.

Duli Yang Teramat Mulia juga menganugerahkan pingat perak kepada Supawan Karjaejuntasak dan kepada peserta Republik Filipina, Corral Gay Josefina yang berjaya memungut pingat gangsa selepas banya mampu mengutip 73 mata.

Awal dari itu, Duli Yang Teramat Mulia juga diberi penghormatan untuk menganugerahkan maskot kepada pemenang dalam acara 10 runting target.

Sepanjang berada di sini, Duli Yang Teramat Mulia berangkat bagi menyaksikan atlet negara bersaing merebut kejuaraan sekali gus sebagai penyuntik semangat kepada atlet negara.

Duli Yang Teramat



Laporan Samle HJ dan Haji Ahmad HS
Gambar-gambar oleh
Pengiran Rafee PDPHM dan
Mohd. Zul-Izzi HD dari Ha Noi

Mulia memberi sokongan moral kepada barisan karate-do negara yang berjaya mara ke peringkat akhir sementara sebelah

malamnya Duli Yang Teramat Mulia berangkat ke gelanggang pencak silat kira-kira 11 kilometer dari sini.

Penembak negara duduki tempat ke-13

HA NOI, 9 Disember. - Penembak negara, Nikles Mulok berjaya memperolehi 86 mata dan menduduki di tempat ke-13 dari 15 peserta pada kejohanan acara Trap Perseorangan Lelaki sebanyak lima pusingan di Pusat Latihan Sukan.

"Cuaca sejuk sejak beberapa hari ini telah memberi kesan sehingga menurunkan prestasi ketika perlawanan berlangsung."

jelas Nikles kepada wakil PELITA BRUNEI.

Peserta tuan rumah, Le Nghia mengambil kesempatan kelebihan beraksi di gelanggang sendiri untuk mengutip pingat emas.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

selaku Presiden Kehormat Persekutuan Sukan Asia Tenggara berkenan berangkat menyaksikan perlawanan akhir acara berkenaan.

Le Nghia berjaya mengutip 137 mata sebelum diisytiharkan juara selepas pencabarnya peserta Republik Singapura cuma mampu mengutip 130 mata untuk mengutip pingat perak sementara kutipan keseluruhan 126 mata oleh Reciao Jaime menyumbang pingat

gangsa kepada Republik Filipina.

Sementara itu, rangkaian tiga penembak Republik Filipina, Recio Jaime, Ang Eric dan Dionisio Jethro merebut pingat emas dalam acara Trap Perseorangan Lelaki dengan mengutip 309 mata keseluruhan.

Pasukan dari Viet Nam dan Malaysia masing-masing memperolehi pingat perak dan gangsa.



SOKONGAN MORAL ... DYTm ketika menyaksikan perlawanan menembak acara Trap Perseorangan Lelaki.



PENEMBAK negara, Nikles Mulok memperolehi 86 mata acara trap.

Bukan mudah menangi pingat

HA NOI, 8 Disember. - Bukanlah perkara mudah untuk memperolehi sebarang pingat dalam kategori kelas terbuka, kerana peserta yang menyertainya adalah peserta pilihan dan terbaik dalam semua bidang.

Perkara itu dijelaskan oleh pemenang pingat perak pertama negara dalam Sukan SEA di Viet Nam, Awang Mohd. Fadillah bin Sanif ketika ditemui oleh pihak PELITA BRUNEI selepas perlawanan bagi merebut pingat emas dan perak kategori kumite lelaki terbuka karate-do.

Beliau yang pernah memperolehi pingat perak di Sukan SEA di Negara

Brunei Darussalam dan pingat gangsa di Kuala Lumpur, melahirkan kesyukuran di atas kejayaannya memungut pingat perak buat kali kedua sekali gus mengharumkan nama negara.

Ketika ditanya faktor kekalahan, beliau menjelaskan bahawa kesilapannya ketika pertemuan dengan peserta Malaysia ialah sering kehilangan tumpuan dalam perlawanan, tetapi beliau merasa berpuas hati kekalahan yang dialaminya hanya tipis iaitu 2 - 1.

Selain itu, faktor ketinggalan yang dimiliki oleh peserta Malaysia merupakan halangan untuk dia mencapai kecemerlangan, ini berbanding dengan ketinggian beliau.

Walau bagaimanapun tegasnya, peserta Malaysia juga menghadapi kesukaran untuk membuat serangan sekali gus untuk mengutip mata yang lebih banyak, kerana Mohd. Fadilah mampu bertindak pantas serta berjaya mengutip satu mata dari beliau.

"Saya berharap kesilapan yang saya hadapi semasa perlawanan tersebut tidak akan berulang lagi, malahan akan menjadi pendorong pada diri saya untuk memperbaikinya dan meningkatkan lagi usaha lebih gigih di masa akan datang," katanya.



'BUKAN mudah untuk menangi pingat' ... Mohd. Fadillah.



DYTm Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika menghadiri Mesyuarat SEAGF.

Berangkat ke Mesyuarat SEAGF

HA NOI, 9 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam selaku Presiden Kehormat Persekutuan Sukan Asia Tenggara berangkat ke Mesyuarat Persekutuan Sukan Asia Tenggara (SEAGF) di Daewoo Hotel, hari ini.

Menteri Sukan Viet Nam, TYT Nguyen Danh Thai, Presiden Persekutuan Sukan SEA dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Ke-22 ketika merasmikan mesyuarat itu melahirkan penghargaan kepada semua delegasi yang memberikan bantuan aktif dan menyumbangkan buah fikiran bagi menjayakan tiga mesyuarat

penting sempena Sukan SEA yang berlangsung di sini.

Beliau yakin dengan kerjasama rapat serta bantuan dari ahli-ahli majlis akan membantu meningkatkan dari banyak aspek termasuk bagi sudut pengurusan Sukan Asia Tenggara itu nanti.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Setiausaha Agung Majlis Olimpik Kebangsaan Viet Nam, Profesor Hoong Vinh Giong dimulakan dengan mengesahkan minit bagi Mesyuarat Persekutuan Sukan SEA Ke-III yang berlangsung di Bandaraya Ho Chi Minh pada bulan April lalu.

Majlis juga mendengar laporan bagi Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dan meluluskan beberapa

pindaan status dan peraturan baru yang bersangkutan persekutuan berkenaan. Sementara itu, para ketua delegasi turut menyampaikan kemajuan dan pencapaian pada mesyuarat Chiefs de Mission yang berlangsung di Ha Noi pada bulan Oktober lalu.

Presiden Jawatankuasa Olimpik Republik Filipina, Tuan Celso Dayrit pula menjelaskan kedudukan dan persiapan awal dalam mengendalikannya Sukan SEA Ke-23 di republik berkenaan pada tahun 2005.

Mesyuarat berkenaan juga membincangkan kedudukan penyertaan Timor Leste yang disifatkan sebagai pasukan jemputan kerana belum menerima ketetapan untuk menjadi ahli pertubuhan ASEAN.

Memberikan sokongan moral

HA NOI, 8 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan peringkat akhir karate-do kategori kumite perseorangan lelaki terbuka yang berlangsung di Dewan Pertandingan Gia Lam di sini.

Keberangkatan DYTm di Dewan Pertandingan Giam Lam, dialu-alukan oleh Pengurus Karate-do Negara, Haji Malai Othman serta beberapa orang pegawai dan atlet karate-do negara.

Sejurus itu, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung ke tempat perkumpulan atlet karate-do dan berkenan menerima junjung ziarah para pegawai dan atlet. Keberangkatan DYTm menyaksikan per-

tarangan peringkat akhir wakil negara Awang Mohd. Fadilah bagi kategori kumite perseorangan lelaki terbuka dianggap memberikan tiupan semangat yang kental dan sokongan yang padu kepada peserta negara.

Dalam pertandingan akhir itu nasib tidak menyebelahi wakil negara, Md. Fadilah tewas di tangan Rayner Kisiong dari Malaysia dengan kiraan tipis 2 - 1.

Majlis Resepsi raikan kontinjen negara ASEAN

HA NOI, 8 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang juga

selaku Presiden Kehormat Persekutuan Sukan Asia Tenggara berkenan berangkat ke Majlis Resepsi di Hotel Daewoo.

Majlis itu diberikan oleh Menteri bagi Pengerusi Jawatankuasa

Sukan SEA Ke-22, TYT Nguyen Danh Thai sempena pesta sukan berkenaan berlangsung di sini.

Hadir di majlis ini ialah ahli-ahli Persekutuan Sukan Asia Tenggara dan ketua-ketua kontinjen negara-negara ahli.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia memukul beduk bagi merasmikan pelancaran Majlis Rumah Terbuka Malaysia Hari Raya Aidilfitri di Padang Merdeka Kuching, Sarawak pada 13 Disember lalu.



Berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia berlangsung di Istana Nurul Iman (gambar atas).

Yang Berhormat menyertai rombongan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang mengadakan lawatan sehari ke negara ini.

Kebawah DYMM, PM M'sia adakan rundingan empat mata

Dari muka I

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia berkongsi banyak kepentingan yang meliputi semua bidang seperti kebudayaan, politik, keagamaan dan lain-lain di peringkat kerajaan dan awam kedua-dua belah pihak.

Jalinan hubungan di-

plomatik Negara Brunei Darussalam dan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1984.

Kunjungan lawatan ini merupakan yang pertama dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah sejak dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia kelima pada bulan Oktober lalu.

Lawatan Perdana Menteri Malaysia berserta

para Menteri Kabinet Malaysia adalah sebagai membalas keberangkatan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Malaysia Hari Raya Aidilfitri di Kuching, Sarawak Sabtu lalu.

Kebawah DYMM, Yang Di-Pertuan Agong lancar Rumah Terbuka Malaysia Hari Raya Aidilfitri

KUCHING, SARAWAK. 13 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia telah berkenan merasmikan upacara pelancaran Majlis Rumah Terbuka Malaysia Hari Raya Aidilfitri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid berangkat sama menyaksikan perasmian Rumah Terbuka itu.

Perasmian Rumah Terbuka yang berlangsung di Padang Merdeka Kuching penuh warna-warni dan disaksikan ribuan rakyat dan penduduk Sarawak.

Baginda dan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia berkenan merasmikan pelancaran Rumah Terbuka

Liputan Haji Jaafar HI dan Siti Muslihat HS

itu dengan memukul beduk sebanyak tiga kali yang merupakan tradisi budaya lama.

Selepas itu, baginda bersama-sama Tuanku Syed Sirajuddin berkenan pula memotong pulut kuning.

Berangkat sama menyaksikan pelancaran itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Juga menyaksikan ialah menteri-menteri kabinet dan beberapa orang Setiausaha-setiausaha Tetap dari Negara Brunei Darus-

salam.

Terdahulu sebelum perasmian itu, Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dalam ucapannya menegaskan dan penuh berharap bahawa hubungan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan berkekalan sebagai jiran terdekat.

Dengan hubungan dua hala yang kukuh antara kedua-dua negara, tegasnya, akan meningkatkan lagi persefahaman dan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Yang Amat Berhormat berkata, melalui keamanan dan kesejahteraan yang dinikmati oleh kedua-dua negara akan dapat membantu bagi perkembangan rantau ini.

Katanya, Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur - Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Indonesia dan Republik Filipina (BIMP-EAGA) di mana kedua-dua negara menjadi ahli akan berkembang maju yang akan memberikan manfaat kepada rakyat

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

BIMP-EAGA kini menjadi fokus utama negara-negara ASEAN di tahun mendatang di mana resolusi itu dibentangkan dalam perundingan antara ASEAN dan Jepun di Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun di Tokyo baru-baru ini.

Turut berucap ialah Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud dan Yang Berhormat Dato' Paduka Abdul Kadir, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Majlis malam itu diselenggarakan dengan Majlis Santap Malam. Persembahan kesenian dan kebudayaan menyerikan lagi majlis tersebut.

Sebelum berangkat meninggalkan Padang Merdeka, baginda berdua menyertai tetamu-tetamu diraja dan orang-orang kenamaan yang lain dalam majlis bersalaman dengan rakyat jelata.

DPMM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap secara berasingan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam yang baru, TYT Ha Hong Hai

Oleh Sahari Akim

dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Perancis yang baru dilantik, TYT Awang Haji Zaidini bin Haji Sidup berlangsung di Istana Nurul Iman.

DYTM mula-mula

telah berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Ha Hong Hai, kemudiannya DYTM telah berkenan menerima mengadap TYT Awang Haji Zaidini. TYT berdua telah menyembahkan Surat Tauliah Perlantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam pada 6 Disember 2003.

Turut hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.



MENERIMA MENGADAP ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, TYT Ha Hong Hai (kiri) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Perancis, TYT Awang Haji Zaidini bin Haji Sidup (kanan) di Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Haji Haranadi HB dan Masri Osman.



ممنفعتكن چوتي قشگل فرسكولهن
MEMANFAATKAN CUTI PENGGAL PERSEKOLAHAN

د تربيتكن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دجيتق اوله جباتن فرجيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.